Wadah Pembaharuan
BH BeritaHarian
Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my
Isnin, 12 September 2022 | 15 Safar 1444H | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

197 syarikat tak berlesen tawar pakej umrah

Ia membabitkan syarikat yang menawarkan pakej umrah dan lawatan ke tempat pelancongan dalam negara serta ke negara Eropah, New Zealand, Australia, Korea Selatan dan Jepun → *Muka* 4

TABUNG Pendidikan

"Terima kasih PTPTN kerana menjadi tunjang melangkah ke menara gading, melengkapi masa depan kami"

Pencapaian PTPTN, 25 tahun terus cemerlang menabur bakti

Membina Modal Insan

Sepanjang 25 tahun penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebanyak 3.67 juta rakyat Malaysia telah mendapat manfaat dan dibantu meneruskan pengajian melibatkan RM67.03 bilion pinjaman dikeluarkan. Graduan yang lahir merupakan aset yang penting dan bernilai kepada negara.

Kelestarian Pinjaman

PTPTN komited bagi memastikan setiap pelajar dapat meneruskan pengajian dan menggapai cita-cita. Melalui prestasi bayaran balik pinjaman sebanyak RM25.2 bilion yang berjaya dikutip, dapat membantu menyambung kelestarian pinjaman untuk generasi akan datang.

Perancangan Kewangan

Usaha PTPTN untuk terus membantu masyarakat dengan perancangan kewangan di awal usia dapat dibuktikan dengan jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima sebanyak RM12.65 bilion serta bilangan akaun berjumlah 5.5 juta.

Pendigitalan

Perkhidmatan PTPTN terus diperkasa melalui lakaran sejarah yang sangat bermakna dengan menjayakan agenda pendigitalan negara melalui aplikasi myPTPTN untuk kemudahan urusan pelanggan.

Apli komited teruskan legasi cemerlang PTPTN

Agensi optimis terus beri perkhidmatan terbaik pastikan lebih ramai pelajar terima manfaat

Kuala Lumpur: Pengerusi baharu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) komited untuk meneruskan legasi kecemerlangan agensi itu, sekali gus merealisasikan hasrat menjadikannya Tabung Pendidikan Tinggi Utama Negara.

Apli Yusoff berkata, PTPTN mempunyai perjalanan sejarah yang amat signifikan dan ia wajar dihayati bersama, terutama menghargai jasa serta sumbangannya kepada masyarakat.

"Sepanjang penubuhan PTPTN yang menjangkau usia 25 tahun ini, pelbagai perubahan yang dapat disaksikan. Tentunya saya sangat teruja dan berbangga menjadi sebahagian daripada PTPTN sekarang.

"Saya juga melihat PTPTN sebagai sebuah organisasi yang membawa amanah berat iaitu sebagai satu-satunya 'Tabung Pendidikan Tinggi Utama Negara'," katanya.

Perkasa modal insan

Jelasnya, PTPTN banyak menyumbang kepada modal insan negara melalui pinjaman pendidikan dan menyemai budaya celik kewangan dalam kalangan ibu bapa melalui Simpan SSPN seawal usia anak.

Mengulas amanah besar yang dipikulnya selepas dilantik pada 18 Julai lalu, Apli bersedia memimpin warganya, sekali gus memastikan hasrat utama agensi itu dapat direalisasikan.

"Saya pada dasarnya memikul tanggungjawab besar bersama-sama pengurusan PTPTN yang lain dan mengetuai pasukan ini bagi memastikan hasrat 'Tabung Pendidikan Tinggi Utama Negara' tercapai.

"Sebagai Pengerusi PTPTN saya ingin mengetengahkan PTPTN sebagai agensi yang disegani dan sentiasa terpahat di hati masyarakat bahawa PTPTN adalah agensi yang banyak berjasa kepada masyarakat dan negara.

"Ini akan membentuk reputasi dan imej PTPTN yang lebih cemerlang dalam merealisasikan impian serta peluang kejayaan kepada Keluarga Malaysia selaras dengan moto PTPTN iaitu Peluang Kejayaan Anda," katanya.

Apli Yusoff

PTPTN kecapi 25 tahun gemilang, giat laksana pelbagai transformasi

Ahmad Dasuki Abdul Majid

Kuala Lumpur: Lebih dua dekad Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merajui tabung pendidikan tinggi negara, fungsinya terus diperkukuh dengan pelbagai transformasi bersifat komprehensif dilaksanakan dari semasa ke semasa.

PTPTN yang menyambut ulang tahun ke-25 pada tanggal 1 Julai lalu, bukan sekadar pengurus pinjaman pendidikan tetapi model perancangan kewangan terbaik untuk seluruh Keluarga Malaysia.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, berkata pada awal penubuhannya, agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu bermula dengan satu tujuan, iaitu memastikan tiada pelajar tercicir dan tidak dapat meneruskan pengajian di peringkat universiti disebabkan masalah kewangan.

"Usia 25 tahun mematangkan PTPTN. Pada mulanya kita mampu menaja sekitar 27,000 peminjam tetapi sekarang, Alhamdulillah kita mampu memberi bantuan pinjaman kepada hampir 200,000 peminjam setiap tahun.

"Ini jelas menunjukkan PTPTN sentiasa membantu dalam memberi peluang pendidikan tinggi kepada anak muda untuk mendapatkan pengajian berkualiti bagi melahirkan generasi modal insan yang akan memberi timbal balik kepada negara," katanya.

Jelasnya, institusi kewangan itu turut membuka jalan kepada akses pendidikan yang lebih luas dengan pelbagai manfaat ditawarkan selari dengan hala tujunya.

"PTPTN tidak mahu dilihat sebagai pemberi pinjaman dan pengutip hutang semata-mata, sebaliknya dilihat sebagai tabung pendidikan utama untuk rakyat Malaysia.

"PTPTN juga memberi peluang kejayaan dan impian kepada anak-anak untuk berjaya dalam kehidupan bersesuaian dengan motonya iaitu 'Peluang Kejayaan Anda'," katanya.

Agensi terus relevan

Ahmad Dasuki berkata, PTPTN turut membuktikan agensi itu sentiasa dinamik dan boleh berubah mengikut keperluan semasa.

PTPTN turut mempelbagaikan bantuan kepada mahasiswa, misalnya pada 1999, agensi itu memperkenalkan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) kepada pelajar yang akan memasuki universiti dengan ibu bapa tidak perlu sampai ke tahap mengorbankan tanah, barang kemas atau haiwan peliharaan mereka.

"Pada awal pelaksanaannya pada tahun 1999, kemudahan ini terhad kepada pelajar diploma dan ijazah bagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan jumlah RM1,000.

"Seiring dengan keperluan, WPP diperluaskan kepada pelajar Politeknik dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), manakala jumlahnya telah dinaikkan kepada RM1,500," katanya.

Katanya, sejak WPP diperkenalkan, seramai lebih 950,000 pelajar telah menerima manfaat dengan jumlah keseluruhan RM1.41 bilion.

PTPTN turut menggalas peranan sebagai perancang kewangan bagi ibu bapa dan antara usaha yang membuahkan hasil apabila satu skim simpanan, kini dikenali sebagai Simpan SSPN diperkenalkan pada 2004.

Beliau berkata, produk itu membuka ruang dan peluang kepada ibu bapa memulakan penabungan khususnya bagi tujuan pendidikan serta memupuk amalan menabung seawal usia anak-anak.

"PTPTN telah berjaya menyakinkan peningkatan deposit tabungan pendidikan meningkat dari tahun ke tahun. Sehingga 31 Julai 2022, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM12.65 bilion dengan bilangan akaun berjumlah 5.5 juta," katanya.

Beliau berharap, institusi itu akan lebih cemerlang dan terserlah sebagai institusi penabungan dan pengurus utama dana bagi tujuan pendidikan tinggi menjelang tahun 2025.

Baginya, kejayaan dikecapi sekarang adalah hasil usaha semua pihak termasuk bekas peminjam yang menunjukkan komitmen tinggi untuk membuat bayaran balik pinjaman.

"Sebagai contoh, ketika negara dilanda krisis COVID -19, walaupun terdapat kelonggaran bayaran balik dengan pemberian moratorium kepada peminjam tetapi saya berbangga dengan peminjam PTPTN kerana mereka terus membuat bayaran balik dan kembali memberi kepada generasi akan datang," katanya.

Permudah urusan peminjam

Katanya, Inisiatif #PTPTNSediaBantu telah diperkenalkan bagi memudahkan peminjam berurusan dan menyebar luas pelbagai saluran yang lebih mudah, cepat, selamat serta membantu peminjam untuk memahami dan menggunakan saluran perhubungan PTPTN yang ada dengan berkesan.

"Melalui kemudahan ini, peminjam boleh berhubung dengan barisan hadapan PTPTN yang komited memberikan perkhidmatan terbaik dalam membantu menyelesaikan urusan atau menjawab persoalan melalui saluran disediakan.

"PTPTN juga menggalakkan semua rakyat Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun Simpan SSPN untuk satu keluarga kerana terdapat pelbagai keistimewaan dan manfaat yang ditawarkan melalui simpanan ini. Pembukaan akaun boleh dibuat hanya dihujung jari anda dengan mudah, cepat dan selamat melalui aplikasi myPTPTN," katanya.

Aplikasi ini menawarkan pelbagai kelebihan kepada pelanggan. Jika sebelum ini pelanggan perlu log masuk di portal yang berbeza untuk mendapatkan perkhidmatan PTPTN.

Kini, pelanggan dapat menikmati pelbagai kemudahan PTPTN berkaitan bayaran balik, simpanan dan pinjaman dalam satu aplikasi secara Single Sign On (SSO).

Antara kemudahan yang disediakan dalam myPTPTN seperti semakan penyata pinjaman, bayaran balik pinjaman, semakan penyata Simpan SSPN, pembukaan akaun dan penambahan deposit Simpan SSPN serta permohonan potongan gaji dan Debit Terus bagi bayaran balik pinjaman dan Simpan SSPN.

Beliau turut berharap, PTPTN akan menjadi organisasi yang dibangga dan disegani masyarakat kerana sumbangannya dalam melahirkan serta membina modal insan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Isnin, 12 September 2022 | 15 Safar 1444H | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

Wadah Pembaharuan
BH BeritaHarian
Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

Air laut melimpah ke jalan raya di Klang, Kuala Kedah akibat fenomena air pasang besar

Nasional 13

197 syarikat tak berlesen tawar pakej umrah

Eksklusif

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 197 syarikat yang menawarkan pakej pelancongan, termasuk pakej umrah disenaraikan sebagai entiti yang tidak berlesen oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sehingga mengundang kebimbangan orang ramai.

Syarikat terbabit di bawah Senarai Amaran Entiti Yang Melanggar Akta Industri Pelancongan 1992 dengan 20 daripadanya adalah terbaharu dikemas kini pada 10 Ogos lalu.

Ia antara lain membabitkan syarikat yang menawarkan pakej umrah dan lawatan ke tempat pelancongan dalam negeri serta ke negara Eropah, New Zealand, Australia, Korea dan Jepun.

Senarai nama 197 syarikat terbabit turut dipaparkan di laman web rasmi MOTAC dan di media sosial Facebook kementerian sejak Isnin lalu.

Dalam hantaran itu, MOTAC menasihatkan orang ramai agar lebih berhati-hati dalam memilih syarikat pelancongan.

MOTAC turut menyertakan capaian senarai syarikat pelancongan yang berdaftar berjumlah 4,787 syarikat bagi panduan orang ramai.

Nasional 4

Kabinet setuju gubal RUU Berkaitan Sumbangan Politik Nasional 4

Kerajaan cadang inisiatif khas bantu 500,000 pekebun getah

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Padang Terap: Kerajaan sedang menimbangkan inisiatif khas membantu 500,000 pekebun kecil getah seluruh negara yang bergelut akibat kejatuhan harga komoditi itu, ketika ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata dua cadangan yang dikemukakan adalah menetapkan harga lantai getah sekerap kepada lebih RM3 sekilogram atau memanjangkan tempoh bantuan musim tengkujuh kepada enam bulan.

Beliau berkata, harga pasaran getah sekerap semasa iaitu antara RM2.30 dan RM2.40 dilihat terlalu rendah, sehingga menyukarkan kehidupan pekebun kecil yang kebanyakannya tinggal di luar bandar.

"Kita dapati harga getah rendah dan kerajaan perlu usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun terbabit. Kementerian menerima dua syor untuk dipertimbangkan.

"Pertama, panjangkan bantuan musim tengkujuh daripada tiga bulan kepada enam bulan dan kedua, mempertimbangkan harga lantai getah sekerap dinaikkan melepasi RM3 sekilogram.

"Saya akan bawa cadangan ini mewakili RISDA kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bagi dibincangkan bersama Kementerian Perladangan dan Komoditi serta Kementerian Kewangan dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau memberitahu wakil media demikian selepas Program Pekebun Kecil Makmur 2022, di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua Pengarah RISDA, Datuk Abdullah Zainal.

Nasional 8

Kabinet setuju gubal RUU Sumbangan Politik

Pandangan pihak berkepentingan, termasuk parti politik akan diambil kira

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kabinet bersetuju secara prinsip untuk menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Berkaitan Sumbangan Politik yang akan menyaksikan Pengawal Sumbangan Politik dijadikan entiti bebas bagi mengawal selia sumbangan politik di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata penggubalan RUU berkenaan akan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan termasuk parti politik melalui sesi libat urus yang diadakan.

Beliau menjangkakan RUU berkenaan akan dibentang pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat.

Katanya, pembentangan mengenai skop dasar RUU berkenaan juga sudah dibuat pada Mesyuarat Jemaah Menteri, pada 7 September lalu.

"Penggubalan RUU ini akan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan, termasuk parti politik melalui sesi libat urus yang diadakan.

"Saya juga akan menyusul pandangan Jemaah Menteri agar kerangka perundangan dicadangkan bagi RUU ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik untuk diperhalusi, sebelum dibentang pada Mesyuarat Parlimen kelak," katanya dalam kenyataan semalam.

Bincang dengan enam entiti

Sebelum ini, Wan Junaidi dilapor memaklumkan, sudah berbincang dengan enam entiti termasuk Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung penggubalan RUU berkenaan.

Perbincangan itu turut membabitkan Pendaftar Pertubuhan (RoS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM).

Pada 19 Mei lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bersetuju secara dasar dengan cadangan Pelaksanaan Dasar Penggubalan Rang Undang-Undang Sumbangan Politik, namun ia perlu dibincangkan dengan ahli Kabinet sebelum sesi libat urus dengan parti politik.

> Pembentangan mengenai skop dasar RUU berkenaan juga sudah dibuat pada Mesyuarat Jemaah Menteri, pada 7 September lalu

Wan Junaidi Tuanku Jaafar, *Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)*

RUU berkenaan dilihat penting kerana sehingga kini tiada undang-undang atau peraturan yang mengawal selia pembiayaan politik, selain dapat mengelak risiko rasuah serta penyalahgunaan kuasa membabitkan ahli politik yang memberi impak negatif kepada imej negara dan kerajaan.

Orang ramai dinasihat supaya berhati-hati pilih syarikat mengendalikan pelancongan elak jadi mangsa penipuan. (Foto hiasan)

Ibadat&Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa diberi minyak wangi, maka janganlah dia menolaknya kerana minyak wangi itu ringan dibawa dan harum baunya." (HR Nasa'i)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:17	4:21	7:22	8:31
Alor Setar	6:01	1:17	4:21	7:21	8:31
P. Pinang	6:02	1:17	4:19	7:21	8:30
Ipoh	6:00	1:15	4:16	7:19	8:28
Kuala Lumpur	5:58	1:12	4:14	7:16	8:25
Shah Alam	5:58	1:12	4:14	7:16	8:25
Johor Bahru	5:50	1:14	4:08	7:06	8:15
Kuantan	5:53	1:07	4:08	7:10	8:19
Seremban	5:57	1:11	4:13	7:14	8:23
Bandar Melaka	6:00	1:19	4:37	7:24	8:35
Kota Bharu	5:54	1:10	4:13	7:14	8:19
K. Terengganu	5:51	1:06	4:08	7:10	8:19
Kota Kinabalu	5:00	12:16	3:18	6:20	7:29
Kuching	5:25	12:39	3:43	6:42	7:51

Guna 3 nama berlainan kaburi pihak berkuasa

Dari Muka 1

Ia turut membalas komen pengguna pada ruangan komen, selain menyertakan capaian untuk Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) MOTAC bagi membolehkan orang awam menghantar aduan, cadangan atau pertanyaan.

Jurucakap MOTAC ketika dihubungi *BH* mengesahkan senarai 197 entiti berkenaan atas kesalahan menawarkan pakej pelancongan dan umrah tanpa lesen sah kementerian itu.

"Kesalahan dilakukan di bawah Seksyen 5(2), Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) yang menyebut 'tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengendalikan, atau menganjurkan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan perniagaan pengendalian pelancongan; atau perniagaan agensi pengembaran, melainkan jika ia adalah suatu syarikat dan memegang lesen sah.'

"Jika disabit kesalahan, Seksyen 5(3), akta yang sama memperuntukkan hukuman denda maksimum sebanyak RM500,000 atau dipenjarakan maksimum 10 tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan berterusan, denda maksimum RM5,000 setiap hari boleh dikenakan," katanya.

Pada masa sama, MOTAC berkata, entiti disenaraikan itu terdiri daripada syarikat yang tidak mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen dan dalam senarai pemerhatian serta perancangan penguatkuasaan kementerian itu.

Katanya, ada juga antara entiti terbabit yang menggunakan tiga nama berlainan dan status mereka sudah disiasat.

"Kami sudah buat siasatan dan pemilik hadir ke ibu pejabat MOTAC. Kes mereka dalam proses permohonan lesen dengan pejabat MOTAC Selangor," katanya.

MOTAC dihujani komen

Sementara itu, hantaran MOTAC itu dihujani pelbagai reaksi daripada pengguna, termasuk yang mempersoalkan nama individu atau syarikat tersenarai sebagai entiti tidak berdaftar.

Seorang pengguna Facebook, Mohamad Iman mempersoalkan kenapa MOTAC tidak mengambil tindakan segera terhadap syarikat terbabit sebelum orang ramai terus menjadi mangsa.

"Kenapa kena suruh berhati-hati, kenapa kementerian yang berkenaan tidak ambil tindakan menarik lesen atau menutup terus agensi pelancongan yang melanggar peraturan," soalnya.

Seorang lagi pengguna, Azlyn Mahadzir berkata, ada kemungkinan syarikat terbabit berselindung dengan penipuan sehingga menawarkan pakej pembelian blik hotel yang murah.

"Syarikat *scammer* juga banyak menipu pelanggan dengan menawarkan pakej pembelian blik hotel yangg murah-murah... ramai sudah tertipu tapi tak buat aduan di pejabat tribunal pengguna," katanya.

"Mohon hati-hati semua. Ada yang masih belum dapat *refund* (bayaran balik) deposit RM300 (kerana tiada tiket kapal terbang pd bulan 12) Depa dah collect, tiket x ada. *Refund* pula susah nak dapat," kata pengguna, Syed Ahmad Faisal.

Seorang pengguna bernama Ukhti Amirah pula mendakwa, nama seorang individu disenaraikan berikutan syarikat berkenaan mampu menawarkan pakej pada harga lebih murah sehingga mengundang perasaan tidak puas hati pihak lain.

Baru-baru ini, *BH* melaporkan beberapa agensi pelancongan haji dan umrah dikesan menawarkan ratusan tempat untuk khidmat mengerjakan badal haji dengan pelbagai pakej dan bayaran bermula serendah RM1,700 hingga RM3,000 seorang.

Tawaran harga yang dilihat mampu menarik perhatian itu disifatkan meragukan serta tidak sepadan dengan beberapa peraturan ditetapkan kerajaan Arab Saudi ketika ini.

Agensi tawar badal haji palsu akan disenarai hitam

Keratan akhbar BH, 20 Jun lalu.

Kerajaan disaran perkenal skim pembiayaan alternatif

Laksana pelbagai inisiatif lebih praktikal bantu rakyat miliki kediaman selesa

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kerajaan disaran melaksanakan inisiatif khas bagi membantu rakyat memiliki kediaman sendiri. (Foto hiasan)

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran memperkenalkan konsep pembiayaan alternatif bagi pemilikan rumah, berbanding hanya bergantung kepada institusi perbankan seperti diamalkan ketika ini.

Kerajaan turut boleh melaksanakan konsep perumahan setempat (*council housing*), dengan rumah dibina kerajaan dan disewakan kepada golongan memerlukan tanpa sebarang had masa ditetapkan ke atas penyewa terbabit.

Konsep ini banyak dilaksanakan di negara maju seperti Jerman, Belanda dan Perancis. Ia tidak memberikan individu terbabit peluang bagi memiliki rumah sendiri, namun memenuhi keperluan golongan terbabit mempunyai tempat untuk didiami.

Selain itu, kerajaan turut boleh memperkenalkan konsep pembiayaan Musyarakah Mutanaqisah, yang akan memudahkan golongan B40 dan M40 membeli rumah kerana tidak membabitkan faedah atau riba.

Pakar Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata langkah alternatif itu dapat mengatasi isu pemilikan rumah, memastikan golongan terbabit mempunyai rumah untuk didiami, memudahkan mereka membeli rumah serta mengelakkan mereka terkesan dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR).

Laporan BH semalam.

Selari konsep negara maju

Mengulas lanjut, beliau yang juga Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), berkata konsep *council housing* banyak dilaksanakan di negara maju, bagi membantu golongan yang tidak mampu membeli rumah mempunyai kediaman untuk dihuni.

"Ia akan memenuhi keperluan golongan ini mempunyai tempat untuk didiami," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas hasil kajian yang mendapati sebahagian besar bakal pembeli rumah ketika ini tidak mampu membeli hartanah, termasuk kediaman mampu milik ditawarkan kerajaan tanpa bantuan kewangan.

Kajian Sentimen Pengguna oleh PropertyGuru Malaysia pada separuh kedua 2022, baru-baru ini menunjukkan 51 peratus responden tidak layak memohon skim perumahan mampu milik kerajaan dan tidak mampu membeli hartanah jika tidak mendapat sokongan kewangan.

PropertyGuru juga dilapor berkata, bakal pembeli rumah mungkin terus berdepan dengan isu kemampuan dan kadar inflasi berterusan susulan kenaikan OPR dan Indeks Harga Penguna (IHP) dari tahun ke tahun.

Ahmed Razman

Mengulas lanjut mengenai konsep Musyarakah Mutanaqisah, Ahmed Razman berkata, ia adalah instrumen pembiayaan berbentuk perkongsian, dengan rakan kongsi berjanji membeli bahagian pemilikan rakan kongsi lain secara beransur-ansur.

Menerusi konsep itu, katanya, kerajaan boleh menetapkan pembeli perlu membayar 10 peratus daripada harga rumah, sebelum bakinya dilangsaikan secara sewaan tanpa membabitkan faedah, dengan keseluruhan kerangka itu tidak membabitkan bank.

"Konsep ini boleh dilaksanakan menerusi kerjasama dengan satu atau pelbagai entiti, yang membeli rumah dalam kuantiti banyak untuk memastikan harga setiap unit dapat diturunkan berbanding pasaran, selain mengurangkan bebanan kewangan terhadap kerajaan," katanya.

Gubal peraturan khas

Sementara itu, Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, bersetuju dengan cadangan supaya kerajaan menggubal dasar mengehadkan pembelian rumah yang mampu dibeli golongan M40 dan B40.

Beliau yang juga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas UNIMAS Holdings Sdn Bhd berkata, dasar itu perlu dipadankan dengan larangan ke atas spekulator untuk membeli unit perumahan berkenaan, yang mampu mengelak manipulasi harga, sekali gus memberi lebih banyak peluang kepada orang ramai memiliki kediaman sendiri.

Sokong laksana cadangan dikemuka REHDA

Kuching: Cadangan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) supaya Skim Pembiayaan Rent-to-Own (RTO) diperluaskan, harus dilaksanakan bagi membolehkan lebih ramai pekerja bergaji rendah mampu memiliki rumah sendiri.

Kakitangan awam, yang hanya mahu dikenali sebagai Freddy, 32, berkata beliau amat berharap supaya lima syor yang dikemukakan REHDA itu dilaksanakan bagi meringankan beban pekerja bergaji rendah untuk memiliki rumah, khususnya di bandar.

Terpaksa sewa rumah

Freddy berkata, beliau secara peribadi tertarik dengan skim pembiayaan RTO kerana yakin ia dapat membantunya memiliki kediaman sendiri.

"Saya pernah memohon untuk membeli rumah PR1MA di Matang, Kuching, kira-kira empat tahun lalu, namun gagal kerana pendapatan saya ketika itu kurang RM2,500 sebulan, manakala isteri pula tidak bekerja.

"Sejak itu, kami hanya menyewa rumah hinggalah sekarang dengan kos lebih RM500 sebulan. Jika skim pembiayaan RTO dilaksanakan, rumah yang saya sewa itu sudah pasti akan menjadi milik saya akhirnya nanti," katanya.

Selain memperluaskan skim pembiayaan RTO, REHDA mengesyorkan pengurangan cukai pendapatan sepanjang tempoh pembinaan rumah dan pengecualian cukai sekurang-kurangnya RM20,000 bagi pembelian rumah berharga RM500,000 ke bawah.

REHDA turut mencadangkan supaya kerajaan menggalakkan lebih banyak bank memperkenalkan skim 'Step-up-Financing' bagi merapatkan jurang pembelian rumah pertama.

'Tunggu dua tahun dapatkan pinjaman rumah'

Kota Bharu: Seorang peniaga kecil terpaksa menunggu sehingga dua tahun untuk mendapat pinjaman perumahan bagi memiliki sebuah rumah idaman buat keluarganya.

Rashidi Hasbullah, 46, berkata beliau beberapa kali membuat permohonan pinjaman perumahan sejak dua tahun lalu, namun gagal.

Beliau berkata, permohonannya tidak banyak iaitu hanya RM75,000, namun tidak lulus hanya kerana beliau berniaga secara kecil-kecilan.

"Selama dua tahun, saya memohon pinjaman untuk membina rumah di atas tanah warisan di kampung halaman di Kok Lanas, tetapi gagal.

"Pinjaman bukan banyak, hanya RM75,000 dan rumah yang hendak dibina juga kecil sahaja, namun ia amat bermakna buat saya, isteri dan dua anak.

"Permohonan saya mungkin tidak lulus kerana saya hanya berniaga kecil-kecilan, termasuk secara dalam talian. Alhamdulillah, permohonan saya kali ini diluluskan pihak bank. Untuk memohon pinjaman yang baharu ini, saya menyusun kembali profil kewangan, termasuk simpanan hasil perniagaan," katanya kepada *BH*.

Rashidi berharap, kerajaan atau institusi bank meneliti kembali dan memudahkan permohonan pinjaman perumahan kepada golongan peniaga kecil serta pekerja swasta yang bergaji rendah.

Terdahulu, *BH* melaporkan, kerajaan disaran memberi pengurangan kadar cukai pendapatan bagi pembeli rumah sepanjang tempoh pembinaan kediaman sebagai mengatasi masalah kemampuan dan beban pinjaman yang dihadapi pembeli.

Itu antara lima cadangan dikemukakan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) bagi membantu golongan B40, terutama kategori B1 dan B2, yang memiliki pilihan terhad untuk memiliki kediaman sendiri.

Turun padang tinjau pandangan pengundi

Tasek Gelugor: UMNO turun padang membuat tinjauan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen bagi menilai penerimaan masyarakat setempat kepada nama yang berpotensi dicalonkan parti pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Naib Presidennya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata penerimaan pengundi setempat adalah kriteria penting bagi setiap calon yang akan dipertaruhkan UMNO pada pilihan raya akan datang.

"Calon yang bertanding perlu ambil kira orang (pengundi) mahu (calon itu) kita ambil atau tidak. Di DUN dan Parlimen, kita buat tinjauan, tengok orang ramai boleh terima atau tidak dan kalau ada orang lain (dipilih pengundi), kita ambil dia.

"UMNO juga ambil kira pandangan cawangan dan kita buat penilaian berasaskan orang yang boleh diterima," katanya pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Lembaga Kemajuan Wilayah Utara (PERDA) 2022 di sini, malam kelmarin.

Mahdzir yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata demikian ketika mengulas gesaan supaya UMNO tidak menamakan semula calon yang tewas pada PRU lalu untuk bertanding PRU-15 kerana mereka ditolak rakyat.

Kriteria utama mahu menang

Gesaan itu dibuat Timbalan Ketua UMNO Seberang Perak, Datuk Dr Guntur Tobeng yang mahu calon tewas tidak dicalonkan semula kerana akan menjejaskan kredibiliti parti.

Kelmarin, Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) merangkap Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan pula menegaskan, BN dan UMNO tidak akan mengamal dasar menetapkan calon tertentu perlu kekal di kerusi masing-masing.

Kata bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu, setiap negeri akan mencalonkan nama dan kerusi masing-masing sebelum rundingan dibuat peringkat kepemimpinan tertinggi BN untuk membuat keputusan.

"Kita akan lihat siapa yang dianggap layak dan boleh dipertimbangkan untuk kita jadikan sebagai calon.

"Kriteria utama adalah hendak menang dan saya tiada isu berkaitan hubungan peribadi atau agenda tertentu (dalam pemilihan calon) dan sebagainya," katanya.

Belum bincang dengan 5 pimpinan utama UMNO

Perlu kelulusan Kabinet sebelum PM menghadap Seri Paduka bubar Parlimen

Bera: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan belum ada perbincangan dalam lingkungan *Top Five* UMNO berhubung tarikh Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Lima pimpinan utama atau *Top Five* UMNO merujuk Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohamad Hasan serta tiga Naib Presiden, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ismail Sabri sendiri.

Menurut Perdana Menteri, selepas berbincang dengan *Top Five* nanti, baru beliau akan berbincang dengan MCA dan MIC serta parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain sebelum dibawa ke dalam mesyuarat Kabinet.

"Sebab di bawah Perlembagaan, kena ada kelulusan Kabinet sebelum saya menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk (mendapat perkenan) membubarkan Parlimen.

Ismail Sabri bersama sebahagian wakil masyarakat pada majlis penyampaian peruntukan masyarakat Cina dan India Parlimen Bera, semalam. (Foto BERNAMA)

"Itu prosedur yang perlu dipatuhi," katanya yang juga Ahli Parlimen Bera ketika berucap pada majlis penyerahan peruntukan kepada 68 persatuan dan kelab masyarakat Cina serta India dari sekitar Parlimen Bera di Padang Luas, di sini semalam.

PRU-15 semakin dekat

Dalam ucapannya, Ismail Sabri memberi bayangan PRU-15 'semakin hari semakin dekat' dan merujuk kenyataan Timbalan Presiden UMNO yang sebelum ini menjangkakan ia diadakan sebelum hujung tahun ini.

"Bermaksud tempohnya semakin hampir, sekali gus penting bagi jentera parti untuk mula membuat persiapan," katanya turut mengingatkan pimpinan BN di Parlimen Bera bersedia memperkemaskan gerak kerja jentera pilihan raya parti, termasuk berjumpa pengundi.

Tegasnya, gerak kerja itu penting bagi mengekalkan kemenangan BN di Parlimen Bera dan dua Dewan Undangan Negeri (DUN) di dalamnya, iaitu Guai dan Kemayan selain merampas semula DUN Triang.

"Saya harap pastikan di Parlimen Bera, kita menang bukan dengan 2,000 majoriti, tetapi 5,000 atau 10,000 majoriti. Kita kena menang bergaya, menang besar kerana seluruh Malaysia pandang kerusi Parlimen Bera, kerusi Perdana Menteri, takkan menang dua atau 3,000 majoriti?

"Kerusi DUN Triang MCA minta dari dulu. GERAKAN (bertanding DUN Triang) dan MCA tak puas hati kerana ahli mereka lebih ramai di situ.

"Dulu kuota kerusi ditetapkan dan waktu itu Triang diberi kepada GERAKAN. Mereka tak pernah menang, kalah berkali-kali.

"Sekarang kerusi ini (DUN Triang) diberikan kepada MCA dan MCA kena buktikan mereka boleh menang bila diberikan kerusi.

"Ini cabaran kepada MCA dan kita semua kena sama-sama bantu rampas DUN Triang yang semua orang cakap akan kekal pada DAP," katanya.

Ismail Sabri juga percaya PRU-15 waktu terbaik untuk MCA merampas DUN Triang kerana DAP dan Pakatan Harapan (PH) sudah gagal menunaikan janji selepas berpeluang memerintah selama 22 bulan.

BERNAMA

Khairy pertahan pendedahan diarah kosong kerusi Rembau

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin mempertahankan pendedahannya sebelum ini bahawa beliau diarah mengosongkan kerusi itu oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan yang mahu bertanding di Rembau.

Tegas Menteri Kesihatan yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Rembau itu, kenyataannya berhubung isu itu sebelum ini adalah benar dan beliau tidak perlu membuktikannya.

"Saya sudah nyatakan apa yang perlu saya katakan sebagai jawapan kepada kenyataannya (Mohamad). Ia adalah benar dan saya tidak perlu membuktikannya. Saya tidak akan sentuh perkara itu di khalayak ramai lagi.

"Biar saya selesaikan perkara ini secara tertutup," katanya selepas Majlis Pelancaran Panduan Amalan Klinikal (CPG) Pengurusan Demensia (Edisi Ketiga) dan Pengurusan Schizophrenia (Edisi Kedua) di Sheraton Imperial, di sini semalam.

Kelmarin, Mohamad yang juga Ketua UMNO Bahagian Rembau mengesahkan beliau akan bertanding kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), namun tidak menyatakan sama ada di Rembau atau lokasi lain.

Timbalan Pengerusi dan Pengarah Pilihan Raya BN itu menegaskan, kedudukan calon dan kerusi bagi gabungan terbabit mahupun UMNO belum dimuktamadkan dan kenyataannya berkaitan Rembau sebelum ini hanya mengenai soal kesiapsiagaan jentera parti.

Kenyataan bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu susulan dakwaan Khairy bahawa beliau diarah mengosongkan kerusi disandangnya sejak 2008 itu oleh Mohamad yang mahu bertanding menggantikannya di Parlimen Rembau.

'Belum tentu bertanding di Rembau'

Keratan akhbar BH semalam.

Bincang pembahagian kerusi

Dalam kenyataannya kelmarin, Mohamad turut memaklumkan, soal pembahagian kerusi akan dibincangkan bersama parti komponen BN dalam masa terdekat, iaitu selepas selesai sesi libat urus dan perjumpaan dengan jentera pilihan raya BN Sabah.

Terdahulu pada 3 September lalu, media melaporkan Timbalan Presiden UMNO itu mengumumkan hasrat untuk bertanding kerusi Parlimen pada PRU-15 dan pada masa sama, akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau disandangnya sejak 2004.

"Memandangkan sebagai Timbalan Presiden UMNO, saya perlu bertanding pada peringkat Parlimen bagi memainkan peranan berkesan pada peringkat kebangsaan dan peringkat tertinggi parti," katanya, namun tidak mendedahkan kerusi Parlimen bakal ditandinginya.

Sehari kemudian, Khairy mengakui terpaksa akur dengan arahan yang diterima daripada ketua bahagiannya walaupun tidak pernah bersedia untuk bertanding di mana-mana kawasan Parlimen lain, memandangkan sudah lebih 20 tahun berpolitik di Rembau.

BN rancang ubah syarat lapuk terima masuk sekutu

Ahmad Zahid dan Thanenthiran bersama perwakilan selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Parti Makkal Sakti Malaysia Ke-14 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

Perlembagaan bakal dirombak permudahkan parti lain sertai gabungan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mahu perlembagaan lapuk gabungan itu dirombak supaya hasrat parti baharu yang mahu menyertai BN dapat dipermudahkan dan tidak tersekat.

"Perlembagaan BN mengikat mereka (parti lain) daripada masuk. Syarat jika ada satu pun parti dalam BN menolak parti yang ingin masuk, maka itu tidak boleh dilakukan (terima kemasukan).

"Perlembagaan ini mesti dirombak semula, orang mahu berkawan, mahu sertai, mendukung kita, mengapa mesti tolak hanya kerana kita terikat dengan perlembagaan. Itu perlembagaan lapuk yang harus diketepikan," katanya.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Ke-14 Parti Makkal Sakti di sini semalam, Presiden UMNO itu mendedahkan, ketika ini ada tujuh parti berminat menyertai BN, kebanyakan rakan gabungan itu ketika ini.

Rakan atau *Friends of BN* adalah Parti Makkal Sakti, Parti Cinta Malaysia (PCM), Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), Parti Bersatu India Malaysia (MUIP) dan Parti Punjabi Malaysia (PPM).

Terbaru, Parti Bangsa Malaysia (PBM) yang diterajui Ahli Parlimen Julau, Larry Sng sebagai presiden serta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang juga Ahli Parlimen Ampang, Datuk Zuraida Kamaruddin selaku bakal presiden, turut memohon menyertai BN.

Ahmad Zahid berkata, pindaan Perlembagaan BN juga selaras dengan penjenamaan semula gabungan itu yang menjanjikan keseksamaan kepada semua yang memerlukan kerjasama politik baharu diwujudkan dan perkongsian kuasa mesti direalisasikan.

"Jangan satu pihak saja membolot kuasa, ini tidak akan mewujudkan kestabilan. Ya, saya orang UMNO, saya orang Melayu dan presiden parti Melayu, tapi saya tak boleh ketepikan rakan Cina, India, Kadazan di seluruh negara kerana kita masyarakat pelbagai kaum," katanya.

Dalam ucapannya, bekas Timbalan Perdana Menteri mengulangi jaminan wakil parti rakan BN berpeluang dicalonkan pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) walaupun belum menyertai gabungan berkenaan sebagai parti komponen.

Terdahulu, Presiden Parti Makkal Sakti, Datuk Seri R S Thanenthiran menuntut partinya diberikan kerusi bertanding PRU-15.

Ahmad Zahid berkata, pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor, BN hampir memberikan beberapa kerusi untuk calon Parti Makkal Sakti bertanding atas tiket gabungan itu, namun terpaksa ditarik balik atas sebab yang tidak dapat didedahkan.

Turut mengulangi janji tidak akan membalas dendam kepada sesiapa pun jika UMNO dan BN diberikan peluang memegang berkuasa, Pengerusi BN itu menegaskan, beliau tidak ada sikap menghukum kepada sesiapa pun dan berjanji mengambil tindakan yang bertamadun.

. Beliau menegaskan, BN parti bertamadun yang ketika pertama kali hilang kerajaan, gabungan itu bertindak dengan matang dan tidak menimbulkan kekecohan.

"Saya yakin PRU-15, BN akan berkuasa semula secara dominan dalam politik dan berilah rakyat memberikan mandat mereka," kata Ahli Parlimen Bagan Datok itu turut yakin Malaysia akan kembali stabil di bawah pentadbiran BN.

"Memang kita (dalam BN) ada masalah dan perbezaan pendapat, kita ada masa turun dan ada masa naik, tetapi tidak ada pemasalahan yang menggugat kestabilan negara ketika kita jadi kerajaan," katanya.

Beliau turut berjanji jika BN diberikan mandat, gabungan itu akan meneruskan program memperkasa masyarakat India di negara ini termasuk mewujudkan semula Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (MIB) 2.0.

Singkir 'musuh dalaman' tak lama lagi

Kuala Lumpur: Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menegaskan pembersihan 'musuh dalaman' akan dilakukan dalam gabungan itu dan UMNO tidak lama lagi.

"Tidak lama, saya ulangi, tidak lama, sesuatu mesti dilakukan untuk membersihkan, kita harus melakukan pembersihan dari dalam. Kita tidak mahu ada 'musang dalam reban ayam'. Musang perlu dikeluarkan.

"Kita tidak mahu ada 'bangkai tikus dalam telaga kita'. Telaga yang ada bangkai tikus, airnya tidak boleh diminum," katanya merasmikan Perhimpunan Agung Parti Makkal Sakti Malaysia, di sini semalam, sambil memetik peribahasa bagi merujuk pihak disifatkannnya 'musuh dalaman'.

"Kita tahu kalau ada musuh di luar parti kita, itu kita kenal pasti dengan mudah. Kalau ada duri dalam daging, gunting dalam lipatan, kita kenal. Sekilas ikan di air, kita kenal jantan dan betinanya," katanya yang juga Presiden UMNO.

PM diminta tak termakan ugutan segerakan PRU-15

Kuala Lumpur: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tidak mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) hanya disebabkan ugutan pihak tertentu.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) merangkap Presiden PKR, berkata tidak wajar Perdana Menteri bertindak melulu untuk mengembalikan mandat rakyat atas sebab kepentingan pihak tertentu, termasuk untuk membebaskan daripada kes mahkamah.

"Perdana Menteri tak boleh tetapkan tarikh pilihan raya atas ugutan pihak kecil, kepentingan mereka untuk bebaskan kes mahkamah dan sebagainya.

"Kita tahu pilihan raya semakin hampir. Dalam PH juga, kita sudah siap sedia, gerakkan jentera pilihan raya dan buat rundingan (kerusi)," katanya.

Memberitahu media demikian selepas menjadi panel Sesi Townhall Pentas Interaksi Anak Muda di Pusat Alumni Universiti Malaysia (PAUM), di sini, semalam, Anwar menjangkakan kemungkinan paling awal PRU-15 diadakan penghujung Oktober.

"Kemungkinan lain awal November depan, iaitu selepas Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 atau Belanjawan 2023 selesai dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 Oktober nanti," katanya.

Umum agihan kerusi

Menyentuh agihan kerusi dalam PH, beliau menjelaskan, rundingan antara parti dalam gabungan itu sudah dibuat dan akan diumumkan pada masa terdekat, namun secara kebiasaannya, parti yang menang pada PRU-14 kekal bertanding di kerusi dimenangi.

Ditanya sama ada PH sedia menawarkan kerusi dimenanginya pada PRU-14 kepada Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) jika parti itu diterima menyertai PH, Anwar mengulangi kenyataannya bahawa kerusi sedemikian biasanya kekal untuk parti yang memenanginya.

Mengenai penolakan Angkatan Muda Keadilan (AMK) terhadap hasrat MUDA menyertai PH, Ketua Pembangkang menjelaskan, semua pandangan diterima dan akan diputuskan dalam Majlis Presiden PH selepas berbincang secara teliti berkaitan implikasinya.

"Kita harus berlapang dada. Sentimen (penolakan hasrat MUDA serta PH) dalam PKR tak mudah. Orang boleh berubah, orang boleh taubat. Konklusinya, biarlah pimpinan (PH) teliti, bincang bawa dalam sidang, apa kebaikannya, apa kemungkinannya.

"Saya tidak fikir kalau orang ada hasrat yang baik dengan kita, kita bongkar kisah lama.

"Angkatan muda sekarang lebih positif, kita harus beri ruang untuk bincang dengan semangat membina satu kekuatan menghadapi pilihan raya akan datang," katanya

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson turut mengulas berkaitan Bajet 2023 dan memaklumkan, pemimpin PH sedang berbincang dengan kerajaan bagi meneliti inisiatif serta program yang akan diumum dalam belanjawan itu.

Tiada kelulusan khas kuota pekerja warga asing

Ipoh: Tiada pengambilan pekerja warga asing boleh dibuat menerusi surat sokongan mana-mana pihak, termasuk menteri bagi mendapatkan kelulusan khas kuota buruh dari luar negara itu, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Beliau menegaskan, semua permohonan hanya dibenarkan mengikut prosedur yang ditetapkan secara dalam talian serta melalui proses ditetapkan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Jika ada pun permohonan untuk kelulusan khas termasuk dengan surat sokongan menteri atau Perdana Menteri, katanya, ia tidak terus dimuktamadkan, sebaliknya tetap perlu melalui proses kementeriannya.

Nafi terima tekanan

Menafikan beliau ditekan pihak di pelbagai kementerian berhubung permohonan kelulusan khas pengambilan pekerja asing, Saravanan berkata, permohonan sedemikian tidak semestinya mendapat kelulusan.

"Apabila ada pihak memanjangkan permintaan kepada Perdana Menteri atau mana-mana menteri, memang biasanya ia akan diminitkan kepada saya (jika berkenaan), namun tidak bermakna ia semestinya kita luluskan.

"Walaupun ada surat sokongan itu, permohonan masih perlu melalui prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan. Setiap kali perkara itu, saya tidak terima tekanan daripada mana-mana menteri, termasuk Perdana Menteri untuk meluluskannya," katanya ketika menghadiri Konvensyen Rumah-Rumah Ibadat Hindu Negeri Perak di Dewan Kuil Sri Subramaniar Kallumalai, di sini, semalam.

Saravanan diminta mengulas hantaran tular di Twitter memaparkan gambar didakwa surat daripada Pejabat Perdana Menteri berhubung permohonan kelulusan khas merekrut dan membekalkan 12,000 pekerja asing untuk sebuah agensi pekerjaan.

Mengesahkan pihaknya menerima surat seperti ditularkan itu, beliau berkata, surat berkenaan diminitkan kepada Pejabat KSM bertarikh 13 Januari 2022 sebelum tular di media sosial sejak semalam.

Kandungan surat itu antara lain memohon perhatian Menteri Sumber Manusia untuk kelulusan khas sebuah agensi pekerjaan swasta bagi merekrut dan membekalkan 12,000 pekerja asing dari Bangladesh tanpa perlu dirujuk kepada panel jawatankuasa berkaitan.

'Pak Lah hidap demensia sejak mula bersara'

Khairy dedah bekas PM tidak ingat nama sendiri, isteri serta ahli keluarga

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Khairy melawat pameran selepas Majlis Pelancaran Panduan Amalan Klinikal Pengurusan Demensia (Edisi Ketiga) dan Pengurusan Schizophrenia (Edisi Kedua) di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, buat kali pertama mendedahkan, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, menghidap demensia.

Khairy berkata, Abdullah atau lebih dikenali Pak Lah, yang juga bapa mentuanya, tidak lagi mengingati namanya sendiri, isteri serta ahli keluarga lain.

"Saya ingin berkongsi satu perkara peribadi yang tidak pernah dikongsikan sebelum ini, yang Pak Lah menghidap demensia.

"Beliau mula menunjukkan tanda kemerosotan kognitif (cognitive impairment) sejak pada 2009, selepas beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri.

"Ramai orang tertanya-tanya keberadaannya dan sudah lama tidak melihatnya di tempat umum. Beliau kini terpaksa duduk atas kerusi roda, umpama mempunyai kehadiran fizikal dan fikirannya tiada," katanya.

Beliau berkongsi perkembangan Pak Lah itu pada Majlis Pelancaran Panduan Amalan Klinikal (CPG) Pengurusan Demensia (Edisi Ketiga) dan Pengurusan Schizophrenia (Edisi Kedua), di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah; Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr Hazli Zakaria dan Pengerusi Kumpulan Pembangunan Panduan Amalan Klinikal (CPG) merangkap Pakar Psikiatri Geriatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Chan Yee Fai.

Dapat persetujuan keluarga

Khairy menjelaskan, pendedahan mengenai penyakit dihidapi bapa mentuanya itu dibuat selepas mendapat persetujuan daripada keluarganya.

"Bagi pesakit demensia, pengurusan penjagaan paling mencabar. Saya melihat bagaimana ibu mentua, Auntie Jean melalui situasi sukar kerana demensia bukan satu penyakit, tetapi memerlukan penjagaan rapi 24 jam.

"Lebih banyak hari yang sukar berbanding hari yang lancar. Jadi, doakan beliau dan kami berharap untuk hari yang lebih baik akan datang," katanya yang yakin bapa mentuanya masih mengenalinya apabila beliau melawatnya.

Berkongsi pengalaman, Khairy berkata, pesakit demensia memerlukan penjagaan berterusan sepanjang masa bagi memastikan keselamatan terpelihara.

"Justeru, kami menyediakannya jururawat profesional untuk bersamanya 24 jam. Kami agak bernasib baik kerana mampu berbuat demikian, bayangkan orang yang tidak mampu.

"Demensia tidak boleh didiskriminasi. Bayangkan orang yang tidak mempunyai akses kepada penjagaan, yang tidak mampu, tetapi mereka perlu menjaganya kerana ahli keluarga," katanya.

Berikutan itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan menubuhkan satu jawatankuasa bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bagi mengkaji peningkatan penjagaan sosial pada peringkat komuniti dapat dilakukan, termasuk bagi penghidap demensia.

Beliau berkata, langkah itu memerlukan peruntukan tambahan, terutama bagi membantu keluarga yang tidak mampu menggajikan jururawat untuk bersama ahli keluarga yang menghidap demensia.

"Negara memerlukan pelaburan, bukan hanya dalam bidang klinikal dengan menambah pakar dalam bidang itu, tetapi sokongan yang boleh diberi di peringkat pemulihan, terutama bagi membantu ahli keluarga," katanya.

Pada masa sama, katanya, KKM juga mempelajari amalan penjagaan sosial dari negara luar seperti United Kingdom (UK), yang maju dalam bidang berkenaan.

"Mereka boleh hantar pekerja sosial mereka untuk menjaga ahli keluarga, memberi sokongan kepada pesakit yang menghidap demensia dan masalah yang menyebabkan mereka tidak dapat berfungsi dengan normal," katanya.

Beliau berkata, isu kesihatan mental di negara ini juga meningkat disebabkan trend menua berikutan peningkatan usia rakyat Malaysia.

Cadangan babit kos besar, perlu penelitian

Dari Muka 1

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, kedua-dua cadangan itu membabitkan kos agak besar, justeru memerlukan penelitian dan perbincangan yang teliti.

Beliau memberi contoh, bantuan musim tengkujuh tiga bulan ketika ini membabitkan kos RM200 juta dan kos akan meningkat kepada RM400 juta jika bantuan itu dilanjutkan lagi selama tiga bulan seperti yang dicadangkan.

"Begitu juga harga lantai getah sekerap. Bagi setiap kenaikan 10 sen, kosnya adalah RM100 juta. Jika naik 50 sen, maka kos akan jadi RM500 juta. Kerajaan kena timbang dan tengok yang mana terbaik," katanya.

Pada masa sama, katanya, Perdana Menteri turut mengarahkan Jawatankuasa Khas Kabinet ditubuhkan bagi mencari penyelesaian terbaik bagi menangani pelbagai permasalahan dihadapi pekebun kecil getah, yang berlarutan sejak sekian lama.

Selain itu, katanya, nasib penoreh yang menoreh di kebun milik individu lain turut perlu diberi perhatian berikutan golongan itu yang paling terkesan akibat kejatuhan harga getah.

"Kadang-kadang kita terlepas pandang mereka yang menoreh di tanah milik orang lain. Jadi, kita mahu mereka ini diraikan sebagai pekebun kecil getah juga.

"Mereka ini boleh disahkan ketua kampung sebagai penoreh yang menoreh di kebun milik orang lain. Jika tidak, orang yang ada geran tanah sahaja mendapat faedah," katanya.

MukaSepuluh
E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Ilmu urus banjir dapat minimumkan kematian, hilang harta benda

- Persiapan awal, koordinasi antara agensi elak sikap 'mencari salah siapa' dalam menguruskan bencana banjir
- Dedah ilmu pengurusan bencana kepada orang ramai seperti di Jepun, latih ketua komuniti cepat bertindak balas

Institut Pengajian Sains Sosial, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Masyarakat di negara ini sudah terbiasa dengan istilah banjir monsun atau musiman yang kerap melanda negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, Pahang dan Terengganu.

Malah, kita juga tidak janggal dengan istilah banjir kilat yang sering melanda kawasan bandar disebabkan menerima hujan lebat dalam masa singkat di samping disumbang sistem saliran sering 'bermasalah.'

Terkini, istilah *debris flood* atau banjir puing juga menjadi tidak lagi asing kerana kerap melanda kawasan tanah tinggi hingga menjadi ancaman apatah lagi kawasan tidak pernah banjir turut dinaiki air.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November ini, yang membawa kepada banjir besar pada penghujung bulan berkenaan. Cuaca dialami dijangka memberi impak lebih signifikan kerana Monsun Timur Laut aktif pada tempoh berkenaan berisiko tinggi menyebabkan berlaku hujan lebat berterusan dan banjir berskala besar.

Malah, fenomena La Nina masih berterusan hingga awal tahun depan dijangka turut menyebabkan peningkatan taburan hujan berpotensi menyumbang kepada bencana banjir.

Apabila banjir dikaitkan fenomena hujan lebat, ia bukan kebetulan, sebaliknya semua ini antara kesan perubahan iklim kian ekstrem.

Natijahnya, langkah mitigasi banjir perlu bermula dengan kesedaran terhadap perubahan iklim kian ekstrem berserta langkah konkrit mitigasinya dikaitkan sebagai punca terbesar banjir.

Banjir besar 2021-2022 mencatatkan kerugian mencecah RM 6.1 bilion akibat kerosakan aset awam dan infrastruktur, tempat kediaman, kenderaan, sektor pembuatan, premis perniagaan serta sektor pertanian.

Rentetan itu, pengurusan bencana seperti banjir memerlukan persediaan dan koordinasi antara agensi kerajaan. Sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan bencana banjir, Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat bersama semua agensi berkaitan terutama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta wakil kerajaan negeri bagi memastikan semua pihak membuat persediaan awal selengkapnya berdepan bencana banjir.

Tindakan proaktif ini diperlukan bagi memastikan setiap agensi kerajaan dipertanggungjawabkan mengurus bencana benar-benar faham tugas dan tanggungjawab masing-masing serta paling utama mengelak sikap 'mencari salah siapa' dalam menguruskan bencana itu.

Pengerusi dan agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana pada setiap peringkat seharusnya mahir dan berperanan selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No 20. Pengalaman berhadapan sekian lama dengan bencana banjir seharusnya mampu 'mematangkan' pelbagai pihak dalam merangka strategi dan mengatur tindakan berkesan menghadapi bencana banjir.

Persediaan rapi membabitkan kesiapsiagaan dari segi pusat pemindahan banjir, bekalan makanan dan peralatan untuk perpindahan bagi mangsa banjir. Kementerian dan agensi turut disaran menetapkan 5 peratus daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tujuan pengurusan bencana bagi persiapan perbelanjaan persediaan bencana, pemulihan serta pascabencana, pencegahan dan mitigasi risiko bencana.

Pertingkat stesen siren amaran awal banjir

Stesen siren amaran awal banjir dibunyikan secara automatik sebagai tanda amaran mengenai kebarangkalian berlaku banjir dan disusuli pengumuman atau pengaktifan suara mengenai paras bahaya air sungai harus dipertingkatkan di seluruh negara.

Tahap kesiapsiagaan tinggi inilah menyebabkan kadar kehilangan nyawa dalam sesuatu bencana adalah kecil. Perkara lain perlu diberi keutamaan adalah memastikan bilik gerakan bencana di setiap daerah terkesan dibuka pada kadar segera bagi menempatkan petugas atau sukarelawan dengan menyediakan ruang penyampaian maklumat kepada seluruh agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu koordinasi pergerakan sukarelawan dan agihan bantuan.

Peruntukan dana khas bencana perlu segera disalurkan kepada setiap daerah terkesan bagi membolehkan bantuan kepada rakyat terjejas diagih segera. Pakar juga perlu dilantik untuk mengkaji sistem perancangan bandar dan kampung serta saliran air bermasalah bagi mengelakkan bencana memberi impak teruk agar tidak berlaku seperti di Selangor dan Johor.

Ramai pakar bidang berkaitan di institut pengajian tinggi (IPT), pastinya mahu turut menyumbang kepakaran dimiliki bersama masyarakat. Integrasi dan sinergi antara kepakaran universiti dengan pihak berwajib mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat lebih baik.

Pemerkasaan komuniti perlu dipertingkat bagi mewujudkan masyarakat berdaya tahan terhadap bencana dan berperanan sebagai *first responder* dan bukan hanya bergantung kepada agensi penyelamat semata-mata.

Masyarakat perlu didedahkan ilmu berkaitan pengurusan bencana seperti dilakukan di Jepun. Ini penting agar kita lebih bersedia menghadapi kemungkinan bencana melanda negara. Ini membabitkan pendekatan usaha menyeluruh masyarakat yang perlu diterjemahkan dalam dasar, pengoperasian dan latih amal bencana dengan pembabitan bersama agensi kerajaan dan organisasi masyarakat sivil (CSO).

Sebar maklumat perubahan cuaca

Pemerkasaan kapasiti komuniti setempat turut perlu dipertingkatkan melalui ketua komuniti yang akan bertindak sebagai *initial responder* dengan komuniti terkesan dibekalkan dengan kelengkapan asas dan bantuan untuk melaksanakan tindakan awal berdepan bencana.

Maklumat perkembangan perubahan cuaca perlu disebar agar masyarakat lebih peka mengenai banjir. Ia diakui antara kaedah terbaik dan terpantas untuk mengeluarkan amaran awal serta arahan bersedia terutama kepada penduduk di kawasan rendah serta berisiko banjir seperti menggunakan aplikasi WhatsApp, *push notification* dan khidmat pesanan ringkas (SMS) melalui kerjasama dengan syarikat telekomunikasi.

Ini kerana masih terdapat orang awam tidak cakna maklumat dipapar di laman web, media sosial dan aplikasi disediakan kementerian, agensi serta jabatan berkaitan.

Penghasilan visual simulasi banjir dan infografik perlu diberi perhatian kerana ia boleh disebar luas melalui media massa dan media sosial. Pemaparan video *real time* atau masa nyata berhubung situasi semasa paras air dan banjir di kawasan kejadian supaya orang ramai percaya bencana banjir memang berlaku juga alternatif baik.

Cadangan Perdana Menteri untuk mewujudkan subjek utama dalam menangani bencana pada pelbagai peringkat pendidikan, sekolah, kolej dan universiti supaya seluruh masyarakat dapat mengadaptasi masalah banjir sebagai norma baharu juga perlu disegerakan.

Dapat disimpulkan konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) menjadi aspek penting perlu diperkasa serta boleh dijadikan penanda aras dan diaplikasikan dalam tadbir urus bencana alam sekitar pada peringkat organisasi, negeri mahupun negara.

Hakikatnya pengurusan bencana adalah urusan semua pihak, maka aspek komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam adalah kunci perlu dilaksanakan secara berterusan bagi membentuk budaya perkongsian tanggungjawab, termasuk dalam aspek pengurangan risiko bencana (DRR).

Jika agensi kerajaan dan masyarakat mempunyai ilmu dalam menguruskan bencana, kadar kematian serta kehilangan harta benda dalam sesuatu bencana dapat diminimumkan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@mediaprima.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my

Tidak patut tangguh semua pindaan Akta Kerja 1955

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

Oleh Mohd Effendy Abdul Ghani
bhrencana@bh.com.my

Pengumuman kerajaan untuk melaksanakan pindaan Akta Kerja 1955 berkuatkuasa 1 September lalu adalah hadiah terbesar kepada pekerja. Kira-kira 16.54 juta tenaga kerja menyambut baik pindaan itu disifatkan adil kepada pekerja, majikan serta kerajaan.

Bagaimanapun, kegembiraan pekerja ini ibarat 'menyangka panas hingga petang, rupanya hujan di tengah hari' selepas Kabinet memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan pindaan akta itu kepada 1 Januari 2023.

Keputusan itu amat mengejutkan pekerja kerana penangguhan dibuat beberapa hari sebelum akta berkenaan patut dikuatkuasakan.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) melihat keputusan kerajaan ini tidak konsisten tanpa libat urus, mahupun perbincangan bersama wakil pekerja.

Dalam konteks ini, MTUC berharap kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia perlu jujur kerana ketika penyediaan cadangan pindaan sebelum ini, ia membabitkan sesi libat urus telus dan berterusan.

Jika kita lihat objektif utama pindaan Akta Kerja 1955 secara asasnya untuk meningkatkan dan menambah baik perlindungan serta kebajikan golongan pekerja di negara ini.

Majikan dan kerajaan pula perlu memastikan peruntukan undang-undang perburuhan selari dengan standard antarabangsa digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Ia juga bagi memudahkan kerajaan merundingkan perjanjian perdagangan yang ketika ini kerap memasukkan fasal berhubung standard minimum perburuhan sebagai antara terma perjanjian perlu dipatuhi.

Bermakna, pindaan akta kerja ini akan memberi manfaat kepada semua pihak dan meyakinkan pelabur, sekali gus membantu meningkatkan pemulihan ekonomi negara.

16 pindaan Akta Kerja

Terdapat 16 pindaan dibuat, tetapi ia bukan sekadar tertumpu kepada tempoh pengurangan waktu kerja daripada 48 jam seminggu kepada 45 jam seminggu sahaja.

Perkara paling utama, perluasan liputan Akta 265 kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji yang jelas dapat menghapuskan diskriminasi terhadap pekerja dalam negara ini.

> "Kerajaan perlu bersikap lebih terbuka dan menghormati semangat tripartite seperti terkandung dalam Konvensyen ILO C144 - Tripartite Consultations setiap kali mengadakan perbincangan"

Ini termasuk peningkatan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari serta pemberian cuti paterniti tujuh hari bagi menghapuskan jurang perbezaan antara penjawat awam serta pekerja swasta seiring slogan Keluarga Malaysia.

Pindaan akta turut menggalakkan majikan membenarkan pekerja membuat Aturan Kerja Fleksibel yang dilaksanakan ketika pandemik dan sehingga hari ini terdapat majikan masih melaksanakan sistem pekerjaan anjal.

Dalam konteks kerajaan pula, Malaysia kekal berada dalam Tahap 3 dua tahun berturut-turut bagi Laporan Pemerdagangan Orang (TIP), menunjukkan negara gagal memenuhi sepenuhnya standard minimum serta tidak melakukan usaha ketara dalam isu ini.

Pindaan akta itu diyakini dapat mengembalikan kepercayaan dunia terhadap Malaysia serta menunjukkan kerajaan serius menangani isu buruh paksa serta diskriminasi terhadap pekerja.

Wajar ditegaskan, pindaan akta ini juga memberikan faedah kepada pekerja dan tidak menjejaskan ekonomi, mahupun prestasi mana-mana sektor perniagaan.

Justeru, bukan semua pindaan akta itu perlu ditangguhkan kerana ada yang perlu dilaksanakan segera untuk kebaikan dan faedah semua pihak bagi kesinambungan pemulihan ekonomi negara.

Sebaiknya, kerajaan perlu bersikap lebih terbuka dan menghormati semangat *tripartite* seperti terkandung dalam Konvensyen ILO C144 - *Tripartite Consultations* setiap kali mengadakan apa-apa perbincangan.

Kesatuan sekerja bukan kumpulan pendesak, tetapi adalah kumpulan berkepentingan. Melalui konsep kerjasama pintar, kami percaya sesuatu keputusan dapat dicapai bersama demi kepentingan bangsa, agama serta negara tercinta pada masa kini dan hadapan.

Kaunseling bergerak bantu atasi gangguan mental

Penyelidik Malaysian Research and Education Foundation (MyREF)

Oleh Dr Norhafizah Abdul Halim
bhrencana@bh.com.my

Kes bunuh diri sering menjadi topik perbincangan dalam banyak platform penyampaian maklumat. Secara global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan sekurang-kurangnya 703,000 kes bunuh diri setiap tahun.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) memaparkan peningkatan kes bunuh diri dalam tempoh tiga tahun antara 2020 hingga 2022 dengan purata 77 orang bunuh diri setahun.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam kenyataan sempena hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia 2022, kelmarin turut berkongsi rekod PDRM yang melaporkan 467 kes bunuh diri dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Dalam kejadian terbaru, masyarakat digemparkan cubaan bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang dengan jarak selang beberapa jam sahaja. Senario ini mencetuskan tanda tanya tahap kesihatan mental masyarakat hari ini.

Tidak dinafikan realiti hidup kian mencabar sehingga mendorong perilaku di luar kawalan. Ramai berdepan masalah kewangan, lebih-lebih lagi susulan penutupan dan pengecilan beberapa sektor ekonomi.

Rekod Jabatan Sumber Manusia (KSM) mendapati 600,000 rakyat kehilangan pekerjaan ketika pandemik. Ini memberi kesan besar terhadap kelangsungan hidup, terutama individu berkeluarga. Tekanan itu mengundang kecewa, risau, takut dan putus asa. Jika berlarutan, berupaya membawa kepada gangguan mental dan psikologi.

Namun, masalah kehilangan kerja bukan sahaja menjadi punca gangguan mental, bahkan mereka yang masih bekerja. Tekanan melampau di tempat kerja antara aspek mendorong gangguan mental.

Tahap kawalan emosi berbeza

Ramai yang mengalami tekanan melampau sama ada berpunca bebanan kerja berlebihan, konflik dengan rakan sekerja, dibuli dan suasana kerja tidak menyokong. Sememangnya setiap pekerjaan mempunyai cabaran tersendiri, namun setiap individu memiliki tahap kawalan emosi serta cara berbeza.

Selain itu, masalah peribadi seperti isu rumah tangga menjadi titik tolak permasalahan. Persekitaran rumah tidak kondusif dan berlaku aktiviti tidak sihat seperti pengambilan bahan terlarang turut mengundang gangguan mental.

Isu gangguan mental bukan main-main, sebaliknya menuntut keprihatinan semua pihak. Masyarakat perlu lebih peka dengan kemungkinan masalah dialami seseorang. Sekurang-kurangnya berupaya membantu individu daripada melakukan sebarang tindakan tidak wajar.

Malah, Pakar Perunding Psikiatri, Pusat Pakar Perubatan Universiti Malaya, Profesor Madya Dr Ng Chong Guan, menegaskan ramai pesakit mental enggan mendapatkan rawatan disebabkan malu dan merasakan tidak sakit sehingga memerlukan rawatan. Kebanyakannya lebih gemar berahsia dan tidak mahu berkongsi masalah dengan ahli keluarga ataupun rakan sehingga akhirnya penyakit mereka tidak mudah untuk dirawat.

Dalam hal ini, peranan ahli keluarga terdekat sangat penting untuk membendung masalah gangguan mental dan perasaan ingin menamatkan kehidupan.

Rawatan awal juga kaedah terbaik bagi individu berkecenderungan ke arah gangguan mental. Ia dapat dilakukan menerusi perkhidmatan kaunseling dan psikologi.

Misalnya, pelaksanaan perkhidmatan kaunseling dan psikologi bergerak turut menempatkan pakar psikiatri di Bandung, Indonesia menerusi penyediaan van boleh dijadikan panduan. Perkhidmatan seumpama ini dilihat penting untuk individu memerlukan bantuan serta sokongan sosial dan emosi, seterusnya mengekang perilaku bunuh diri.

Gangguan mental bukan sahaja tidak dapat dikesan dengan kecanggihan teknologi peralatan perubatan, malah lebih serius membabitkan perilaku bunuh diri.

Justeru, seseorang harus lebih peka kesihatan mental masing-masing dan melakukan ujian kendiri berkala. Jika ada simpton gangguan mental, hendaklah mengakui kebenaran penyakit itu dan segera mendapatkan bantuan pakar.

Bajet 2023 perlu tumpu pemulihan industri buku pascapandemik

- Industri buku perlu fokus isu inflasi punca peruntukan perbelanjaan bahan bacaan berkurangan, strategi pembudayaan membaca
- Kerajaan diminta beri pelepasan cukai khusus untuk buku, baucar pembelian bahan bacaan untuk pelajar dan orang awam

Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Oleh Mohd Khair Ngadiron
bhrencana@bh.com.my

Data global penerbitan buku mendedahkan jualan buku menjana pendapatan AS$122 bilion (RM549 bilion) pada 2018 dan akan berjumlah AS$129 bilion (RM580 bilion) pada 2023. Unjuran terbaru itu mengatasi anggaran yang dibuat sebelum ini, iaitu pendapatan penerbitan buku tidak akan mencapai nilai AS$122 itu hingga selepas 2021.

Justeru, angka terbaru ini memberikan nilai positif dan diramalkan meningkat sebanyak 1.2 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini membuktikan penerbitan buku adalah sumber utama pemerolehan ilmu melalui pendidikan bagi sesebuah negara dalam usaha memandaikan negara bangsa secara berterusan.

Dalam konteks Malaysia sebelum pandemik, nilai jualan buku mencecah RM800 juta setahun pada 2017 dengan jumlah penerbitan sebanyak 17,213 judul setahun.

Perangkaan International Standard Book Number (ISBN) memberikan petunjuk baik mengenai pasaran penerbitan di sesebuah negara untuk mengesahkan data lain. Amerika Syarikat (AS) sebagai pengguna terbesar ISBN dunia dengan jumlah 3.9 juta pada 2020 diikuti Korea berjumlah 329,582.

Jerman pula mencatat 284,000, manakala China, United Kingdom (UK) dan Indonesia masing-masing mencatatkan 263,066, 188,533 dan 144,793 mengikut Laporan Industri Penerbitan Global 2020 oleh Organisasi Harta Intelek Dunia (WIPO).

Perpustakaan Negara (PNM) pula mencatatkan pendaftaran ISBN berjumlah 22,200 pada 2018; 22,413 (2019); 18,158 (2020) dan 19,060 (2021), manakala e-ISBN ialah 992 (2018); 1,648 (2019); 2,401 (2020) serta 6,153 (2021).

Dalam mendepani cabaran global demi melahirkan warganegara berilmu dan bertamadun, terdapat tiga perkara utama difokuskan industri buku dalam tempoh 10 tahun ke hadapan, iaitu faktor inflasi mengakibatkan peruntukan perbelanjaan kepada bahan bacaan berkurangan, strategi membudayakan buku dalam kalangan B40, M40 dan T20 serta pemerkasaan bahan bacaan berkualiti bagi mempertingkat ilmu pengetahuan dan intelek rakyat.

Berdasarkan angka dan cabaran itu, Dialog Buku Negara pada 3 Jun lalu menghasilkan satu resolusi padu yang akhirnya diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada malam pelancaran serta perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) Ke-39.

Terdapat perkara utama dalam resolusi Dialog Buku Negara itu, perlu diambil berat oleh kerajaan bagi mengatasi tiga perkara utama yang difokuskan industri buku.

Perkara itu ialah dengan memberikan pelepasan cukai individu sebanyak RM2,000 khusus untuk buku, memberikan baucar buku seperti baucar diskaun buku Semarak Membaca disasarkan kepada 2 juta warga Malaysia dengan manfaat diskaun sebanyak RM10 ke atas pembelian buku dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM20 juta.

Seterusnya, baucar buku RM10 khusus untuk pelajar sekolah rendah dan menengah dengan jumlah insentif sebanyak RM50 juta serta baucar buku RM250 khusus untuk pelajar universiti dan Tingkatan Enam dengan jumlah keseluruhan RM250 juta.

Selanjutnya, bagi menambah baik promosi pembudayaan membaca Keluarga Malaysia, geran penganjuran jelajah pesta buku Keluarga Malaysia hendaklah disediakan dengan sasaran sebanyak RM5 juta untuk 14 lokasi di seluruh negara. Hal ini perlu disusuli dengan dana pelaksanaan kempen Keluarga Malaysia dalam kalangan B40 dan M40 dengan insentif sebanyak RM50 juta.

Bagi memperkasakan industri perbukuan negara, kerajaan juga harus mempertimbangkan dana penyelidikan industri buku bernilai RM5 juta bagi menjalankan kajian pembacaan dan perolehan data secara berkala setiap tiga tahun bagi membantu industri merangka pelan strategik lebih berkesan.

Selain itu, dana pendigitalan berupa geran permulaan RM10 juta bagi menghasilkan 2,000 judul buku audio dan format kandungan kreatif juga perlu dipertimbang. Bagi bidang penterjemahan pula, dana berbentuk geran sebanyak RM1 juta diperlukan untuk menterjemahkan 200 judul karya terbaik setiap tahun.

Karya Malaysia berpotensi

Karya Malaysia berpotensi besar juga perlu diperkenalkan pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, insentif sebanyak RM75 juta diperlukan untuk menonjolkan imej Malaysia sebagai negara membaca serta memiliki warganegara berilmu dan berbudaya tinggi.

Resolusi ini juga mencadangkan agar diangkat seorang senator mewakili industri buku di Parlimen bagi mengemukakan isu dan cabaran pembudayaan ilmu dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Tidak keterlaluan dikatakan resolusi ini ialah suara pemegang taruh industri buku, iaitu penulis, penerbit, pengedar, penjual, kontraktor, pengimport, pengeksport, pustakawan serta individu, agensi awam dan swasta terbabit secara langsung dalam dunia perbukuan.

Tidak berhenti di situ, satu memorandum cadangan pemulihan industri buku juga diangkat sebagai cadangan Bajet 2023 berkaitan industri buku melalui satu sesi libat urus dianjurkan PNM untuk diangkat kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Sesi itu memfokuskan cadangan peruntukan dana tambahan sebagai sokongan kepada perkembangan industri buku dengan pembelian terus serta dana tambahan perolehan langganan pangkalan data dalam talian (u-pustaka) yang masing-masing menyasarkan insentif sebanyak RM1 juta setiap tahun.

Memorandum itu juga mencadangkan keperluan peruntukan dana sebanyak RM10 juta bagi meluaskan program baucar diskaun pembelian buku kepada lebih banyak saluran jualan kedai buku fizikal dan e-dagang dan format e-buku.

Di samping itu, dana penterjemahan juga diperlukan oleh industri buku bagi menyokong perkembangan industri penterjemahan dengan nilai RM5 juta setiap tahun, serta RM1 juta peruntukan untuk dana baharu bagi penterjemahan 200 judul buku terbaik negara ke dalam bahasa asing.

Hakikatnya, memorandum cadangan pemulihan industri buku itu juga mewakili suara terbesar dalam ranah keintelektualan bangsa dan negara kerana ia membabitkan pelbagai pihak daripada kerajaan sendiri seperti PNM, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) serta cendikiawan dan ahli akademik yang diwakili Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Malah, ia turut menjadi hasrat pengusaha daripada industri kerana ia merangkumi antara lainnya Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA), Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputra Malaysia (PPPBBM), Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM), Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA) dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), selain pertubuhan bukan kerajaan (NGO) umpamanya Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) serta Persatuan Penulis Nasional (PENA).

Justeru, diharapkan suara keseluruhan industri buku tanah air daripada agensi kerajaan hingga swasta dan NGO itu diberikan perhatian terutama dalam pembentangan Bajet 2023 selepas penggerak industri berkenaan memperlihatkan usaha gigih untuk bangkit semula ketika negara menuju kepada pemulihan pascapandemik.

Fenomena air pasang besar

Situasi terkawal, tidak ada risiko banjir

Fenomena air pasang besar di sekitar Terminal Penumpang South Port, Pelabuhan Klang, semalam. (Foto BERNAMA)

Penduduk lakukan persediaan awal, angkat barang berharga ke tempat selamat

Oleh Ruwaida Md Zain dan Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Klang: Fenomena air pasang besar menyebabkan kawasan pesisir pantai dan jeti di sini dan Kuala Kedah dinaiki air semalam.

Kenaikan paras air laut sehingga 5.4 meter (m) direkodkan di lokasi pemantauan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, membabitkan Jalan Kunci Air, Pangkalan Nelayan, Jalan Genting, Jeti Sayang di Sayang dan Pangkalan Sungai Keramat.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Selangor, Hafisham Mohd Noor, secara keseluruhan pagi semalam, keadaan cuaca adalah baik dan tiada risiko banjir.

"Air pasang besar pada jam 6.42 pagi setinggi 5.4m, namun keadaan terkawal dan tidak menjejaskan aktiviti penduduk setempat," katanya kepada media.

Sementara itu, tinjauan di Stesen Pelabuhan Klang juga mendapati keadaan terkawal dengan penduduk setempat dapat menjalankan aktiviti harian seperti biasa.

Ramalan bulan ini, paras air laut tertinggi di Stesen Pelabuhan Klang dijangka pada 12 September, iaitu 5.5m pada jam 7.18 pagi, manakala pada 11, 13 dan 28 September pula paras 5.4m.

Bagi daerah Kuala Langat pula, Hafisham berkata, pemantauan dijalankan bomba di Jeti Sri Tama, Pulau Carey dan Jeti Sri Tanjung Batu 9, Sijangkang.

"Keadaan air berada pada paras berjaga-jaga ketika pemantauan dijalankan sekitar jam 6.50 pagi tadi," katanya memaklumkan, JBPM Selangor sentiasa bersiap sedia dan membuat pemantauan dari semasa ke semasa.

Beberapa lokasi dinaiki air

Di **Alor Setar**, fenomena air pasang besar yang melanda kawasan Kuala Kedah semalam menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air.

Tinjauan di sekitar kawasan Kuala Kedah mendapati, paras air laut melimpahi ke jalan raya malah turut memasuki kedai makan serta premis perniagaan sekitar situ bermula jam 12.30 tengah hari.

Penduduk di Taman Seri Putra, Intan Rashidah Ahmad, 35, berkata, fenomena air pasang besar sering berlaku di kawasan itu menyebabkan mereka terpaksa melakukan persediaan dengan mengangkat barangan berharga ke tempat selamat.

Katanya, biasanya air laut akan naik dengan cepat dan dalam tempoh 10 minit sudah memenuhi dalam rumah.

"Kami selamatkan kereta dan motosikal terlebih dahulu selain barangan perabot atau elektrik ke tempat selamat," katanya ketika ditemui.

Ketua Bahagian Pengurusan Bencana dan Operasi Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Kedah, Kapten (PA) Saifuddin Abdullah berkata fenomena air pasang besar melanda negeri ini dijangka selama tiga hari bermula kelmarin sehingga hari ini.

Kawasan di Kuala Kedah dinaiki air akibat fenomena air pasang besar, semalam. (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

Beliau berkata, paras air meningkat setinggi 2.9 meter pada jam 1 petang semalam dan surut sejam kemudian malah fenomena air pasang sama akan berlaku hari ini.

"Pemantauan kita hari ini (semalam) dilakukan di sekitar kawasan Kuala Kedah dan Tanjung Dawai di Kuala Muda.

"Namun ada lima lokasi yang menjadi tumpuan iaitu Kuala Jerlun di Kubang Pasu, daerah Kuala Muda, Kuala Sala dan Kuala Yan di Yan, Kuala Kedah serta Langkawi yang dijangka terjejas akibat fenomena air pasang ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Khidmat feri tidak terjejas

Sementara itu, perkhidmatan feri ke Langkawi dari Terminal Feri Kuala Kedah tidak terjejas walaupun berlaku fenomena air pasang besar.

Bagaimanapun, tinjauan di kawasan parkir terminal feri itu mendapati, air naik hampir 30 sentimeter sekitar jam 1 tengah hari semalam, sebelum surut sejam kemudian.

Pegawai Operasi Ferrylines Ventures Sdn Bhd, Ahmad Azizan Aziz, berkata empat perjalanan feri semalam bermula jam 12 tengah hari, 1 tengah hari, 2.30 petang dan 4 petang beroperasi seperti biasa.

Sementara itu, peniaga makanan, Maizatul Akmal Abas, 35, berkata setiap kali berlaku kejadian air pasang, air laut akan masuk ke dalam kedai makannya yang terletak hanya 80 meter dari pantai.

"Air laut masuk lebih cepat ke dalam kedai dan jika kejadian itu pada waktu malam, saya memang tak sempat berbuat apa-apa.

"Tetapi jika siang seperti hari ini (semalam) saya bersedia lebih awal. Jika paras air laut tidak beralun, saya berniaga seperti biasa, tetapi jika ombak beralun tinggi, saya terpaksa menutup perniagaan," katanya.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Kota Setar, Kapten (PA) Norlizawati Ismail pula berkata, sebanyak 30 rumah dan gerai jualan barangan makanan serta kedai makan di sekitar Kuala Kedah terjejas akibat dinaiki air susulan fenomena air pasang besar.

Beliau berkata, bacaan paras air laut semalam adalah 2.95m melebihi dari ramalan iaitu 2.9m pada jam 1.22 tengah hari.

Anggota APM Kota Setar melakukan pemantauan di rumah penduduk berhampiran Pekan Kuala Kedah yang dinaiki air akibat fenomena air pasang besar.

Keadaan limpahan air di sekitar Terminal Penumpang South Port, Pelabuhan Klang. (Foto Faiz Anuar/BH)

Kes ugut Ketua Hakim Negara

PDRM tunggu laporan forensik

Kertas siasatan dikemas kini untuk diserah kepada AGC

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunggu laporan analisis Unit Forensik, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM), berhubung ugutan terhadap Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat.

Keputusan analisis forensik SKMM itu dijangka diterima hari ini sebelum siasatan dikemas kini dan dilengkapkan untuk diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara (AGC).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata kertas siasatan akan diserahkan kepada AGC untuk tindakan susulan dalam masa terdekat.

"Pasukan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) sudah menghantar laporan awal kepada AGC pada 22 Ogos lalu, namun ada beberapa hasil siasatan baharu dan perlu dilengkapkan.

"Siasatan baharu itu membabitkan analisis forensik terhadap ugutan yang dibuat menerusi laman media sosial dan laporan portal berita," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Rakam percakapan

Beliau berkata, pasukan penyiasat sudah memanggil dan merakam percakapan lima individu bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Acryl Sani berkata, PDRM memandang serius perkara itu dan tidak bertolak ansur dengan apa juga tindakan membabitkan isu salah laku jenayah dan ketenteraman awam yang boleh menggangu-gugat keamanan.

Katanya, tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang didapati menyalah guna platform media sosial untuk mengancam keselamatan.

Pada 19 Ogos lalu, polis menahan seorang lelaki berusia 30-an di Puchong, Selangor dan merampas sebuah telefon bimbit dan kad sim yang dipercayai digunakan untuk memuat naik hantaran ugutan berkenaan.

Suspek direman empat hari sehingga 23 Ogos lalu dan siasatan dijalankan oleh Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT), JSJ, di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 kerana mengeluarkan kenyataan yang berkecenderungan menghasut.

Abd Latiff (kanan) mendengar taklimat selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Pejabat Negeri Pertahanan Awam Kelantan di Mukim Kota, dekat Tunjong, Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Kerajaan pertingkat persediaan hadapi Monsun Timur Laut

Kota Bharu: Kerajaan akan melakukan persediaan lebih rapi dan bersiap sedia bagi menghadapi fasa peralihan Monsun Timur Laut yang dijangka bermula pertengahan November ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, berkata Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Nasional yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini yang turut disertai wakil negeri bagi membincangkan cadangan serta persediaan awal menghadapi bencana itu.

Pada masa sama katanya, pihaknya juga sedang menambah jumlah aset dan logistik bagi agensi keselamatan sebagai persediaan awal menangani bencana dan isu kecemasan.

"Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) akan menerima maklumat mengenai bencana yang berlaku di setiap negeri dan ia kemudian akan menyalurkannya kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk tindakan lanjut.

"Selain itu, kita juga mempunyai lebih 50,000 sukarelawan pada peringkat komuniti yang sudah dilatih untuk menghadapi segala kemungkinan bencana dan kecemasan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Pejabat Negeri Pertahanan Awam Kelantan di Mukim Kota, dekat Tunjong, di sini, semalam.

Ramalan hujan lebat

Media sebelum ini melaporkan, MetMalaysia meramalkan negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November ini yang membawa kepada banjir besar pada penghujung bulan berkenaan.

Cuaca yang dialami dijangka memberi impak lebih signifikan kerana Monsun Timur Laut yang aktif pada tempoh itu, dengan risiko berlaku hujan lebat berterusan serta banjir berskala besar.

Mengulas lanjut, Abd Latiff turut menasihatkan rakyat dan netizen supaya tidak menularkan atau berkongsi gambar mahupun video lama kejadian banjir besar ketika musim tengkujuh sehingga menimbulkan kerisauan dalam kalangan masyarakat.

"Saya berharap mereka dapat memeriksa kesahihan video atau gambar yang tersebar di media sosial sebelum berkongsi dengan orang lain.

"Orang boleh menyemak kesahihan maklumat yang diterima mereka menerusi media sosial rasmi pihak berwajib yang sentiasa berusaha memuat naik maklumat yang tepat dan secara 'real time'(masa sebenar)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abd Latiff berkata, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) kerajaan meluluskan RM50 juta untuk pembinaan Pejabat Negeri Pertahanan Awam Kelantan bagi keselesaan dan suasana kerja yang lebih kondusif kepada agensi berkenaan.

"Pembinaan bangunan baharu ini mengambil masa tiga tahun dan amat berharap ia dapat meningkatkan produktiviti kerja serta mutu penyampaian perkhidmatan Pertahanan Awam kepada masyarakat setempat," katanya.

PM tonton Air Force The Movie: Selagi Bernyawa

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menghadiri tayangan khas filem *Air Force The Movie: Selagi Bernyawa* di TGV Cinemas Bandar Utama, malam kelmarin. Sesi tayangan khas dianjurkan Media Prima Berhad (MPB) itu turut dihadiri Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman. Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan MPB, Rafiq Razali; Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan MPB, Datuk Michael Chan; serta Pegawai Eksekutif Media Prima Television Networks dan Primeworks Studios, Datuk Khairul Anwar Salleh. Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Media Prima Audio, Nazri Noran; Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Mohd Efendi Omar dan pelakon utama filem yang mengisahkan anggota Pasukan Khas Udara (PASKAU). (Foto Aswadi Alias/BH)

'Kami terpaksa bekerja sambilan'

Pelajar kita di luar negara sambut baik elaun MARA dinaikkan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Melanjutkan pengajian di negeri yang kos sara hidupnya tertinggi di Australia memaksa seorang pelajar Malaysia dalam jurusan Perakaunan dan Kewangan di Australian National University, Canberra melakukan kerja sambilan.

Natasha Aliyah Ahmat Najah, 22, pelajar Ijazah Sarjana Muda tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA), berkata beliau kini bekerja di sebuah restoran di bandar raya itu.

Bagaimanapun, pelajar tidak dibenarkan bekerja lebih empat jam sehari, antara tiga hingga empat hari seminggu.

Katanya, sebelum ini Elaun Sara Hidup (ESH) yang diperoleh adalah sebanyak AUD$1,200 (hampir RM3,700) sebulan.

Kos sara hidup berbeza

"Kos sara hidup berbeza bagi setiap pelajar kerana berdasarkan jarak kediaman dengan kampus dan bandar. Saya tinggal di kemudahan kediaman dalam kampus dan sewa rumah dalam AUD$1,484 (RM4,571) sebulan.

"Sewa yang dikenakan sangat mahal tapi sangat dekat dengan kampus dan bandar.

"Jadi dengan elaun sebanyak itu, saya perlu bekerja untuk menampung bayaran sewa, barang masak dan sebagainya," katanya kepada *BH*.

Berikutan itu, Natasha menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengenai kenaikan ESH pelajar dalam dan luar negara tajaan MARA berkuat kuasa serta-merta.

Natasha berkata, biarpun kerja sampingan yang dibuat itu membolehkannya mendapat gaji AUD$900 (RM2,772), selepas ditolak cukai beliau hanya mendapat antara AUD$600 (RM1,848) hingga AUD$700 (RM2,156).

Beliau berkata, walaupun ia boleh dituntut semula, namun pada tempoh tertentu saja.

"Saya lega kerana isu ini sudah banyak kali dibangkitkan dan akhirnya didengari.

"Kebanyakan pelajar di sini berdepan kesulitan kewangan dan perlu bekerja sambilan walaupun perlu melaksanakan empat kursus penuh bagi pelajar antarabangsa.

"Saya berharap kenaikan ini dapat mengurangkan beban kepada ibu bapa kami," katanya.

Nahas tiga kenderaan di Kilometer 44.5, Jalan Muar-Segamat, kelmarin meragut 3 nyawa. (Foto ihsan polis)

3 sekeluarga maut nahas tiga kenderaan

Kereta mangsa dipercayai bertembung dengan Perodua Myvi, Mazda Cx5

Oleh Ahmad Ismail
bhnews@bh.com.my

Tangkak: Tiga sekeluarga maut, manakala seorang cedera dalam kemalangan membabitkan tiga kenderaan di Kilometer 44.5, Jalan Muar-Segamat di sini, kelmarin.

Mereka yang terbunuh dikenali Siti Fatimah Ladri, 71; anaknya, Nor Haliza Hamzah, 36, dan cucu, Aarish Ammar, berusia dua tahun.

Siti Fatimah dan Nor Haliza maut di lokasi kejadian dalam nahas jam 3.15 petang itu, manakala Aarish Ammar meninggal dunia di Hospital Tangkak sekitar jam 5 petang kelmarin.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangkak, Pegawai Bomba Kanan II (PBK) K Kumar, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 3.19 petang.

Katanya, 15 anggota dari BBP Tangkak dan BBP Segamat dengan satu jentera *fire rescue tender* (FRT) serta satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Kemalangan membabitkan dua Perodua Myvi dengan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) Mazda CX5 melibatkan enam mangsa.

"Dua mangsa dalam Perodua Myvi iaitu Siti Fatimah dan Nor Haliza tersepit di tempat duduk," katanya dalam kenyataan, semalam.

Guna peralatan khas

Beliau berkata, bomba mengeluarkan dua mangsa terbabit menggunakan peralatan khas sebelum disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pegawai perubatan.

Katanya, mayat mangsa diserahkan kepada polis, manakala dua lagi mangsa dalam Perodua Myvi berkenaan, Harunarashid Ghazali, 34, dan anak lelakinya, Aarish Ammar (meninggal dunia di Hospital Tangkak).

Kumar berkata, pemandu sebuah lagi Perodua Myvi, Khoo Ling Wei, 26, dan pemandu Mazda CX5, Muhammad Loqman, 26, terselamat.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendan Mohd Fadhil Minhat, berkata siasatan awal mendapati kenderaan Myvi dinaiki mangsa yang maut bertembung dengan dua kenderaan terbabit.

"Siasatan diteruskan dan keterangan mangsa lain sedang dikemas kini," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Duda didakwa edar ganja

Sungai Petani: Seorang duda dua anak dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini semalam, atas pertuduhan mengedar ganja seberat 21,885 gram, awal bulan ini.

Mohamad Ezwandy Mohd Nasir, 33, yang bekerja sebagai pemandu van dihadapkan di hadapan Majistret Noor Fazlina Musa, namun tiada sebarang pengakuan direkodkan pada prosiding hari ini.

Dia didakwa mengedar dadah jenis kanabis seberat 21,885 di sebuah rumah di Kampung Serukam Pinang Tunggal, di sini, pada jam 4.30 petang, 1 September lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39(B)(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39(B)(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang 15 kali jika didapati bersalah.

Pendakwaan dikendalikan Inspektor Nurul Badriah Mohamed Esa, manakala tertuduh tidak diwakili peguam. Mahkamah menetapkan 13 November depan untuk sebutan semula sementara menunggu keputusan laporan kimia.

Pemandu van berkenaan ditahan dalam serbuan di sebuah rumah pada 1 September lalu dan hasil pemeriksaan dilakukan, polis berjaya merampas 21 ketulan mampat ganja yang bernilai RM52,500.

Peniaga alat ganti terlepas hukuman mati, penjara seumur hidup

Kota Bharu: Peniaga alat ganti kenderaan dari Pasir Mas, dekat sini, terlepas hukuman mati atau penjara seumur hidup selepas Mahkamah Tinggi di sini semalam melepas dan membebaskannya daripada tuduhan mengedar syabu seberat 342.3 gram, empat tahun lalu.

Wan Muhammad Azlan Wan Mahamod, 34, dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan itu selepas Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Mohamad Abazafree Mohd Abbas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh.

Wujud keraguan munasabah

Dalam penghakimannya, Mohamad Abazafree berhujah, mahkamah sebaliknya mendapati pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah menerusi isu berkaitan akses ke bilik tertuduh.

Selain itu, katanya, pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan berhubung akses kehadiran orang lain di kediaman tertuduh, manakala sebuah kereta jenis Proton Satria di lokasi serbuan pula adalah milik orang lain.

"Keterangan tertuduh konsisten dari peringkat awal pendakwaan mengenai seorang lelaki bernama Mohd Harif Mohd Azmi yang datang tidur di bilik tertuduh sebelum kediaman itu diserbu polis," katanya.

Wan Muhammad Azlan dituduh mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 342.3 gram itu dalam bilik di sebuah rumah beralamat Lot 2424, Kampung Kepas, Jalan Banggol Jering, Pasir Mas, pada jam 4.10 pagi, 2 September 2018.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B (2) akta sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup. Jika tidak dijatuhi hukuman mati, hendaklah disebat tidak kurang 15 kali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Norazlinawati Mohd Arshad, manakala tertuduh diwakili peguam, Ahmad Nizam Mohamed.

Polis rampas ecstasy, pil eramin RM88,500

Johor Bahru: Polis merampas sejumlah dadah jenis ecstasy dan pil eramin bernilai RM88,500 serta menahan lapan individu dalam dua serbuan berasingan di Jalan Tanjung Puteri, di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat, berkata serbuan pertama dibuat jam 7 malam berjaya menahan dua lelaki tempatan dan seorang wanita warga asing berumur 33 hingga 38 tahun.

Katanya, hasil pemeriksaan di dalam rumah menjumpai sejumlah dadah jenis serbuk ecstasy dianggarkan 1.23 kilogram bernilai RM61,700.

"Turut dirampas dalam serbuan itu wang tunai RM2,700 dan sebuah pacuan empat roda Ford Ranger.

"Hasil daripada risikan dan soal siasat yang dijalankan, pada hari sama jam 8.40 malam pihak polis membuat serbuan kedua di rumah lain di kawasan berdekatan.

"Dalam serbuan kedua, dua lelaki dan tiga wanita tempatan berumur 27 hingga 41 tahun ditahan," katanya menerusi satu kenyataan di sini.

Raub berkata, hasil pemeriksaan dalam serbuan kedua, pihaknya berjaya merampas sejumlah dadah jenis serbuk ecstasy, tujuh biji pil eramin 5, botol cecair ecstasy dan produa Myvi.

"Nilai keseluruhan rampasan dadah dianggarkan RM26,800 dengan jumlah keseluruhan nilai rampasan RM211,200.

"Hasil ujian saringan air kencing mendapati semua suspek positif methaphethamine.

"Semakan mendapati tiga suspek mempunyai rekod lampau berkaitan dadah. Kesemua suspek direman tujuh hari sehingga 16 September depan," katanya.

Kes disiasat dibawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

> Dalam serbuan kedua, dua lelaki dan tiga wanita tempatan berumur 27 hingga 41 tahun ditahan

Raub Selamat, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan

Majoriti murid tak pakai pelitup muka

Masih ada pelajar teruskan amalan walaupun diberi kelonggaran

Oleh Siti Rohana Idris
dan Ahmad Mukhsein Mukhtar
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Memakai pelitup muka atas faktor kurang sihat dan sudah terbiasa menyebabkan ibu bapa menggalakkan pemakaian pelitup muka kepada anak yang bersekolah.

Bagi Siti Roszaihuda Roslan, 37, tiga anaknya termasuk pasangan kembar yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Wakaf Bharu, Tumpat, dekat sini, memakai pelitup muka bimbang jika ada rakan bergejala.

"Jika mereka sendiri kurang sihat memang saya langsung tidak membenarkan ke sekolah kerana bimbang menjangkiti orang lain," katanya ketika ditemui semalam.

Tinjauan di dua sekolah terletak berhampiran, iaitu SK Wakaf Bharu dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Wakaf Bharu, Tumpat, dekat sini mendapati majoriti murid serta pelajar tidak lagi memakai pelitup muka.

Namun, masih ada dalam kalangan mereka tetap mengenakannya walaupun berada di luar kawasan sekolah dan memasuki kenderaan ibu bapa.

Kelmarin, Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin mengumumkan pemakaian pelitup muka dalam bangunan dan luar bangunan di kawasan sekolah tidak lagi diwajibkan, sebaliknya mengikut pilihan masing-masing.

Menerusi video di Facebooknya, Radzi bagaimanapun masih menggalakkan pemakaian pelitup muka dalam sekolah, terutama di tempat ramai orang dan bagi murid yang menaiki bas.

Bagi Siti Rohaida Idris, 37, pengumuman Radzi itu sangat dialukan kerana penularan wabak COVID-19 semakin berkurangan, malah orang ramai juga tahu bila keperluan untuk memakai pelitup muka.

Dia berkata, pengurusan sekolah anaknya, Nur Aina Mierza Mohd Khairy, 16, tidak mewajibkan pemakaian pelitup muka, namun ada masanya ia diperlukan bergantung kepada situasi.

"Keadaan sekarang semakin terkawal dan pengumuman yang dibuat menteri (pendidikan) satu tindakan yang tepat," katanya.

Tak lagi diwajibkan

Sementara itu, tinjauan di **Padang Terap**, Kedah, mendapati murid sekitar daerah itu tidak lagi memakai pelitup muka susulan kelonggaran diberikan.

Pelajar Tingkatan Lima, Arnukson Praksit, berkata dia ada membawa pelitup muka, tetapi tidak memakainya selepas dimaklumkan guru bahawa ia tidak lagi diwajibkan.

"Pagi tadi (semalam) cikgu maklum kami dibenarkan tidak pakai pelitup muka di sekolah, tetapi masih menggalakkan ia dipakai bagi mencecah jangkitan COVID-19," katanya.

Sementara itu, waris murid, Muhammad Afiq Mohd Amirul, 35, berkata dia masih menyuruh anaknya memakai pelitup muka ke sekolah walaupun tahu ia tidak lagi diwajibkan.

"Anak masih perlu pakai pelitup muka terutama ke sekolah kerana kita tidak tahu keadaan kesihatan murid lain.

"Anak saya mungkin sihat, tetapi bagaimana pula yang lain? Jadi langkah terbaik adalah berjaga-jaga dan suruh anak pakai pelitup muka sehingga keadaan benar-benar selamat," katanya yang bekerja sebagai petani.

Tinjauan di SK Naka, Kuala Nerang mendapati kebanyakan murid tidak lagi memakai pelitup muka susulan pemakaian di dalam dan luar kawasan sekolah sudah tidak diwajibkan. (foto LUqman Hakim Zubir/BH)

Dua lagi laporan polis kes amang seksual penceramah

Seremban: Dua lagi laporan polis dibuat ke atas seorang selebriti yang juga penceramah bebas berkait jenayah amang seksual terhadap remaja lelaki bawah umur, selepas empat laporan terdahulu dibuat di Selangor.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Ruslan Khalid, berkata dua laporan berkenaan dibuat di daerah Seremban pada bulan ini oleh dua mangsa berusia 17 tahun.

"Buat masa ini, siasatan selari dijalankan bersama pihak Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor mengikut seksyen kesalahan seperti di Selangor (Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017).

"Polis sedang melengkapkan siasatan dan perkembangannya akan dirujuk ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk dikemukakan pula ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Spekulasi jejas siasatan

Beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan siasatan dan mendatangkan fitnah kepada mana-mana pihak serta menyebabkan kegusaran kepada masyarakat.

Media sebelum ini melaporkan Polis Selangor menerima empat laporan berkaitan kes terbabit, iaitu dua dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan dan masing-masing satu laporan di IPD Shah Alam dan IPD Kajang.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed dipetik berkata, laporan itu masing-masing dibuat empat individu berusia lingkungan 17 hingga 18 tahun yang mendakwa menjadi mangsa amang seksual fizikal lelaki berkenaan.

Hasil siasatan awal mendapati selebriti berkenaan dipercayai berkenalan dengan mangsa dalam program motivasi di sekolah sekitar Selangor.

Susulan laporan polis yang dibuat, sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor menahan suspek pada jam 4 petang Khamis lalu yang kemudian direman selama enam hari sehingga 14 September untuk siasatan.

Helikopter, juruterbang dilaporkan hilang

Lokasi terakhir dipercayai sekitar hutan dekat Bidor dan Langkap

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Sebuah helikopter jenis Eurocopter dan juruterbangnya dilaporkan hilang selepas terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) pada jam 12.16 tengah hari semalam.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata perkara itu dimaklumkan dan disahkan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) kepadanya.

"Sebuah helikopter syarikat swasta yang terbang dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang pada jam 11.37 pagi dengan seorang juruterbang dalam pesawat itu.

Ka Siong menunjukkan peta lokasi dipercayai helikopter yang terputus hubungan, pada sidang media selepas membuat lawatan di Stesen KTMB Ipoh, semalam. (Foto Balqis Jazimah Zahari/BH)

"Helikopter berkenaan dijadualkan mendarat di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh pada jam 12.37 tengah hari tetapi dilaporkan hilang dan terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur pada jam 12.16 tengah hari tadi (semalam).

"Lokasi terakhir dilaporkan di sekitar kawasan hutan dekat Bidor dan Langkap," katanya selepas mengadakan lawatan ke Stesen KTMB Ipoh, semalam.

Beliau berkata, CAAM dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengaktifkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) berdasarkan prosedur ditetapkan.

"Saya mendoakan yang terbaik, kita akan melakukan apa juga usaha untuk mengesan helikopter yang dikatakan hilang dari radar KLATCC itu.

"Selain mendapat kerjasama PDRM, kita turut mengerahkan semua pasukan agensi berkenaan mencari helikopter terbabit," katanya.

Operasi PDRM di laluan darat

Ka Siong berkata, operasi akan dijalankan di sekitar kawasan hutan Bidor dan Langkap yang dipercayai lokasi terakhir helikopter berkenaan terputus hubungan.

Katanya, operasi pencarian juga akan diadakan di atas laluan darat oleh PDRM.

"Jika mengikut radar dia (helikopter) memang sudah ada di atas tanah, namun kita tak tahu, selagi belum dapat (laporan penuh) maka kita tidak boleh buat sebarang andaian.

"Satu laporan lengkap dalam bentuk kenyataan akan dikeluarkan CAAM selepas ini," katanya.

Seminar Sejarah Kesultanan Melayu Jembal Kelantan

Mata lembing pucuk buluh berusia lebih 100 tahun dipamer

Gua Musang: Mata lembing pucuk buluh yang dianggarkan berusia lebih 100 tahun antara barangan lama yang dipamerkan dalam Seminar Sejarah Kesultanan Melayu Jembal Kelantan, di Kompleks Serbaguna Majlis Daerah Gua Musang, di sini.

Difahamkan senjata lama itu kini disimpan oleh waris Kesultanan Melayu Jembal sebagai barangan bersejarah pemerintahan Raja Jembal.

Yang Dipertua Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan, Nik Yusuf Nik Mohammad, berkata setiap kali diadakan seminar atau perjumpaan, mata lembing pucuk buluh antara yang menjadi perhatian peserta.

"Peserta seminar adalah terdiri daripada waris keturunan Raja Jembal, setiap kali diadakan program seperti ini ramai yang akan datang termasuk dari luar negeri Kelantan.

"Mata lembing pucuk buluh yang berusia lebih 100 tahun ini antara senjata lama yang menjadi perhatian, selain keris milik keturunan Raja Jembal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Seminar Sejarah Kesultanan Melayu Jembal Kelantan yang berlangsung di Kompleks Serbaguna Majlis Daerah Gua Musang, di sini semalam.

Lebih 5,000 ahli berdaftar

Seminar itu mengumpul semua kerabat Diraja Jembal dari seluruh negeri ini yang dianggarkan lebih 5,000 ahli berdaftar.

Nik Yusof berkata, pemilihan daerah itu sebagai tempat untuk mengadakan seminar kerana terdapat ramai peneroka adalah dari keturunan Raja Jembal.

"Kita ingin mengumpulkan seramai mungkin kaum kerabat dan keturunan Raja Jembal untuk mengeratkan silaturahim keturunan ini," katanya.

Nik Yusuf (kanan) melihat mata lembing pucuk buluh pada Seminar Sejarah Kesultanan Melayu Jembal Kelantan di Gua Musang, semalam. (Foto Paya Linda Yahya/BH)

Dalam perkembangan lain, pertubuhan itu kini dalam usaha membina Galeri Kesultanan Melayu Jembal yang akan menempatkan penemuan sejarah dan catatan warisan institusi beraja yang pernah memerintah Kelantan pada abad ke-17.

Nik Yusuf berkata, dana sebanyak RM4 juta diperlukan bagi membina galeri itu yang akan menempatkan sejarah mengenai Raja Jembal yang memerintah Kelantan selama 95 tahun dari 1638 hingga 1733 dapat dipaparkan kepada umum khususnya generasi akan datang.

Fokus

Beban bilik kuliah punca plagiat?

Salin, tampal bukan isu baharu, tetapi semakin banyak berlaku



Oleh Nas Norziela Nasbah
bhpendidikan@bh.com.my

Plagiarisme selalu terjadi dan diperkatakan, tetapi dalam kalangan pelajar universiti, plagiat boleh menyebabkan seseorang digagalkan atau digantung pengajian berdasarkan tahap keseriusannya.

Ada kala plagiat bukanlah bermaksud seluruh tulisan sama ada tugasan atau tesis itu diciplak. Sebaliknya ia mungkin seperenggan dua sahaja.

Hari ini sesuai dengan perkembangan teknologi semasa plagiat lebih mudah dibuat, hanya salin dan tampal. Malah sebenarnya dalam sesetengah kes ia bukan sahaja dilakukan oleh pelajar tetapi turut dikesan dalam kalangan pensyarah.

Plagiarisme sebenarnya jenayah akademik yang disifatkan umpama merompak di siang hari oleh Ketua Program Pengurusan dengan Pelancongan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Khairunneezam Mohd Noor.

Khairunneezam berkata, plagiarisme berlaku apabila seseorang menghasilkan semula atau menciplak hasil ilmiah milik orang lain sama ada dalam bentuk perkataan atau inovasi tertentu. Hasil ciplakan itu pula dipersembahkan sebagai hasil ilmiah dirinya tanpa memberi pengiktirafan atau rujukan sepatutnya kepada pemilik asal?

"Terdapat tiga bentuk plagiarisme yang biasa diamalkan. Pertama, peniruan secara langsung perkataan, perenggan atau bahan yang diambil daripada terbitan orang lain tanpa usaha sewajarnya dalam mengiktiraf sumber asal bahan ilmiah tersebut.

"Kedua, pengubahsuaian perkataan orang lain tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Ketiga, menggunakan idea yang secara langsung diambil daripada individu lain tanpa memberikan pengiktirafan kepadanya," katanya.

Tindakan undang-undang

Khairunneezam berkata, perkembangan teknologi semasa membolehkan pelajar menyiapkan tugasan dengan kaedah salin tampal.

Tegasnya, plagiat pasti saja memberi impak negatif terhadap pembentukan siswazah berkualiti. Justeru bagi kebanyakan universiti awam dan swasta termasuk USIM sudah diwujudkan undang-undang berkenaan plagiarisme selain makluman mengenai kesalahan serta kesan negatifnya.

Katanya, apabila sesuatu tindakan plagiarisme dilaporkan, disiasat dan kemudian disabitkan kesalahannya, tindakan serta merta akan diambil.

"Umumnya pelajar akan ditangani secara diplomasi misalnya diberikan amaran dan diberi peluang memperbaiki kesilapan jika kes mereka tidaklah serius.

"Namun jika sebaliknya, tindakan boleh diambil di bawah Kaedah 6, Kaedah-kaedah Universiti (Tatatertib Pelajar Tahun 1999) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)," katanya.

Tegasnya, terdapat panduan yang betul dalam memetik pandangan orang lain untuk dimuatkan dalam tulisan. Ia umumnya boleh diperoleh dalam buku panduan akademik berserta dengan kaedah penulisan sumber rujukan atau bibliografi yang tepat.

Khairunneezam berkata, hanya dengan cara memberi pengiktirafan terhadap pemilik karya asal, barulah cedukan idea dan frasa tertentu yang dipetik dianggap 'halal' dalam konteks penulisan akademik?

"Ketika ini juga sudah ada banyak perisian komputer malah aplikasi dalam talian yang boleh mengesan plagiat. Ia digunakan secara meluas dan cukup komprehensif serta berkesan untuk menemukan sebarang unsur plagiarisme," katanya.

Dari segi yang lain Khairunneezam berkata, pensyarah juga perlu tegas mengambil tindakan terhadap pelajar yang masih tegar membuat tugasan akademik secara plagiat.

Selain itu bagi pelajar, perlulah lebih bertanggungjawab dalam menghasilkan sebarang penulisan akademik atau tesis.

Pelajar katanya, perlu menyedari penulisan akademik adalah satu usaha universiti untuk mengasah dan menyerlahkan tahap kebolehan akademik mereka sendiri.

"Jadikanlah penulisan akademik sebagai sumber terbaik untuk menyerlahkan daya pemikiran dan keintelektualan.

"Apalah ertinya kepuasan dalam usaha penulisan akademik andai seseorang pelajar itu mendapat keputusan cemerlang dalam penulisan tugasan atau tesis, tetapi ia bukan secara mutlaknya hasil karya asli," katanya.

Dorong sindrom salin tampal

Sementara itu, Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya (UM), Dr Nahrizul Adib Kadri, berkata bebanan tugasan yang perlu diselesaikan mahasiswa juga ada kala menyumbang kepada aktiviti plagiat antara sedar atau tidak.

Mengambil contoh bentuk penulisan kertas kerja, untuk satu mata pelajaran sekurang-kurangnya dua tugasan perlu untuk disiapkan, bayangkan jika pelajar mengambil lima subjek pada setiap semester, mereka perlu menyiapkan sebanyak 10 penulisan esei.

"Cabaran yang lebih getir adalah apabila perlu menyiapkan penulisan esei dalam bahasa Inggeris. Lambakan bahan bacaan di internet juga saya kira menyumbang kepada permasalahan ini.

"Betul, niat tidak menghalalkan cara. Namun, kita tidak boleh menidakkan keberadaan bahan bacaan atau penulisan yang begitu mudah disalin di internet itu juga faktor meningkatnya fenomena plagiarisme atau sindrom salin tampal ini," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat UM itu berkata, amat merugikan jika mahasiswa melakukannya kerana ingin mencari jalan pintas bagi menyiapkan tugasan.

"Perbuatan itu hanya melatih kognitif otak yang segalanya di dunia mempunyai jalan pintas. Lebih buruk apabila seseorang itu merasakan 'usaha' mengambil hak orang lain itu juga adalah miliknya dan tidak perlu berasa bersalah," katanya.

> Kita tidak boleh menidakkan keberadaan bahan bacaan atau penulisan yang begitu mudah disalin di internet itu juga juga faktor meningkatnya fenomena plagiarisme atau sindrom salin tampal ini

Nahrizul Adib Kadri,
Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, UM

> Ketika ini juga sudah ada banyak perisian komputer malah aplikasi dalam talian yang boleh mengesan plagiat. Ia digunakan secara meluas dan cukup komprehensif serta berkesan untuk menemukan sebarang unsur plagiarisme

Khairunneezam Mohd Noor,
Ketua Program Pengurusan dengan Pelancongan, USIM

Pusat Selam Skuba UMT diiktiraf 5 bintang

Ia membuka dimensi baharu kajian ekosistem marin terutama di Pulau Bidong

Oleh Amirul Salam Hassan
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Terengganu: Pusat Selam Skuba Universiti Malaysia Terengganu mencatat sejarah apabila menjadi universiti pertama di negara ini mendapat pengiktirafan lima bintang daripada Scuba School International (SDI), Ogos lalu.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata pengiktirafan itu sekali gus mampu memberikan nilai tambah serta melonjakkan universiti berkenaan di peringkat nasional dan global.

"Ia juga memberi impak positif dalam mengetengahkan inisiatif pemuliharaan ekosistem bawah air.

"Selain turut memberi dimensi baharu dalam mendidik masyarakat bagi menghargai ekosistem marin terutama membabitkan aktiviti selam skuba di Pulau Bidong yang diketahui penuh dengan warisan sejarah, keunikan alam semula jadi dan arkeologi bawah air," katanya.

Mazlan berkata, UMT akan sentiasa memainkan peranan dalam mendidik masyarakat untuk menghargai populasi hidupan marin seperti spesis ikan Inggu dan mengawal aktiviti pencerobohan.

Punya sejarah panjang

Tegasnya, aktiviti selaman skuba di UMT mempunyai sejarah yang panjang iaitu selari dengan sejarah penubuhan UMT itu sendiri.

Ketika kampus UMT masih dikenali sebagai kampus cawangan UPM Terengganu, satu unit khusus iaitu unit selam skuba diwujudkan bagi membantu pelajar mendapatkan sijil selaman rekreasi 'open water diver'.

Bagaimanapun ketika UMT diwujudkan secara rasmi, terdapat keperluan untuk mewujudkan kembangan aktiviti selam skuba.

Pusat Selam Skuba UMT dirasmikan pada 8 Ogos lalu oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di Pulau Bidong, Kuala Nerus.

"Pengiktirafan diterima UMT adalah yang pertama bagi universiti awam memperoleh ISO 9001:2015 (Kualiti Sistem Pengurusan) bagi pengurusan latihan berkaitan pelesenan skuba perkhidmatan pendidikan," katanya.

Aktiviti selaman skuba di UMT mempunyai sejarah yang panjang iaitu selari dengan sejarah penubuhan UMT itu sendiri.

Bantuan penaja lonjak semangat SDASA

Port Dickson: Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Abdul Samad (SDASA) di sini, mengulangi pencapaian mereka dua tahun lalu, apabila dinobatkan sekali lagi selaku juara Kejohanan Hoki Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) 2022.

Pengurus pasukan hoki SDASA, Shogi Hamannop, berkata sekolah itu menyertai dua kategori iaitu Lelaki dan Perempuan Bawah 18 Tahun yang menyaksikan pasukan lelaki muncul juara, manakala perempuan naib juara.

"Pasukan hoki lelaki berjaya muncul johan dengan persembahan luar biasa apabila tidak mengalami kekalahan dan tiada bolos sekali gus mempertahankan kedudukan itu yang dimenangi pada 2020.

"Keupayaan pasukan perempuan menjadi naib johan pula satu pencapaian membanggakan," katanya.

Beliau berkata, SDASA adalah penerima sumbangan set peralatan hoki daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2019.

TNB sumbang set penuh

Katanya, sebelum ini sekolah itu tiada mempunyai peralatan hoki yang lengkap untuk berlatih dan menyertai pertandingan.

"Pada hujung tahun 2019, pihak TNB bersetuju menyumbang set penuh peralatan hoki kepada pihak sekolah dan ia bermula pembangunan sukan itu dengan lebih baik.

"Hasilnya, pada 2020, pasukan hoki lelaki sekolah ini muncul juara peringkat MSSD dan perempuan meraih tempat ketiga manakala tujuh pemain lelaki dan dua perempuan terpilih ke peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan," katanya.

> "Pada hujung tahun 2019, pihak TNB bersetuju menyumbang set penuh peralatan hoki kepada pihak sekolah dan ia bermula pembangunan sukan itu dengan lebih baik"
>
> ***Shogi Hamannop,***
> *Pengurus pasukan hoki SDASA*

3 murid SK Datuk Nan Kaya wakili negara

Oleh Rosman Shamsudin
bhpendidikan@bh.com.my

Tanjung Malim: Sekolah Kebangsaan (SK) Datuk Nan Kaya mencipta sejarah peribadi di sebalik status sekolah kurang murid (SKM) apabila memenangi tempat kedua kategori sekolah rendah dalam Cabaran Robotik Malaysia, 2022 baru-baru ini.

Sekolah itu yang diwakili Faiqah Hannan Muhamod Fahmir, 11; Nur Ammara Arissa Mohamad Ali, 11 dan Nur Qaseh Imanina Hasan, 12 turut memenangi kategori Anugerah Reka Cipta terbaik dalam acara yang diadakan secara dalam talian.

Kemenangan itu membolehkan mereka mewakili negara dalam pertandingan sama yang akan diadakan di Jepun pada 16 September depan.

Guru besarnya, Izanudin Ismail, 43, berkata kejayaan diperoleh menerusi rekaan dinamakan *Disable Crosswalk Assist Module* (DCAM). Ia berfungsi membantu pejalan kaki melintas jalan dengan selamat, khususnya bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Beri inspirasi

"Mereka dibantu oleh guru penasihat Norlaila Harun yang juga guru bagi subjek Reka Bentuk dan Teknologi.

"Berdasarkan kecenderungan dan potensi mereka terhadap mata pelajaran itu, mereka terus diberi bimbingan hingga mampu melahirkan DCAM.

"Rekaan berkenaan sebelum ini turut memenangi tempat pertama dalam Pameran Reka Cipta dan Inovasi kategori sekolah rendah sempena Hari Terbuka Pejabat Pendidikan Daerah Muallim, baru-baru ini," katanya.

Faiqah Hannan (kiri), Nur Ammara Arissa (tengah) dan Nur Qaseh Imanina bersama hasil reka cipta robotik dikenali DCAM.

Hebahan Pembaca dijemput untuk menghantar tulisan mengenai hebahan aktiviti sekolah anda kepada kami menerusi **bhpendidikan@bh.com.my**. Tulisan hendaklah antara 600-700 patah perkataan beserta gambar.

Ringgit dijangka mengukuh RM4.40 berbanding AS$1

Bank Negara tetap pertahan mata wang daripada terus susut

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ringgit dijangka kembali mengukuh ke paras lebih baik berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) iaitu kepada sekitar RM4.40 hingga RM4.45 pada suku keempat tahun ini, demikian kata penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi Kumpulan/Ketua Penyelidik AmBank Research, Dr Anthony Dass, berkata ketika ini mata wang tempatan itu diniagakan sekitar RM4.50 sedolar, iaitu paras unjuran pihaknya bagi ringgit untuk suku ketiga tahun ini.

Beliau berkata, sejak Mac tahun ini, bank pusat dilihat mempertahankan mata wang tempatan itu daripada terus menyusut.

Katanya, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) setakat Ogos 2022 berada pada paras AS$108.2 bilion berbanding AS$109.2 bilion pada Julai 2022.

"Kami menjangkakan ringgit akan mengukuh ke paras RM4.40 hingga RM4.45 satu dolar pada suku keempat ini," katanya dalam nota penyelidikannya.

Sementara itu, CGS-CIMB menjangkakan ringgit berada pada paras RM4.60 sedolar menjelang akhir tahun ini berikutan pelbagai faktor.

Katanya, ia termasuk jangkaan lebihan perdagangan yang lemah di tengah penurunan harga komoditi serta impak buruk daripada perkembangan di China.

"Pada pandangan kami, prospek untuk ringgit kekal suram dan oleh itu kami menyemak semula unjuran akhir tahun 2022 kami kepada RM4.60 sedolar (sebelum ini RM4.25 satu dolar)," katanya.

Kenaikan OPR kawal ringgit

Mengulas lanjut, CGS-CIMB berkata, dengan prospek ekonomi lebih lemah diunjurkan ke hadapan dan perbezaan meluas kadar faedah, di samping campur tangan BNM yang terhad, ringgit boleh menyusut lagi.

Bagi 2023, pihaknya berpendapat, ringgit boleh kukuh sedikit, disokong kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan penamatan pendirian agresif Rizab Persekutuan AS dengan sekitar paras RM4.40 sedolar pada akhir 2023.

Sementara itu, HLIB Research berkata, ringgit menyusut 7.5 peratus setakat ini bagi 2022 berbanding dolar AS.

> "Kami menjangkakan ringgit akan mengukuh ke paras RM4.40 hingga RM4.45 satu dolar pada suku keempat ini"
>
> ***Dr Anthony Dass,***
> *Ketua Ahli Ekonomi Kumpulan/ Ketua Penyelidik AmBank Research*

Ia berkata, dengan kenaikan OPR kepada 2.50 peratus, perbezaan Kadar Dana Fed (FFR)-OPR telah mengecil daripada +13 mata asas kepada -13 mata asas.

"Bagaimanapun, jika Fed menaikkan kadar 50 hingga 75 mata asas semasa mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan AS (FOMC) pada 21 September, perbezaan ini akan melebar sekali lagi kepada 38 hingga 63 mata asas.

"Berdasarkan unjuran sebelumnya oleh Fed (pada Jun), mereka menjangkakan FFR mencecah 3.40 peratus menjelang akhir tahun. Sebarang peningkatan yang akan datang kepada unjuran ini akan mengukuhkan dolar AS (melemahkan ringgit).

"Sektor yang memanfaatkan pengukuhan dolar AS yang kami positif termasuk teknologi, minyak dan gas huluan, penerokaan dan pengeluaran (E&P) dan peserta berasaskan kayu dan perabot," katanya.

Malaysia terpaksa import koko akibat kurang pengeluaran

Kekurangan pengeluaran biji koko di negara ini telah menyebabkan Malaysia terpaksa mengimport untuk memenuhi keperluan industri, kata Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia (LKM), Dr Ramle Kasin.

Beliau berkata, pada masa ini, negara hanya mampu mengeluarkan 100,000 tan setahun sedangkan permintaan industri adalah 350,000 tan.

"Bagi mengatasi perkara ini, saya berharap pengusaha komoditi koko di seluruh negara mencari mekanisme dan bersatu meningkatkan hasil pengeluaran biji koko yang bermutu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka dan Inovasi LKM, di Tawau, baru-baru ini.

Ramle berkata, bagi menangani masalah itu kerajaan berusaha meningkatkan aktiviti huluan industri koko, terutama penanaman dan perladangan koko di negara ini.

Menurutnya, LKM akan memohon kepada kerajaan negeri di seluruh negara memperuntukkan tanah bagi meningkatkan penanaman koko yang berkualiti.

"Kita juga menggalakkan pekebun kecil menanam koko di kebun mereka, di samping tanaman lain untuk meningkatkan pendapatan," tambahnya.

Hari terbuka yang membabitkan 22 agensi kerajaan dan swasta di Tawau itu mengadakan pelbagai aktiviti seperti pameran dan acara kayuhan basikal membabitkan lebih 350 peserta.

Pada minggu lalu juga, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata pekebun kecil sawit digalakkan untuk merebut peluang menceburi sektor koko, lada hitam dan putih sebagai produk sampingan bagi membantu meningkatkan aktiviti huluan agrikomoditi itu.

Katanya, projek integrasi seumpama itu dapat membantu merancakkan lagi pembangunan hiliran sektor lada dan koko tempatan yang semakin mendapat tempat, sekali gus memberi sumbangan signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

"Ini juga usaha baik untuk meningkatkan eksport bahan mentah yang kekurangan kerana aktiviti menanam pada peringkat huluan lemah.

"Kita mahu mempertingkatkan dari segi pembabitan penanam peringkat huluan, (dengan itu) baru kita dapat hasil pada peringkat hiliran dan dapat eksport, hasil akan datang kepada negara dan itu yang kita harapkan," katanya.

Beliau berkata, koko, lada hitam dan putih ga semakin mendapat permintaan, malah jenama coklat terkenal antarabangsa seperti Govida turut mendapat sumber koko dari Malaysia.

BERNAMA

Ramle (tengah) mendengar penerangan daripada kakitangan LKM, Jeffrin Jipon mengenai biji koko yang dipamerkan pada Hari Terbuka dan Inovasi LKM di Tawau, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

BNM mungkin tidak naikkan lagi OPR tahun ini

Kerajaan dijangka perkenal langkah bendung kenaikan harga barang, perkhidmatan pada Bajet 2023

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

TA Securities menjangka Bank Negara Malaysia (BNM) tidak akan menaikkan lagi Kadar dasar Semalaman (OPR) pada tahun ini selepas kenaikan kadar kali ketiga setakat ini, jangkaan yang berlawanan dengan ramalan umum.

Firma penyelidik itu berkata, ia menjangka meskipun dengan peningkatan inflasi, kerajaan sebaliknya akan memperkenalkan lagi langkah membendung tekanan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan menerusi pembentangan Bajet 2023 tidak lama lagi.

"Kami meramalkan bank pusat tidak akan menaikkan lagi OPR dalam tempoh beberapa bulan menjelang akhir tahun.

"Kita mungkin tidak akan melihat kenaikan OPR pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada November ini meskipun dengan peningkatan inflasi dan prospek pertumbuhan ekonomi.

"Kerajaan dijangka memperkenalkan langkah di bawah Bajet 2023 menerusi subsidi dan bantuan tunai bagi mengekang tekanan inflasi," kata dua penganalisis TA Securities, Shazma Juliana Abu Bakar dan Farid Burhanuddin.

TA Securities berkata, BNM mungkin akan meneruskan kenaikan OPR pada 2023 untuk menjadikan kadarnya kembali ke tahap sebelum pandemik iaitu 3.00 peratus.

"Ini membayangkan terdapat dua lagi kenaikan OPR tahun depan kepada paras sebelum COVID-19," katanya.

Pengetatan dasar monetari

Mengulas lanjut, firma itu berkata, prospek kadar faedah yang lebih tinggi secara luaran, ringgit yang lemah dan risiko inflasi yang meningkat akan mengekalkan BNM dalam laluan pengetatan dasar monetari.

Katanya, kenaikan dalam OPR juga adalah perlu untuk mengekalkan jurang tertentu antara kadar faedah Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) dan OPR Malaysia.

"Jurang yang terlalu luas boleh menyebabkan peningkatan aliran keluar modal dari Malaysia.

"Perbezaan kadar faedah semasa ialah 25 mata asas dan dijangka mengecil lagi kepada negatif kerana Fed akan meneruskan pengetatan dasar agresif," katanya.

Shazma Juliana dan Farid berkata, peniaga kini melihat kepastian yang hampir berlaku dengan Fed merancang kenaikan kadar faedah 75 mata asas ketiga berturut-turut apabila ia bermesyuarat akhir bulan ini.

"Siri data ekonomi positif dan kenyataan daripada pegawai Fed menunjukkan dasar yang ketat mungkin akan berterusan pada masa hadapan.

"Baru-baru ini, Pengerusi Fed, Jerome Powell memberi amaran kenaikan akan diteruskan dan kadar yang lebih tinggi berkemungkinan akan kekal.

"BNM juga menyebut pelarasan agresif dalam kadar faedah AS telah menyumbang kepada persekitaran dolar AS yang kukuh.

"Ini telah mengakibatkan turun naik lebih tinggi dalam pasaran kewangan, menjejaskan mata wang pasaran utama dan sedang pesat membangun yang lain," katanya.

TA Securities berkata, kenaikan kadar boleh mengurangkan kelemahan ringgit yang telah jatuh ke paras terendah sejak krisis kewangan Asia pada 1998, apabila aliran selamat dan peningkatan hasil AS mengukuhkan dolar.

"Sehingga penutupan Rabu, ringgit merosot kira-kira 7.5 peratus setakat tahun ini kepada RM4.5025 berbanding dolar AS daripada RM4.1665 yang dicatatkan akhir Disember 2021," katanya.

Yes fokus tawar perkhidmatan 5G mampu milik

YTL Communications Sdn Bhd, pengendali rangkaian telekomunikasi Yes yang pertama menawarkan 5G di Malaysia akan memberi tumpuan dalam perkhidmatan internet pantas mampu milik bagi membolehkan rakyat menikmati ketersambungan yang boleh dipercayai.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Wing K Lee, berkata sebagai syarikat telekomunikasi, kebolehcapaian pengguna kepada rangkaian pantas amat penting, terutama ketika era pendemik yang belum berakhir menuntut ke arah kehidupan digital baik dari aspek gaya hidup, pendidikan dan pekerjaan, malah ekonomi.

"5G for All adalah komitmen kami untuk menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian 5G pada harga berpatutan untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia.

"Sebagai operator pertama menawarkan pengalaman kelajuan internet lebih pantas, rangkaian 5G kami akan merintis pengalaman kelajuan tinggi yang bakal mengubah gaya kerja, pembelajaran dan keseronokan," katanya kepada *BH*.

Mengulas lanjut, Lee berkata, menerusi inisiatif 5G for All iaitu pelan mudah alih Infinite dan Infinite+, ia menawarkan jaringan tanpa had sedia ada di pasaran menerusi tawaran pengalaman 'tanpa batasan' yang sebenar tanpa sebarang gangguan pada kadar kelajuan.

Pelan Infinite

Beliau berkata, bagi memenuhi keperluan gaya hidup digital dan rangkaian mampu milik seluruh rakyat Malaysia, pelan mudah alih itu adalah 300 peratus lebih murah daripada standard pasaran 4G, seterusnya menawarkan pelan terbaik pada harga terendah.

Katanya, Infinite dan Infinite+ menjadi pelan yang menetapkan standard baharu dalam industri telekomunikasi.

"Siri pelan Infinite dicipta berdasarkan keperluan dan kesesuaian pelanggan.

"Dengan data berkelajuan tinggi 'tanpa batasan' sama ada bagi rangkaian 4G atau pun 5G pada setiap masa, pelanggan boleh menikmati kadar kelajuan sehingga 20 kali ganda dengan harga yang lebih murah.

"Harga setiap pelan pula dihadkan secara efektif, lebih tinggi penggunaan anda, lebih tinggi penjimatan anda. Kami komited untuk menawarkan pengalaman 5G yang berbaloi untuk memenuhi keperluan pelanggan Yes dengan lebih baik setiap hari," katanya.

> "Ia menawarkan jaringan tanpa had sedia ada di pasaran menerusi tawaran pengalaman 'tanpa batasan' yang sebenar tanpa sebarang gangguan pada kadar kelajuan"
>
> ***Wing K. Lee,***
> *Ketua Pegawai Eksekutif*
> *YTL Communications*

AirAsia X kembali terbang dari KL–Sydney 2 kali seminggu

AirAsia X (AAX) menyambung semula perkhidmatannya dari Sydney ke Kuala Lumpur selepas menggantung penerbangan dari kedua negara disebabkan pandemik sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif AAX, Benyamin Ismail berkata, penerbangan rasmi dari Sydney semalam juga merekodkan faktor muatan memberangsangkan sebanyak 61 peratus.

Beliau berkata, perkhidmatan dua kali seminggu itu juga bakal menghubungkan Auckland, New Zealand mulai 7 November ini.

Selain itu katanya, AAX juga merancang meningkatkan perkhidmatan sedia ada kepada penerbangan harian menjelang suku pertama 2023 bagi memenuhi permintaan kukuh yang semakin meningkat.

AAX katanya turut akan menyambung penerbangan terus ke Melbourne dan Perth awal November ini.

"Australia antara pasaran utama dan kami berbesar hati kembali menyambung perkhidmatan ke negara itu serta menghubungkan tetamu antara Sydney dan Kuala Lumpur dengan tambang bernilai hebat.

"Kami turut teruja untuk mengalu-alukan 230 tetamu ke Malaysia dari Sydney dan menghubungkan mereka dengan rangkaian luas AirAsia seperti India, Indonesia dan Thailand," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Benyamin berkata, AAX menghargai usaha kerajaan Australia dalam mempercepatkan proses visa kepada pelancong untuk mengukuhkan lagi pemulihan industri pelancongan.

Beliau berkata, langkah Malaysia membuka sempadan negara tanpa sebarang sekatan perjalanan adalah usaha baik yang akan merangsang pemulihan ekonomi negara.

"Kami akan terus menyemak rangkaian penerbangan sedia ada dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat di beberapa pasaran utama lain dengan penambahan perkhidmatan dalam masa terdekat," katanya.

Sasar 85 peratus Setia Ecohill Mall disewa akhir tahun

Pusat beli-belah bernilai RM100j tawar pelbagai jenama terkenal

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Pemaju hartanah terkemuka, SP Setia Bhd menyasarkan pusat beli belah baharunya, Setia Ecohill Mall yang terletak di Semenyih, Selangor untuk mempunyai sehingga 85 peratus penyewa menjelang akhir tahun ini.

Pengurus Besar Setia Ecohill Sdn Bhd, Koh Sooi Meng, berkata pusat beli-belah bernilai RM100 juta itu yang sudah dibuka pada awal bulan ini ketika ini sudah 65 peratus diisi oleh penyewa.

Katanya, pusat beli-belah setinggi empat tingkat dengan keluasan 280,000 kaki persegi (kps) itu akan menempatkan pelbagai jenama terkenal termasuk Lulu Hypermarket sebagai penyewa utamanya.

"Setia Ecohill Mall ini adalah salah satu daripada tiga komponen dalam pembangunan komersil bersepadu pertama di Semenyih di atas tapak berkeluasan 7.1 hektar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM900 juta.

"Dua lagi komponen ialah 243 unit pejabat dan kedai komersil yang telah siap dibina pada suku pertama 2021 iaitu Setia Ecohill Walk dengan GDV RM265 juta dan dua blok apartmen servis setinggi 40 tingkat yang dijangka akan dilancarkan pada 2024.

Koh Sooi Meng

"Apartmen ini akan menawarkan 709 unit dengan tiga jenis keluasan dari 600 sehingga 1,000 kps," katanya ketika ditemui di pusat beli belah berkenaan di sini, baru-baru ini.

Reka bentuk bangunan

Setia Ecohill Mall yang siap dibina sepenuhnya pada Disember 2021 direka bentuk dengan mengambil ilham daripada Grand Canyon di Amerika Syarikat.

Antara penyewa lain yang sudah beroperasi di situ ialah Coffee Bean and Tea Leaf, Sushi King, Secret Recipe, Texas Chicken, Gigi Coffee, Tealive, Boost Juice, Nelson's, Caring Pharmacy, Watson's, F.O.S, Optix World, Cuckoo and Coway.

Pusat beli-belah itu juga mempunyai Pusat Digital di tingkat bawah yang menawarkan jualan peranti termasuk telefon pintar, komputer, tablet dan laptop.

Mengulas lanjut Sooi Meng berkata, pengunjung tidak perlu risau mengenai tempat letak kereta kerana terdapat 2,000 ruang parkir disediakan di Setia Ecohill Walk.

"Pusat beli-belah ini akan menjadi tumpuan bukan sahaja untuk penduduk di Semenyih, tetapi di sekitarnya termasuk di Bangi dan Kajang yang mempunyai jumlah penduduk lebih 670,000 orang.

"Bagi memastikan kami dapat memenuhi keperluan pengunjung dan pembeli, kami amat berhati-hati dalam memilih penyewa untuk pusat beli-belah ini," katanya.

Jepun tinjau tingkat penyertaan pasaran halal Malaysia

Syarikat Jepun menyasar untuk menembusi lebih jauh ke dalam pasaran halal di Malaysia bagi mengembangkan lagi pasaran produk makanannya dan meneroka peluang dalam pengeluaran makanan dan bahan makanan Jepun.

Penyelaras projek Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) Kuala Lumpur, Lim Yen Yi berkata, pihaknya menyasar peluang perniagaan untuk memasuki pasaran halal termasuk mengeksport dari Jepun, pembuatan atau Pengeluar Peralatan Tulen (OEM) bagi membekalkan produk jenama Jepun diperakui halal di Malaysia.

"Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS 2022) edisi ke-18 menjana minat yang amat besar terhadap produk makanan Jepun diperakui halal dengan ramai pembeli mencari makanan dan bahan makanan Jepun.

"Berbanding MIHAS 2019 yang turut disertai Jetro, minat yang ditunjukkan pada tahun ini sangat memberangsangkan. Jetro tidak menyertai MIHAS 2021 kerana ia diadakan secara format hibrid maya dan pada 2020 pameran perdagangan itu tidak diadakan," katanya kepada BERNAMA dalam satu temu bual baru-baru ini.

Permintaan meningkat

Yen Yi berkata, permintaan pasaran terhadap makanan Jepun semakin meningkat di negara ini.

Katanya, walaupun beberapa pengimport dan pengedar makanan di Malaysia menyatakan saraan utama produk makanan Jepun adalah kepada golongan kelas atasan, namun beliau merasakan perlu untuk memberi tumpuan juga kepada kelas pertengahan terutamanya pelanggan berbangsa Melayu yang menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia, untuk mengembangkan lagi pasarannya.

"Pemain industri halal Malaysia juga mencari pelaburan dari Jepun untuk bekerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan serta kemudahan pengeluaran.

"Kami menyokong kemasukan produk makanan halal Jepun ke Malaysia dan pasaran Muslim global menerusi pengenalan produk, menawarkan rasa sampel makanan dan padanan perniagaan secara dalam talian," katanya.

Yen Yi berkata, ketika Malaysia dalam peralihan ke fasa endemik COVID-19 dengan restoran kembali dibenarkan beroperasi seperti biasa, Jetro melihat kemunculan semula permintaan terhadap bahan mentah bagi restoran makanan Jepun.

"Pembeli sedia ada dan yang baharu, terutamanya pengimport/pengedar dan pengeluar berminat terhadap jenama terkemuka Jepun seperti sos perasa Halal Dashi Imuraya Start-up Planning dan serbuk matcha Kyoeiseicha untuk dibekalkan kepada restoran serta membuat produk seperti mi, biskut, minuman dan lain-lain.

"Semua produk ini diperakui halal," katanya.

Cravito Group sasar buka 50 cawangan MDT

Cravito Group Sdn Bhd menyasarkan untuk membuka 50 cawangan baharu restoran makanan Korea, MyeongDong Topokki (MDT) dalam tempoh tiga tahun ini.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Vincent Lau, berkata ketika ini pihaknya sudah mempunyai 50 cawangan dengan 35 daripadanya ialah francais, manakala 15 milik mereka sendiri.

Katanya, kesemua 50 cawangan baharu yang bakal dibuka ini akan diuruskan oleh francaise sepenuhnya.

"Selain itu, kami juga sedang dalam proses untuk mengembangkan jenama ini ke luar negara iaitu di Indonesia dan Brunei.

"Cawangan pertama kami di Indonesia akan dibuka di Lippi Mall, Jakarta pada bulan ini dan diikuti dua lagi cawangan lain selepas itu. Cawangan di Brunei pula dijangka akan dibuka pada akhir tahun ini," katanya kepada BH, ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dapur berpusat

Tambahnya, pihaknya juga bakal membuka sebuah dapur berpusat yang lebih besar dan luas di Puchong pada bulan depan membabitkan pelaburan RM1.5 juta.

"Dapur berpusat ini akan berfungsi sebagai hab untuk semua cawangan kami. Ketika ini dapur berpusat kami terletak di Jalan Klang Lama yang mana ia turut menjadi pusat latihan kami.

"Selepas ini, ia akan diubah menjadi akademi sepenuhnya yang membolehkan kami untuk menumpukan kepada latihan untuk kakitangan dan pekerja sepenuhnya," katanya.

Mengenai sambutan pengguna Malaysia terhadap makanan dari Korea, Vincent berkata, sambutan adalah baik terutama dari golongan muda yang kini banyak terdedah dengan budaya Korea daripada filem dan lagu negara berkenaan.

Vincent bersama pekerja di hadapan restoran makanan Korea, di Kuala Lumpur. (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

"Saya juga yakin makanan Korea ini bukan bersifat bermusim, malah ia akan terus kekal sebati dengan kehidupan rakyat Malaysia seperti mula-mula makanan burger diperkenalkan pada tahun 1980-an dulu dan kini telah menjadi antara makanan popular di negara ini.

"Selain itu, setakat ini, tiada lagi lagi cawangan kami yang ditutup biarpun dilanda dengan pelbagai cabaran terutamanya ketika pandemik COVID-19 pada 2020 lalu.

"Ini menunjukkan makanan Korea ini mempunyai peminatnya tersendiri dan mampu untuk kekal bertahan lama," katanya.

Mengenai peluang francais Vincent berkata, pelaburan yang diperlukan oleh francaise ialah di antara RM500,000 hingga RM600,000 untuk membuka satu cawangan bergantung kepada lokasi.

"Setiap cawangan yang dibuka akan dipastikan terletak berjauhan dengan setiap satu cawangan supaya tidak berlaku persaingan yang akhirnya akan merugikan kedua-dua pihak," katanya.

Syarikat itu juga sudah berjaya mendapat pengiktirafan sijil halal sepenuhnya daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 2019.

Sektor teknologi terajui pasaran

Jangkaan tidak berlaku kemelesetan global beri impak Bursa Malaysia

Ulasan Pasaran

Bursa Malaysia dijangka diniagakan tinggi minggu ini dengan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) diunjur melepasi paras 1,500 berikutan keyakinan bahawa tidak akan berlaku kemelesetan global.

Pengarah eksekutif dan pengurus dana Inter-Pacific Asset Management Sdn Bhd, Datuk Nazri Khan Adam Khan, berkata kebimbangan dalam kalangan pemain pasaran dilihat menurun meskipun langkah Rizab Persekutuan Amerika Syarikat dan Bank Pusat Eropah yang menaikkan kadar faedah sebanyak 0.75 mata asas.

"Kami juga melihat sektor teknologi menerajui pasaran saham dan pelabur percaya kadar faedah tidak akan dinaikkan secara agresif," katanya.

Pada masa sama, Nazri berkata, mereka menjangka bank pusat akan lebih menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi berbanding inflasi.

Di bursa tempatan, beliau yakin pelabur akan memasuki semula pasaran berikutan permintaan pelaburan asing dan domestik yang kukuh serta kemajuan memberangsangkan dalam perdagangan dan pelancongan.

Oleh itu, beliau menjangkakan FBM KLCI diniagakan dalam jajaran 1,500 hingga 1,530 pada minggu ini.

Sentimen serantau meningkat

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, FBM KLCI meningkat 5.35 mata kepada 1,496.53 daripada 1,491.18 pada akhir minggu sebelumnya, seiring peningkatan sentimen dalam kalangan bursa serantau.

Bagi papan indeks, Indeks FBM Emas meningkat 72.69 mata kepada 10,628.22, Indeks FBMT 100 naik 65.68 mata kepada 10,375.45, Indeks FBM Emas Shariah naik 93.85 mata kepada 10,693.48, FBM 70 melonjak 195.67 mata kepada 12,756.82 dan FBM ACE menambah 51.80 mata kepada 4,858.48.

Mengikut sektor, Indeks Tenaga meningkat 10.09 mata kepada 707.16, Indeks Perladangan naik 36.13 mata kepada 6,993.97, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian menokok 5.38 mata kepada 185.60 dan Indeks Perkhidmatan Kewangan naik 53.17 mata kepada 16,817.18.

FTSE Bursa Malaysia KLCI diunjur lepasi paras 1,500. (Foto hiasan)

Jumlah dagangan mingguan meningkat kepada 11.39 bilion bernilai RM7.86 bilion daripada 9.43 bilion bernilai RM7.9 bilion pada minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan Pasaran Utama naik kepada 7.01 bilion unit bernilai RM6.29 bilion daripada 5.58 bilion saham bernilai RM6.65 bilion.

BERNAMA

Komoditi

› Sawit

Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives dijangka diniagakan tinggi sedikit minggu ini berikutan pengeluaran lebih lemah daripada yang dijangkakan disebabkan kekurangan buruh baru-baru ini.

Komoditi itu dijangka diniagakan antara jajaran RM3,500 dan RM4,000 minggu depan.

Bagi peniaga lain pula, pasaran MSM diniagakan antara jajaran RM3,300 dan RM3,500 satu tan metrik minggu depan di tengah-tengah paras inventori tinggi dan kebimbangan kemelesetan global.

Diharapkan harga yang rendah akan memberi manfaat kepada pengguna dan membantu mengurangkan peningkatan inflasi makanan, katanya.

Bagi minggu yang baru berakhir ini, niaga hadapan MSM kebanyakannya rendah dipengaruhi oleh prestasi lemah pasaran kacang soya, penurunan harga minyak mentah, sekatan pergerakan berkaitan COVID-19 di beberapa bandar di China dan pengeluaran MSM yang tinggi.

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, kontrak niaga hadapan MSM bagi bulan September 2022 turun sebanyak RM711 kepada RM3,438 satu tan, Oktober 2022 susut RM363 kepada RM3,542 satu tan, November 2022 berkurangan RM336 kepada RM3,579 satu tan dan Disember 2022 jatuh RM313 kepada RM3,621 satu tan.

Sementara itu, kontrak Januari 2023 susut RM293 kepada RM3,668 satu tan dan Februari 2023 berkurangan RM288 kepada RM3,715 satu tan.

Jumlah dagangan meningkat kepada 344,758 lot daripada 238,728 lot pada minggu sebelumnya, manakala kepentingan terbuka naik kepada 261,706 kontrak daripada 189,745 kontrak.

Harga MSM fizikal bagi September Selatan turun RM300 kepada RM3,650 satu tan.

BERNAMA

› Getah

Pasaran getah Malaysia dijangka kekal lengang minggu ini dengan dagangan yang dilakukan terutamanya terhadap penambahan semula dan bukannya pegangan stok, menurut bekas presiden Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia, Denis Low.

"Ternyata dunia sedang menuju kepada sentimen kemelesetan berikutan pandemik COVID-19 yang berpanjangan dan lambakan kesan yang berlaku akibat kos gas dan minyak lebih tinggi," katanya.

Low berkata, konflik Ukraine semestinya tidak membantu dan pendekatan yang diambil oleh Amerika Syarikat (AS) dan China akan mencetuskan lebih banyak ketidaktentuan dan kesukaran kepada perniagaan dan rakyat di seluruh dunia.

Beliau berkata, pemulihan ekonomi akan mengambil masa lebih panjang sekiranya modal dan sumber disalurkan kepada konflik dan disebabkan pendirian.

Dolar AS yang tidak stabil menjadi satu lagi faktor berikutan margin boleh dipengaruhi oleh mana-mana mata wang yang berubah-ubah.

Pasaran katanya, akan turut menyaksikan dagangan yang lebih kecil dengan kecenderungan untuk mengumpulkan stok disebabkan hujan yang berterusan di beberapa kawasan pengeluaran getah.

Pada minggu lalu, pasaran getah diniagakan kebanyakannya tinggi, disokong oleh peningkatan prestasi rakan serantau dan kenaikan harga minyak mentah.

Bagi asas Jumaat hingga Jumaat, Getah Mutu Malaysia 20 atau SMR 20 ditutup rendah tujuh sen kepada RM5.82 sekilogram berbanding RM5.89 sekilogram sebelum ini.

Harga lateks pukal berkurangan lapan sen kepada RM4.75 sekilogram berbanding paras penutup minggu lalu pada RM4.83 sekilogram.

BERNAMA

› Ringgit

Ringgit dijangka didagangkan dengan kecenderungan meningkat berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada minggu ini berikutan unit negara maju itu merosot di pasaran global, menurut ahli ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi Global Juwai IQI, Shan Saeed, berkata Bank Negara Malaysia (BNM) memainkan peranannya dengan baik walaupun mengalami tekanan daripada pasaran kewangan global.

"Rizab Persekutuan AS (Fed) sedang melaksanakan tindakan taktik untuk menurunkan nilai (dolar AS) bagi menyokong ekonomi AS. Kenaikan sebanyak 50 hingga 75 mata asas (bps) dijangkakan berlaku ketika mesyuarat Fed pada 20 hingga 21 September ini.

"Dolar AS yang lebih kukuh memberi keburukan kepada ekonomi global. Unit negara maju yang lebih kukuh menyebabkan import yang lebih murah bagi ekonomi AS," katanya.

Ringgit dijangka diniagakan dalam julat 4.4000-4.4900 berbanding dolar AS pada minggu ini.

"Ringgit akan mencatatkan pemulihan tidak lama lagi. Ramalan untuk akhir tahun kekal tidak berubah daripada 4.0500 kepada 4.3500 berbanding dolar AS. Ekonomi Malaysia akan berkembang di antara 6.5 dengan 7 peratus pada tahun fiskal semasa," katanya.

Pada Khamis, BNM menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 bps kepada 2.50 peratus dalam mesyuarat kelima Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) bagi mengurangkan tekanan inflasi.

Bagi minggu lalu, ringgit diniagakan kebanyakannya rendah berbanding dolar AS berikutan peniaga kekal berhati-hati menjelang mesyuarat MPC oleh BNM, sekali gus menambahkan lagi ketidaktentuan ekonomi global dan peningkatan hasil perbendaharaan AS.

Pada 7 September, ringgit dibuka lemah berbanding dolar AS kepada paras terendah pernah dicatatkan semasa krisis kewangan Asia 1998, apabila lebih ramai pelabur beralih kepada mata wang selamat itu ekoran prospek ekonomi global yang tidak menentu.

Ringgit berada pada 4.5010/5035 ketika dagangan awal pagi Rabu.

Pada Jumaat, ringgit merosot berbanding dolar AS kepada 4.4965/4990 berbanding 4.4855/4870 pada minggu sebelumnya.

Unit tempatan turut diniagakan kebanyakannya rendah berbanding kumpulan mata wang utama.

Ia susut berbanding pound Britain kepada 5.2249/2278 daripada 5.1888/1906, susut berbanding dolar Singapura kepada 3.2189/2209 daripada 3.1996/2009, dan berkurangan berbanding euro kepada 4.5361/5386 daripada 4.4873/4888 minggu ini.

Bagaimanapun, unit tempatan menokok berbanding yen Jepun kepada 3.1670/1690 daripada 3.1950/1963 pada minggu sebelumnya.

BERNAMA

Tukaran Wang Asing

1 unit mata wang asing bagi setiap RM

	Beli	Jual	Tengah
Dolar Amerika	4.3820	4.4200	4.4160
Dolar Australia	3.1460	3.0220	3.0060
Dolar Brunei	3.2640	3.1700	3.1620
Dolar Kanada	3.5050	3.4110	3.3980
Euro	4.6140	4.4650	4.4460
Dolar New Zealand	2.7850	2.6850	2.6690
Kina Papua N Guinea	N/A	N/A	N/A
Dolar Singapura	3.2640	3.1700	3.1620
Pound Sterling	5.3090	5.1410	5.1210
Franc Switzerland	4.7370	4.6290	4.6140
100 unit mata wang asing bagi setiap			
Dirham UAE	125.8700	119.2000	119.0000
Taka Bangladesh	4.8821	4.5830	4.5810
Krone Denmark	63.1800	58.3600	57.9600
Renminbi China	65.7000	63.2000	N/A
Dolar Hongkong	58.7500	55.8400	55.6400
Dolar Taiwan	N/A	N/A	N/A
Rupee India	5.8200	5.4700	5.2700
Rupiah Indonesia	0.0278	0.0283	0.0258
Yen Jepun	3.2000	3.0960	3.0850
Krone Norway	47.3700	43.6800	43.3600
Rupee Pakistan	2.0300	1.9100	1.7100
Peso Filipina	8.1000	7.8400	7.6400
Saudi Riyal	122.7600	116.5400	116.3400
Qatar Riyal	125.3500	119.0000	118.8200
Rand Afrika Selatan	27.0700	24.4500	24.2500
Sri Lanka Rupee	1.3269	1.1800	0.9800
Swedish Krone	44.0900	40.1700	39.9700
Thai Baht	13.1100	11.8300	11.2300

Kemangkatan Ratu Elizabeth II

Keranda mendiang dibawa 'jelajah' negara

Rakyat berpeluang beri penghormatan terakhir sebelum majlis persemadian 19 September

London: Majlis persemadian negara untuk mendiang Ratu Elizabeth II yang mangkat, Khamis lalu akan berlangsung pada 19 September ini dengan senarai upacara membabitkan adat istiadat diraja telah disusun rapi bagi tempoh sembilan hari bermula semalam.

Keranda mendiang Ratu yang diperbuat daripada kayu oak dan dilitupi bendera *Royal Standard* Scotland bersama kalungan bunga di atasnya, terdahulu ditempatkan dalam dewan di Istana Balmoral. Baginda menghembuskan nafas terakhir di istana itu.

Ia dijadualkan dibawa ke ibu kota Scotland, Edinburgh, semalam melalui beberapa kawasan meliputi perkampungan tanah tinggi terpencil membabitkan perjalanan kira-kira enam jam yang membolehkan orang ramai memberi penghormatan terakhir.

Keranda itu kemudian akan diterbangkan ke London esok dan ditempatkan di Istana Buckingham sebelum dibawa ke Westminster Hall hingga majlis persemadian berlangsung di Westminster Abbey pada jam 11 pagi 19 September ini.

Seluruh dunia ucap takziah

Kemangkatan Ratu berusia 96 tahun itu bukan hanya mengundang kesedihan ahli keluarga dan kerabat terdekat mendiang serta rakyat Britain, tetapi juga dari seluruh dunia yang merakamkan ucapan takziah - menggambarkan peranan luas dimainkan baginda di pentas dunia sepanjang tempoh 70 tahun menduduki takhta.

Sementara itu, Raja Charles III, 73, bertitah amat menyedari peranan besar diwarisi baginda dan tugasan serta tanggungjawab berat digalas.

"Saya akan berusaha mengikut teladan yang telah memberikan inspirasi kepada saya," titah baginda.

Pada majlis pertabalan, kelmarin, Proklamasi Utama dibacakan berserta tiupan trompet dan sorakan *hip, hip, hurrah* oleh barisan tentera yang mengenakan pakaian seragam tradisional untuk Raja baharu United Kingdom (UK).

Upacara bersejarah itu disaksikan ratusan orang meliputi warga emas dan kanak-kanak, malah terdapat anak kecil yang dibawa di atas bahu ibu bapa mereka.

Pertabalan Raja Charles III sebagai monarki ke-41 dalam susur galur diraja itu, menyaksikan baginda bukan saja menjadi Raja dan ketua negara kepada UK tetapi juga 14 kerajaan lain termasuk Australia, Kanada, Jamaica, New Zealand serta Papua New Guinea.

Bagi kebanyakan rakyat Britain pula, pertabalan Raja baharu itu merupakan upacara sekali seumur hidup mereka selepas berada bawah pemerintahan mendiang Ratu Elizabeth II selama ini.

Raja Charles III sendiri baru berusia tiga tahun ketika mendiang bondanya menaiki takhta sewaktu berusia 25 tahun pada 1952.

REUTERS

> Saya akan berusaha mengikut teladan yang telah memberikan inspirasi kepada saya
>
> *Raja Charles III*

Adat istiadat persemadian negara

London: Menjelang majlis persemadian negara untuk mendiang Ratu Elizabeth II yang dijadualkan berlangsung pada 19 September ini, berikut adalah susunan upacara bermula semalam hingga tarikh berkenaan sebagaimana dimaklumkan oleh pihak Istana Buckingham dan pegawai diraja lain:

Ahad (semalam)

• Keranda mendiang Ratu yang diperbuat daripada kayu oak dan ditempatkan dalam dewan di Istana Balmoral, Scotland, dibawa menggunakan kereta ke Edinburgh membabitkan perjalanan selama kira-kira enam jam. Ia dijadualkan bertolak pada jam 10 pagi dan dijangka tiba jam 4 petang sebelum dibawa ke Istana Holyroodhouse.

Isnin

• Raja Charles III dan Permaisuri Camilla dijadualkan bertolak ke Edinburgh dari London. Pada jam 2.35 petang, keranda akan diarak dari Istana Holyroodhouse ke Katedral St Giles di Royal Mile, Edinburgh, dengan diiringi Raja bersama kerabat diraja secara berjalan kaki. Mahkota Scotland akan diletakkan di atas keranda ketika ia dibawa masuk untuk upacara singkat. Raja bersama kerabat diraja dijadualkan bertafakur pada jam 7.20 malam. Keranda akan ditempatkan di situ selama kira-kira 24 jam.

Selasa

• Upacara doa dijadualkan berlangsung di Katedral St Giles pada jam 5 petang sebelum keranda dibawa ke Lapangan Terbang Edinburgh untuk diterbangkan ke London dengan diiringi anak perempuan mendiang Ratu, Puteri Anne, dan dijangka tiba pada jam 8 malam. Seterusnya, keranda akan dibawa ke Istana Buckingham dan ditempatkan dalam Bilik Bow.

Rabu

• Pada jam 2.22 petang, keranda akan dibawa ke Istana Westminster menggunakan pedati dengan diiringi Raja dan kerabat diraja secara berjalan kaki. Ketika itu, tembakan 'Minute Guns' akan dilepaskan dari Hyde Park bersama dentangan loceng 'Big Ben'. Ia dijadualkan tiba di Westminster Hall pada jam 3 petang. Keranda akan berada di situ selama empat hari hingga majlis persemadian negara.

19 September (Isnin)

• Pada jam 10.44 pagi, keranda akan diarak dari Istana Westminster ke Westminster Abbey untuk majlis persemadian negara. Keranda kemudian diarak ke Wellington Arch dan seterusnya ke Istana Windsor. Istana Windsor adalah istana didiami yang tertua serta terbesar di dunia, dan menjadi kediaman pemerintah selama hampir 1,000 tahun.

Keranda kemudian akan dibawa ke St George's Chapel dan diturunkan ke Makam Diraja sebelum disemadikan di King George VI Memorial Chapel yang juga tempat persemadian bonda serta ayahanda mendiang Ratu.

Sementara itu, keranda mendiang Putera Philip yang telah melayari bahtera perkahwinan selama 73 tahun dengan Ratu Elizabeth II sebelum meninggal dunia pada April 2021, dijangka dipindahkan dari Makam Diraja di Windsor untuk disemadikan bersebelahan mendiang Ratu.

REUTERS

Hubungan dua putera kembali bertaut

Windsor: Orang ramai yang berkumpul di sekitar pekarangan Istana Windsor susulan kemangkatan Ratu Elizabeth II, terjaga apabila Putera William dan adik, Putera Harry ditemani pasangan masing-masing, muncul bersama serta beramah mesra dengan mereka, kelmarin.

Hubungan kedua-dua putera Raja Charles III itu dilaporkan amat rapat selepas kematian ibu mereka, Puteri Diana akibat kemalangan di Paris pada 1997, namun dilihat menjadi dingin apabila Putera Harry bersama isteri, Meghan Markle meninggalkan kehidupan diraja dan berpindah ke Amerika Syarikat (AS).

Pasangan itu pulang ke Britain berikutan kemangkatan mendiang Ratu pada Khamis lalu. Putera Harry bergegas untuk berada di sisi ketika nendanya nazak di Istana Balmoral, Scotland.

Kemunculan bersama mereka di Windsor kelmarin itu adalah atas jemputan Putera William, menurut seorang jurucakap. Kesemua mereka keluar dari kenderaan sama dengan berpakaian hitam.

Sumber diraja pula menyifatkan perkembangan itu menunjukkan hubungan dua beradik itu kembali bertaut ketika keluarga mereka berdepan detik sukar kehilangan mendiang Ratu.

Namun, kedua-dua pasangan terbabit dilaporkan tidak banyak berinteraksi sepanjang tempoh kemunculan kira-kira 40 minit itu.

Mereka sebaliknya meluangkan masa membaca mesej diselit pada jambangan bunga diletakkan orang ramai, selain bersalaman dan beramah mesra dengan ribuan orang yang hadir di sepanjang Long Walk.

Pada suatu ketika, seorang wanita dalam khalayak ramai itu dilihat memeluk Meghan.

Putera William beramah mesra dengan kanak-kanak, manakala isterinya, Kate Middleton dan Putera Harry tidak ketinggalan menerima bunga serta kata-kata semangat daripada orang ramai.

REUTERS

73 rakyat Palestin maut dalam tahanan Israel

Ramallah: Sekurang-kurang 73 rakyat Palestin maut ketika dalam tahanan Israel, akibat kecuaian perubatan sejak 1967, dakwa sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan.

Persatuan Tahanan Palestin dalam satu kenyataan, kelmarin, memaklumkan mangsa terbaru adalah seorang wanita Palestin yang meninggal dunia pada Jun lalu, lapor *Agensi Anadolu*.

"Israel masih enggan melepaskan jenazah sembilan warga Palestin yang maut ketika dalam tahanan," dakwa kenyataan itu.

Kira-kira 600 tahanan dilaporkan menghidap pelbagai penyakit, termasuk 200 sedang menderitai penyakit kronik.

"Terdapat 23 pesakit kanser dalam kalangan tahanan Israel," menurut kenyataan itu lagi.

Menurut perangkaan Palestin, hampir 4,550 rakyat Palestin berada dalam penjara Israel, termasuk 175 kanak-kanak, 31 wanita dan 700 tahanan yang dipenjarakan tanpa sebarang pertuduhan atau perbicaraan. BERNAMA

4,550

Rakyat Palestin berada dalam penjara Israel

18 terbakar trak dilanggar bas meletup

Ciudad Victoria (Mexico): Sekurang-kurang 18 mangsa terkorban apabila bas dinaiki mereka berlanggar dengan sebuah trak membawa bahan api di utara Mexico, kelmarin.

Pejabat pendakwa raya Tamaulipas dalam satu kenyataan memaklumkan kemalangan itu berlaku pada awal pagi di lokasi yang menjadi titik pertembungan lebuh raya dari Ciudad Victoria di Tamaulipas dengan lebuh raya dari Monterrey di negeri jiran, Nuevo Leon.

Bas terbabit dilaporkan sedang dalam perjalanan dari Hidalgo di tengah Mexico ke Monterrey. kenyataan itu lagi, kesemua 18 mangsa berkenaan terbakar apabila trak itu meletup dalam nahas terbabit.

Katanya, siasatan lanjut masih diteruskan. AFP

Sukarelawan mengagih bekalan kemanusiaan di Karachi, Pakistan. (Foto REUTERS)

Pakistan sengsara jadi 'korban iklim terburuk'

Setiausaha Agung PBB harap lebih banyak bantuan disalur hadapi kesan banjir

Karachi: Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres, mengaku beliau 'tidak pernah melihat korban iklim' pada skala begitu besar sebagaimana disaksikannya ketika melawat Pakistan yang dilanda banjir buruk.

Hampir 1,400 mangsa maut dalam insiden banjir itu yang menenggelami negara ini sehingga mencecah kawasan seluas United Kindom (UK) dan memusnahkan tanaman, kediaman, perniagaan, jalan raya serta jambatan.

Guterres berkata, beliau berharap lawatannya itu merangsang lagi sokongan dan bantuan kepada Pakistan.

Kerugian lebih AS$30b

Menurut pusat bantuan banjir bawah kerajaan Pakistan, malapetaka itu dianggarkan menelan kos lebih AS$30 bilion, setakat ini.

"Saya telah menyaksikan banyak bencana kemanusiaan di seluruh dunia, namun tidak pernah melihat korban iklim pada skala sebegini besar.

"Saya kehilangan kata-kata untuk menggambarkan apa yang saya saksikan hari ini," katanya pada sidang media di Karachi selepas meninjau kawasan paling terkesan di selatan Pakistan, kelmarin.

Pakistan lazim menerima hujan lebat pada musim tengkujuh setiap tahun yang penting untuk keperluan sektor pertanian dan bekalan air.

Namun, negara berkenaan berdepan keadaan luar biasa tahun ini apabila menerima hujan teramat lebat yang tidak pernah dialami sejak berdekad lalu.

Kira-kira 33 juta penduduk terjejas dengan banjir buruk kali ini yang turut memusnahkan kira-kira dua juta kediaman dan premis perniagaan, selain membinasakan 7,000 kilometer jalan raya dan 500 jambatan.

"Negara lebih kaya bertanggungjawab secara moral untuk membantu negara membangun seperti Pakistan untuk pulih daripada bencana sebegini dan menyesuaikan diri bagi membina ketahanan terhadap kesan iklim yang malangnya dijangka berulang lagi pada masa depan," kata Guterres sambil menekankan negara G20 bertanggungjawab atas 80 peratus pelepasan gas ketika ini.

Pakistan hanya bertanggungjawab atas kurang daripada satu peratus pelepasan gas rumah hijau di seluruh dunia, namun menduduki tempat kelapan negara paling rentan dengan cuaca ekstrem akibat kesan perubahan iklim berdasarkan senarai oleh pertubuhan bukan kerajaan, Germanwatch. AFP

> Saya telah menyaksikan banyak bencana kemanusiaan di seluruh dunia, namun tidak pernah melihat korban iklim pada skala sebegini besar

Antonio Guterres,
Setiausaha Agung Pertubuhan PBB

Kurdish rayu bantuan kekang taun

Qamishli (Syria): Pihak pentadbiran Kurdish merayu bantuan antarabangsa, terutama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengekang penularan taun yang sudah mengorbankan tiga mangsa di utara dan timur Syria, setakat ini.

Malah, pihak berkuasa kesihatan memberi amaran bahawa sejumlah besar kes wabak itu telah dikesan di wilayah Raqa dan Deir Ezzor.

Dalam satu kenyataan, kelmarin, Kementerian Kesihatan Syria turut memaklumkan 15 kes direkodkan di wilayah Aleppo dengan pesakit menerima rawatan di hospital.

Secara umum, taun berpunca daripada makanan atau air tercemar dan mengakibatkan mangsa cirit-birit serta muntah.

Ia boleh merebak dalam kawasan penempatan yang kekurangan rangkaian kumbahan sewajarnya atau bekalan air utama untuk minuman.

Menurut Pemerhati Hak Asasi Manusia Syria, penyakit itu merebak di barat Deir Ezzor selepas pihak berkuasa tempatan didakwa berhenti mengedarkan klorin ke stesen pam air.

Kumpulan berpangkalan di Britain itu yang mempunyai rangkaian kerja luas dengan sumber di Syria, mendakwa ratusan penduduk di kawasan terbabit mengadu sakit kepala, cirit-birit dan muntah.

Agih 1,000 liter klorin

Pentadbiran Kurdish berkata, pihak berkuasa Deir Ezzor mula mengagihkan 1,000 liter klorin kepada stesen air di kawasan pedalaman wilayah berkenaan.

"Ia sebagai langkah berjaga-jaga untuk mencegah penyakit taun," katanya.

Kemelut perang saudara selama lebih sedekad telah memusnahkan infrastruktur bekalan air dan kumbahan di Syria.

Peperangan itu membinasakan dua per tiga daripada loji rawatan air, separuh daripada stesen pam dan satu per tiga daripada menara air di seluruh negara ini, menurut UNICEF. AFP

Peralatan dalam kelas di sebuah sekolah rosak berikutan gegaran kuat di bandar Lae, Papua New Guinea. (Foto AFP)

Lima maut gempa bumi di Papua New Guinea

Gegaran kuat berukuran 7.6 magnitud menyebabkan bangunan rosak, tanah runtuh

Port Moresby: Sekurang-kurang lima maut (setakat jam 6 petang semalam), manakala sejumlah mangsa lagi cedera dalam insiden gempa bumi berukuran 7.6 magnitud di Papua New Guinea, semalam, yang turut meng kibatkan bangunan mengalami kerosakan dan tanah runtuh.

Menurut penduduk di bandar utara berhampiran pusat gempa, berlaku gegaran kuat pada sebelah pagi yang menyebabkan jalan raya retak.

Ahli Parlimen, Kessy Sawang memaklumkan, sekurang-kurang dua dilaporkan maut di perkampungan pergunungan terpencil, manakala sejumlah lagi mangsa yang parah pula diterbangkan ke hospital.

Beliau berkata, berlaku kerosakan meluas dengan sejumlah kediaman tertimbus bawah runtuhan tanah.

USGS keluar amaran tsunami

Gegaran akibat gempa bumi kuat itu boleh dirasai hingga ke ibu kota, Port Moresby yang terletak sejauh kira-kira 480 kilometer (km) dari pusatnya.

Pada awal kejadian, agensi Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS) mengeluarkan amaran tsunami bagi kawasan pantai berhampiran, namun kemudian memaklumkan ancaman itu sudah berlalu.

Begitupun, penduduk di kawasan pantai bergegas ke kawasan lebih tinggi untuk menyelamatkan diri selepas mendapati paras air laut menurun secara tiba-tiba

Perdana Menteri Papua New Guinea, James Marape, menggesa penduduk supaya terus berjaga-jaga.

Sambil mengaku sangat bimbang akan gempa bumi kuat itu, beliau berkata, beberapa wilayah terkesan dengan bencana kali ini, namun skala kerosakan atau kecederaan yang berlaku belum dapat dipastikan.

"Agensi bencana peringkat wilayah dan kebangsaan, begitu juga pemimpin, sudah diminta untuk menilai kerosakan serta kecederaan yang berlaku, sekali gus menanganinya dengan secepat mungkin," katanya.

Menurut USGS, gempa bumi itu berlaku pada kedalaman 61km, kira-kira 67km dari bandar Kainantu.

Sementara itu, agensi berkenaan juga melaporkan dua gempa bumi kuat melanda Kepulauan Mentawai di luar pantai barat Pulau Sumatera, Indonesia, semalam.

Gempa berukuran 6.0 magnitud melanda pada kedalaman 20km kira-kira jam 6.10 pagi waktu tempatan, disusuli satu lagi gempa 5.7 magnitud pada kedalaman 10km beberapa minit kemudian. AFP

Greece naik gaji minimum

Athens: Perdana Menteri Greece, Kyriakos Mitsotakis kelmarin mengumumkan akan menaikkan lagi kadar gaji minimum pada tahun depan, selain bayaran pencen bakal ditingkatkan untuk kali pertama sejak negara ini dilanda krisis kewangan lebih sedekad lalu.

Negara paling banyak berhutang dalam zon euro ini menerima pinjaman antarabangsa lebih 260 bilion euro antara 2010 hingga 2015, dan terpaksa mengharungi detik sukar dengan langkah penjimatan ketat termasuk pemotongan gaji serta pencen.

Setelah bangkit daripada 'bail-out' pada 2018, Greece kini menikmati lebih banyak kebebasan untuk melaksanakan dasar ekonominya.

"Selepas sekian lama, bayaran pencen akan dinaikkan untuk 1.5 juta pesara," kata Mitsotakis ketika menyampaikan ucapan dasar ekonomi tahunan, di bandar Thessaloniki.

Bagi gaji minimum pula, beliau berkata, kadarnya akan dinaikkan lagi pada Mei tahun depan selepas kerajaan meningkatkannya kepada 713 euro, bulan lalu.

Selain itu, katanya, kerajaan juga akan menghapuskan apa dipanggil levi solidariti terhadap pekerja sektor awam dan swasta.

Beliau turut menjanjikan dana bagi menangani impak krisis tenaga dan lonjakan inflasi terhadap isi rumah di seluruh negara.

Greece sudah membelanjakan kira-kira 8 bilion euro untuk subsidi bil tenaga dan bantuan lain sejak tahun lalu.

Mitsotakis berkata, pelbagai langkah diumumkan beliau untuk tahun ini dan tahun depan akan membabitkan kos berjumlah 5.5 bilion euro. REUTERS

Anggota tentera Ukraine memasuki bandar Kupiansk di timur Ukraine menyebabkan tentera Russia terpaksa berundur dari bandar berkenaan. (Foto AFP)

Russia tingalkan kubu utama di timur Ukraine

Kyiv/Hrakove: Russia dilapor meninggalkan kubu utamanya di timur laut Ukraine, kelmarin, selepas tentera Ukraine mara dengan pantas dalam pertempuran sengit antara kedua-dua pasukan itu.

Perkembangan terbaru di Izium, wilayah Kharkiv itu dilihat sebagai kekalahan paling teruk dialami Moscow selepas kejadian seumpama pada Mac lalu yang menyaksikan tenteranya terpaksa berundur dari ibu kota Ukraine, Kyiv.

Ukraine meraikan kemenangan berkenaan yang disifatkan sebagai 'titik perubahan' dalam peperangan itu yang sudah berlarutan selama kira-kira enam bulan, manakala ribuan tentera Russia dikatakan berundur dengan meninggalkan simpanan peluru serta peralatan mereka di lokasi berkenaan. Sebelum ini, Tentera Russia menggunakan Izium sebagai pangkalan logistik.

Diarah tinggalkan kawasan

Agensi berita TASS memetik Kementerian Pertahanan Russia sebagai berkata, ia mengarahkan pasukan tenteranya untuk meninggalkan kawasan itu dan memperkukuhkan operasi di lokasi lain sekitar Donetsk.

Menurut laporan itu lagi, ketua pentadbiran Russia di Kharkiv memberitahu penduduk supaya keluar dari wilayah berkenaan dan berpindah ke Russia untuk 'menyelamatkan nyawa'.

Sementara itu Menteri Luar Ukraine, Dmytro Kuleba, berkata tentera Ukraine menunjukkan bahawa mereka mampu menewaskan pasukan Russia dengan menggunakan senjata yang dibekalkan kepada mereka.

Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky pula mendakwa pasukan tenteranya untuk meninggalkan kawasan yang menguasai semula kira-kira 2,000 kilometer persegi kawasan sejak melancarkan serangan balas pada awal bulan ini. REUTERS

Konsert Anniversary Tour, 30 Years of Dewa 19 mengumpulkan kira-kira 18,000 peminat setia. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Dewa 19 julang erti persahabatan

Konsert dua malam panaskan Axiata Arena

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Tiga tahun lalu, konsert 'reunion' Dewa 19 di Stadium Malawati, Shah Alam, 'cacat' tanpa kehadiran salah seorang anggota, Ahmad Dhani, yang ketika itu menjalani hukuman di Penjara Cipinang, Jakarta Timur, selama 18 bulan.

Ahmad Dhani dijatuhkan hukuman selepas didapati bersalah memuat naik entri berbaur hasutan dan membangkitkan rasa kebencian terhadap individu dan kumpulan melalui Twitter.

Jumaat lalu, kehadiran kumpulan yang berasal dari Surabaya, Indonesia ini ke Kuala Lumpur umpama membalas dendam atas kekurangan lalu.

Julung kalinya, band itu tampil dengan lima vokalis hebat iaitu Ello, Virzha, Once Mekel, Ari Lasso dan Ahmad Dhani lantas melakar sejarah tersendiri buat peminat yang digelar Baladewa dan Baladewi.

Benar, bukan mudah mengumpulkan mereka disebabkan masing-masing ada komitmen sendiri.

Namun, atas nama persahabatan, segala halangan diketepikan demi menjayakan rangka *Anniversary Tour, 30 Years of Dewa 19* di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Terbahagi kepada beberapa segmen utama, kemunculan Virzha dan Ello sebagai pembuka tirai bagai acara pemanas badan apabila mereka berpadu suara menyanyikan lagu berirama rancak dan bertenaga seperti *Restoe Boemi, I Want To Break Free* dan *Still I Am Sure We'll Love Again*.

Usai bergandingan, Ello dan Virzha tampil solo seraya membuktikan mereka memiliki pesona sendiri biarpun hadir terkemudian daripada Ari Lasso dan Once

Kedinginan malam akibat hujan terus dihangatkan dengan aksi solo Once mendendangkan tujuh lagu yang cukup dekat di hati peminat. Antara dendangan itu adalah *Roman Picisan, Arjuna, Lagu Cinta, Mistikus Cinta* dan *Dewi*.

Once masih bertenaga

Ternyata, pada usia melewati separuh abad, energi dan keghairahan yang ditunjukkan penyanyi tinggi lampai ini sangat luar biasa.

Malah, lontaran vokal ketika menyanyikan lagu bernada tinggi sangat mengagumkan.

Sebagai antara individu yang membesar pada era Once menyertai Dewa 19, kira-kira dua dekad lalu, segmen inilah yang paling membekas dalam hati.

Teruja dengan sambutan yang diberi, ungkapan 'Terima Kasih Kuala Lumpur' kerap dilaungkan Once sebagai tanda penghargaan kepada penyokong tercinta.

Sebelum menyerahkan pentas kepada Ari Lasso, sempat Once mengusik penonton dengan bertanyakan apakah mereka sudah betul-betul 'panas' kerana jika tidak, vokalis pertama kumpulan itu enggan keluar menghiburkan mereka.

Sebaik kelibat Ari Lasso muncul, sorakan penonton bergema memenuhi ruang menandakan betapa tidak sabarnya mereka melihat vokalis ini beraksi.

Melantunkan lagu hit seperti *Elang, Kangen, Kirana, Elang* serta *Cinta Kan Membawamu Kembali*, pemilik nama lengkap Ari Bernadus Lasso, 49, ini menjadikan persembahannya sebagai momen intimasi bersama peminat.

Walaupun persembahannya barangkali tidak serancak rakan-rakan lain, namun, ia tidak sekali-kali menjatuhkan momentum konsert.

Peminat rata-ratanya tahu Ari Lasso baru disahkan bebas daripada kanser Limfoma yang dihidapinya sejak awal tahun lalu.

Meskipun kemunculannya boleh dianggap sebagai selingan dan tidak menyanyikan banyak lagu, namun, Ahmad Dhani mencuri tumpuan.

Aksi selamba menyuruh peminat menyalakan lampu di telefon pintar sebelum menyanyikan lagu *Hadapi Dengan Senyuman* adalah antara momen yang cukup indah untuk dikenang.

Suami kepada penyanyi Mulan Jameela ini berjaya membuat seluruh stadium menjadi gegak gempita menerusi lagu popularnya, *Sedang Ingin Bercinta*.

Meskipun bukanlah konsert terbaik, namun, mesej positif yang boleh dipelajari daripada band ini adalah semangat juang serta keghairahan untuk terus mempertahankan nama Dewa 19 sebagai kumpulan legenda yang disegani.

Pada malam itu, tiga layar LED membawa penonton menyusuri perjalanan tiga dekad band terbabit secara ringkas menerusi tayangan visual dari awal penubuhan hingga sekarang.

Nostalgia dipupuk sejak 30 tahun memang mahal. Di sebalik kejayaan dikecapi, Dewa 19 tidak terlepas daripada kontroversi dan anggota kumpulan yang bertukar ganti.

Namun, dek ikatan persaudaraan terjalin, semua perbezaan pendapat serta ego sanggup diketepikan. Mereka percaya nilai itulah yang berjaya meletakkan kedudukan Dewa 19 seperti hari ini.

Abang Long Fadil 3 kaut RM3j hari pertama tayangan

Francais ketiga filem *Abang Long Fadil 3* arahan Syafiq Yusof meraih RM3 juta pada hari pertama tayangan di 159 pawagam di Malaysia, Brunei dan Singapura, Khamis lalu.

Meluahkan kesyukuran, Syafiq atau nama penuh, Mohd Syafiq Mohd Yusof, 30, menganggap jualan tiket memberangsangkan dianggap permulaan yang baik kepada filem garapannya itu.

"Terima kasih kepada semua yang menonton *Abang Long Fadil 3* di pawagam.

"Saya berharap filem ini mampu menepati cita rasa penonton dan buat yang belum menyaksikannya, saya saran apa kata ajak rakan atau keluarga luangkan masa bersama.

"Nikmati komedi dan aksi yang dipersembahkan," katanya.

Abang Long Fadil 3 berkisar gelagat Fadil lakonan Zizan Razak sebagai ejen perisik Perkhidmatan Rahsia Negara (NSS) yang cuba menjatuhkan konspirasi jahat Chow Han yang dihidupkan pelawak Johan sementara dirinya diburu King Cobra (Datuk AC Mizal) kerana dendam kesumat.

Syafiq turut merakam penghargaan kepada media massa dan pengendali pawagam yang memberi sokongan padu terhadap filem *Abang Long Fadil 3* yang diterbitkan Skop Productions dan Astro Shaw.

Catat sejarah

Sebelum ini, filem *Abang Long Fadil* dilaporkan mengutip RM1.2 juta pada sesi *sneak preview*, Rabu lalu.

Abang Long Fadil 3 adalah idea asal Syafiq yang menghasilkan *Abang Long Fadil* dan *Abang Long Fadil 2*.

Sekuel kedua francais ini mencatat sejarah sebagai filem tempatan pertama raih kutipan pecah panggung melebihi RM18 juta ketika ditayangkan pada 2017.

Apa yang unik, melalui ketiga-tiga sekuel *Abang Long Fadil*, penonton dapat melihat transisi tema berbeza iaitu daripada dunia gangster, mafia dan perisikan.

Penggambaran *Abang Long Fadil 3* pada 2019 mengambil masa 77 hari di Kuala Lumpur, Cyberjaya dan Klang.

Abang Long Fadil 3 turut menampilkan Maya Karin, Elizabeth Tan, Shuib Sepahtu dan Ozlyn Wati.

Sama beraksi dalam filem menelan belanja RM6 juta itu adalah Tania Hudson, Joey Daud, Jay Iswazir, Daniella Sha, Khir Rahman, Hairul Azreen dan Siraj Alsagoff.

Filem Abang Long Fadil 3 ditayangkan di 159 pawagam di Malaysia, Brunei dan Singapura.

Cikgu Fati lega Nani temu jodoh 'sekepala'

Pelakon veteran titip pesanan, doakan kebahagiaan anak tersayang

Oleh Zaidi Mohamad
zaidim@bh.com.my

Melepaskan anak dara ke alam rumah tangga bukanlah mudah bagi wanita bergelar ibu.

Berpuluh tahun menabur kasih sayang dan membesarkan anak, perasaan bercampur baur apabila insan tersayang akhirnya disunting orang.

Namun, aktres dan guru lakon disegani, Fatimah Abu Bakar sedar puterinya, Sharifah Amani Syed Zainal Rashid, 36, berhak mencari kebahagiaan sendiri.

Memberi restu, Fatimah menyaksikan Sharifah Amani atau Nani, disatukan dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Impact Integrated, Ahmed Faris Amir, 34, pada majlis tertutup di sebuah premis acara di ibu negara, kelmarin.

Fatimah atau mesra digelar Cikgu Fati bersyukur Sharifah Amani bertemu jejaka 'sekepala' dan memahami dirinya.

"Akhirnya, lengkap keempat-empat anak perempuan sudah bergelar isteri orang.

"Biarpun dua adik Nani iaitu Sharifah Aryana dan Sharifah Aleysha lebih dulu bertemu jodoh atau melangkah bendul, saya bersyukur dia (Nani) dikurniakan suami yang baik dan serasi.

"Alhamdulillah, keluarga mentua pun menerima Nani dengan baik dan begitulah sebaliknya," katanya.

Namun, Fatimah berdoa, baik Sharifah Amani dan Ahmed Faris atau dipanggil Med, sama-sama menjaga dengan baik bahtera rumah tangga dibina.

"Mereka kena jaga, hormat dan sokong antara satu sama lain.

"Nani dikurniakan Med dan begitulah sebaliknya... saling melengkapi. Moga bahagia melayari mereka sampai Jannah," katanya.

Fatimah berpesan agar Ahmed Faris dan Sharifah Amani perlu berbuat baik dan menghargai sesama sendiri.

"Banyak bersabar kerana mendirikan rumah tangga ini umpama permainan *roller coaster*, ada turun dan naik. Pandai-pandailah kemudi. Apabila berada dalam dakapan bahagia, jangan lupa diri.

"Apabila diuji seperti pepatah 'sedangkan lidah lagi tergigit', usah cepat putus asa. Kena banyak bertolak ansur," pesannya kepada puteri tersayang.

Upacara minum teh Cina

Majlis pernikahan Ahmed Faris dan Sharifah Aminah mencuri perhatian apabila acara simbolik minum air teh Cina turut diselikan.

Menjelaskan perkara itu, Fatimah berkata, sesi minum teh dianggap acara turun-temurun kerana ibunya mempunyai darah keturunan Cina.

"Pengantin perempuan diperkenalkan dengan keluarga mentua pada acara minum teh. Minuman disajikan tidak semestinya teh Cina. Teh bunga atau teh buah pun boleh. Cuma dahulu, jika ikut susur galur tradisi ini sangat dramatik.

"Pernah berlaku, jika teh yang dihidangkan kepada ibu atau bapa mentua tidak diminum, bererti perkahwinan itu tidak dipersetujui.

"Namun, apa yang kami lakukan lebih kepada mengeratkan silaturahim. Syukur keluarga Med sudi menjayakan sesi minum teh ini," kata isteri kepada Syed Zainal Rashid Syed Zainal Abidin ini.

Mengenai cucu, Fatimah sempat berseloroh meminta Ahmed Faris dan Sharifah Amani menghadiahkan dirinya zuriat dengan segera.

"Macam suami saya sebut dalam rakaman video yang ditayangkan pada majlis, memang dia mahu cucu dengan segera.

"Tetapi, saya berseloroh dengannya sambil menyebut tiada tekanan hendak bagi cucu kepada kami," katanya yang kini sudah dikurniakan lima cucu.

Kelmarin, pada majlis tertutup dihadiri kira-kira 200 tetamu, Sharifah Amani disatukan dengan Ahmed Faris.

Pasangan itu dinikahkan Ketua Imam Masjid Saidina Umar Al Khattab, Bukit Damansara merangkap Penolong Pendaftar Nikah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Ustaz Mohd Rahimi P Ramlee berwalikan bapa pengantin perempuan.

Pada majlis berkonsep rona putih hiasan Sanggul Event itu, pengantin lelaki menyerahkan mas kahwin RM300 dan lima dulang hantaran berbalas tujuh dulang.

Bagaimanapun, wang hantaran dirahsiakan atas permintaan keluarga.

Syed Zainal Rashid dan Fatimah bergambar kenangan bersama pasangan mempelai, Ahmed Faris dan Sharifah Amani pada hari pernikahan, kelmarin.

Anggun mengenakan persalinan rona putih rekaan Tangsi Tujuh dan ditatarias adik bongsu, Sharifah Aryana, Sharifah Amani bersyukur perancangan hari bahagia sejak beberapa bulan lalu, lancar.

"Alhamdulillah, di sebalik ujian pandemik COVID-19 melanda dunia sejak dua tahun lalu, impian, niat dan hajat yang saya simpan selama ini dipermudahkan.

"Semoga permuluan fasa baharu ini akan terus mematangkan saya dan suami. Insya-Allah," katanya.

Berkongsi detik perkenalan, pasangan ini mula bertemu tiga tahun lalu ketika Nani memikul tugas sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah organisasi diketuai Ahmed Faris.

"Bagaimanapun, tiga tahun lalu, kami bekerja atas paksi profesional, belum ada rasa cinta.

"Dipendekkan cerita, selepas COVID-19, masing-masing solo. Cinta bertandang tanpa diduga hingga akhirnya kami diizinkan bertemu jodoh," kata Nani.

Mengenai peribadi suami, Nani tertawan dengan kebijaksanaan Ahmed Faris.

"Suami tangkas dalam setiap gerak-geri. Dia pandai dan bijak mengambil hati saya.

"Malah, pada masa sama, suami sering buat saya tergelak dan mudah terhibur. Apa yang buat kami serasi, dia adalah antara kawan lepak yang 'sempoi' dan terbaik," katanya.

Mengenai bulan madu, pasangan ini belum merancang, manakala ditanya soal zuriat, Sharifah Amani dan suami tidak menolak rezeki andai dikurniakan cahaya mata pengikat kasih.

"Mungkin apabila selesai kerja dan suami dapat cuti, kami boleh rancang spontan untuk menghabiskan masa berdua. Mungkin akhir tahun ini," katanya yang turut diraikan dalam majlis resepsi di lokasi sama, malam kelmarin.

Sementara itu, Ahmed Faris cukup menyenangi peribadi dan karakter isterinya.

"Isteri sangat baik hati, pemurah dan penyayang," katanya.

Detik indah McCartney bersama Ratu Elizabeth II

Bintang legenda yang juga anggota kumpulan ikonik, The Beatles, Sir Paul McCartney, 80, mahu terus mengenang Ratu Elizabeth II sebagai permaisuri berjiwa rakyat yang memiliki keperibadian mulia.

McCartney pernah menghadap Ratu Elizabeth II sebanyak sembilan kali sejak era kegemilangan The Beatles sehinggalah detik dianugerahkan pingat membawa gelaran 'Sir' pada 11 Mac 1997, tidak lupa permaisuri kesayangan ramai itu memiliki sifat humor tersendiri.

Pada temu ramah bersama CBS untuk program *The Queen Carries On: A Gayle King Special*, tahun lalu, McCartney mengimbas detik pertabalan Ratu Elizabeth II pada 6 Februari 1952 yang mempengaruhi keluarganya memiliki televisyen (TV) bagi mengikuti liputan acara bersejarah itu secara langsung.

"Ketika itu keluarga saya tidak memiliki TV. Saya dan adik lelaki selalu mendesak ibu bapa, bila keluarga kita akan punya TV? Tiba-tiba, untuk acara pertabalan Ratu Elizabeth II, semua orang ada TV di rumah," katanya.

Khamis lalu, Istana Buckingham mengumumkan Ratu Elizabeth II mangkat pada usia 96 tahun.

Kemangkatan baginda selepas dua hari pelantikan Elizabeth Truss sebagai Perdana Menteri United Kingdom, iaitu tugas rasmi terakhir Ratu Elizabeth II, Selasa lalu.

Memberitahu *CBS News*, McCartney teringat detik bermulanya sanjungan beliau terhadap Ratu Elizabeth II ketika dia berusia 10 tahun apabila memenangi pertandingan menulis esei di sekolah menjelang detik pertabalan Permaisuri England itu.

McCartney berkongsi foto detik penganugerahan pingat oleh Ratu Elizabeth II kepadanya melalui hantaran Instagram (IG).

"Saya masih ingat betapa gemuruhnya apabila nama dipanggil. Itulah kali pertama saya naik ke pentas untuk menerima hadiah," katanya yang menyelikan sanjungan terhadap Ratu Elizabeth II dalam esei ditulis.

Curah perasaan dalam entri

Meratapi pemergian baginda, Khamis lalu, McCartney yang dianugerahkan pingat 'Companian of Honour' oleh Ratu Elizabeth II, pada 2018, memuat naik kenyataan sepanjang 850 perkataan dalam laman web rasminya.

Antara lain, McCartney menganggap dirinya beruntung dalam hidup di bawah pemerintahan Ratu Elizabeth II.

"Setiap kali menghadap baginda, saya kagum dengan sifat humor dan martabat tinggi dimiliki Ratu Elizabeth II," katanya yang pertama kali menghadap baginda bersama anggota kumpulan Beatles pada 1965 ketika mereka dikurniakan pingat MBE di Istana Buckingham.

Namun, dalam banyak kenangan itu, McCartney menganggap penganugerahan gelaran 'Sir' kepadanya pada 1997 sebagai detik terbaik," katanya dalam perkongsian di laman web, lapor *CBS News*. AGENSI

BH BeritaHarian 1klassifieds

Dapatkan naskah BH BeritaHarian di cawangan 7-Eleven di Lembah Klang

www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan) +603 2299 6000 (Antarabangsa)

DI DALAM : TEMPAHAN DAN CARIAN — DAPATKAN DI SINI!

HIAS & RAPI

TIDAK ramai antara kita yang tahu siapakah pencipta pengetip kuku, walaupun alat itu digunakan selalu. Mungkin tidak penting bagi kebanyakan antara kita, asalkan kuku dipotong pendek, kemas dan selesa.

Pencipta pengetip kuku tidak diketahui siapa sebenarnya, tetapi berdasarkan sejarah, peralatan itu dikatakan bermula di Amerika Syarikat apabila paten pertama untuk mengembangkannya didaftarkan lelaki Inggeris, Valentine Fogerty pada 1875.

Selain beliau, paten pengetip kuku lain juga didaftarkan oleh William C Edge (1876) dan John H Hollman (1878). Bagaimanapun, pengetip kuku asal diubah sedikit patennya dan didaftarkan, Eugene Heim, Celestin Matz dan Cincinnati Ohio pada sekitar 1881 hingga 1885.

Bayangkan, sebelum wujudnya pengetip kuku, masyarakat dulu berkemungkinan menggunakan batu tajam atau menggigit kuku dengan gigi untuk memendekkan kuku, berikutan ketika itu gaya hidup mereka yang tidak mengambil peduli soal kebersihan diri.

Apabila zaman berubah, gaya hidup juga berubah. Selain pengetip kuku, banyak lagi peralatan dan aksesori lain diperkenalkan bagi mencantikkan kuku seperti pengetip lebihan kulit sekitar kuku atau kutikel, pengecat kuku dan peralatan mengilat permukaan kuku atau dipanggil buffing.

Penjagaan dan rawatan kuku pada masa kini bukan saja berkaitan kebersihan dan menyerlahkan penampilan diri yang rapi, tetapi untuk memenuhi tuntutan fesyen dan bergaya, bertepatan dengan rentak aliran gaya hidup terkini, di samping mengecapi kepuasan diri.

Perubahan zaman

Sekitar tahun 50-an, aliran kecantikan bagi penjagaan kuku adalah menyerlahkan penampilan menggoda yang hanya memerlukan sebotol pengilat kuku dan sebatang gincu berwarna merah menyala.

Memasuki era 70-an gaya penjagaan kuku lebih tampak semula jadi. Masih ada lagi menggunakan cat kuku, tetapi memilih warna merah bata, perang dan ungu lembayung.

Memasuki tahun 90-an, lingkungan tahun itu adalah kombinasi seluruh abad 2000 kerana dunia mula bekerja secara 'online' dan aliran gaya kuku juga lebih menarik dari tahun sebelumnya. Masyarakat Malaysia juga tidak terkecuali terikut-ikut dengan aliran itu. Salah satu sebab negara kita mula berkembang maju dalam industri ini ialah kerana pendidikan dan taraf hidup rakyat yang bertambah baik.

Panduan penjagaan untuk kecantikan kuku:

1. Minum banyak air. Mengekalkan badan kita terhidrat setiap hari, akan memastikan kuku juga terhidrat.
2. Elakkan menggunakan kuku sebagai peralatan seperti mengungkit, menggores dan memotong atau lain-lain.
3. Cara semula jadi untuk mengekalkan dan menjaga kesihatan kuku adalah mengamalkan pemakanan dan diet seimbang. Makan makanan yang mengandungi protein, kalsium dan jus minuman harian.
4. Pastikan tangan dan kuku sentiasa berada dalam keadaan bersih dan lembap. Amalkan menyimpan krim tangan kecil dan krim kuku di dalam beg tangan dan jadikan tabiat memakai krim setiap kali selepas mencuci tangan.
5. Elak daripada menyentuh bahan kimia dengan tangan.
6. Pakai sarung tangan apabila melakukan kerja rumah atau berkebun.
7. Pastikan selepas melakukan rawatan kuku, tidak diikuti dengan sebarang aktiviti berat seperti pembersihan.
8. Masa paling sesuai untuk mengecat kuku adalah satu atau dua jam sebelum tidur. Pastikan berada di dalam kawasan yang mempunyai ventilasi yang baik.
9. Kuku rapuh biasanya disebabkan kekurangan zat besi. Dinasihatkan supaya makan makanan yang mempunyai banyak zat besi untuk memastikan kuku yang sihat.

AUTO — Kereta, Trak, Bas
NOTIS — Laporan, Kewangan, Tender, Notis Am
KLASIFIKASI AM — Perkhidmatan, Kecantikan, Kesihatan, perabot
HARTANAH — Rumah, Kedai
KERJAYA — Sepenuh masa, Separuh masa, Latihan, Skim Graduan
KERAJAAN — Laporan, Kewangan, Tender, Notis Umum
LELONGAN/ GUAMAN — Hartanah, Lelongan, Guaman

Kerjaya

230 Jawatan Kosong

JAWATAN KOSONG Untuk

☞ PEGAWAI LADANG SAWIT

Sila hantar permohonan kepada:

Ketua Kerani
Ladang Triang
c/o Pejabat Pos Triang
28300 Triang, Pahang
Atau
Email: ***triangestate@tlkg.com.my***

(1) KELINDAN LORI (2) Pemandu Lori (Lesen GDL) (3) Packing Operator. Lokasi: Menglembu. Sila hubungi 05-2810606 atau 010-5173268 Sam Hoe Group of Companies

(1) PEMANDU LORI di Bayan Lepas Pulau Pinang. Berminat sila hubungi 04-6263833 atau 019-6320833

(1) PEMANDU LORI Tipper (2) Pemandu Trailer (3) Pemandu Lori Mixer dikehendaki segera di Ipoh. Sila hubungi: 05-357 1161.

1) PEMBANTU MAKMAL Lelaki Cum Pengeluaran, Diploma/ SPM. Gaji kasar RM2460. 2) Operator Lelaki. Gaji kasar RM2260. Kerja 5 hari seminggu. Di: Tai Thong Ind (M) S/B. No 3, Jln Taruka, Kaw Perind. Tampoi, JB. Tel: 07-2361423.

1) STORE KEEPER/ Pembantu Stor (Lelaki diutamakan). 2) Kerani (wanita shj) 3) Pemandu Lori. Pej: 03-3344 8663/3344 9822 /3342 9822 / Mr Khoo 019-814 9133 / Siti 011-2138 0815.

1)JURUTEKNIK HAWA DINGIN Mahir/ Separuh Mahir Segera. Future Cool Engineering (Tmn Sri Gombak) Hubungi: 03-6188 6200 Pn Ieda / 013-321 7474 En Nazir

JAWATAN KOSONG 1) Pemandu Lori 3 Tan. Lesen Memandu Yang Sah. Lesen GDL yang sah. Umur: 35 - 50 Tahun. 2) Pendawaian Elektrik (Lelaki). Ada pengalaman. Berminat sila hubungi : 019-7613707 Mrs Sim.

230 Jawatan Kosong

1. PEMANDU LORI 40 kaki. Lesen E (GDL Kelas E Bersendi) & passport Singapura. Di: E.S.B Transport Agency Sdn Bhd. Di: No 1, Jalan Bukit 24, Kawasan Perindustrian Seri Alam, 81750 Masai, Johor. Sila hubungi : 07-3888989 / 07-3868989 / 07-3868899.

JAWATAN KOSONG DI Seelong, Senai. 1) Service Advisor/ Storekeeper 2) Mekanik. Tel: 07-5951331/ 012-6811969 (whatsapp).

JURURAWAT PERGIGIAN DI Bkt Damansara dkt MRT. Tidak perlu pengalaman. Lepasan sekolah digalakkan. Whatsapp 017-3834780

JURUTEKNIK HAWA DINGIN dan Juruteknik Pencegah Kebakaran, ada/ tiada pengalaman dikehendaki segera di Desa Tun Razak, Cheras. Tel: 03-9172 4863

KILANG KOSMETIK DI Puchong belakang Tesco memerlukan Pekerja Am Lelaki & Wanita. 8pg - 4ptg. Gaji RM2,000 dengan OT. Berminat hubungi 012-668-3971

KILANG PAPAN-PALLET (JB-Kempas Lama). 1) Pemandu Lori 11 Tan, Jln local, Curtain Sider. 2) Mekanik (Mesin) 3)Supervisor 4)Pemandu Forklift. Tel: 012-7730291.

MEMERLUKAN PEMANDU LORI 10Ton, 3ton & 1ton. Mempunyai Lesen & GDL. Sila hubungi 016-9668644/ 012-2052300

230 Jawatan Kosong

MOHZAJAYA & SONS (M) S/B. 1)Penyelia Lelaki/ Wanita 2) Pekerja Am (Penyelenggaraan Lebuhraya) Lokasi di Johor Bahru. Hubungi 07-2325502 Pn Maziza.

OUTSTATION LORRY DRIVER. Lesen GDL E. Umur tidak melebihi 40 tahun. Berminat sila hubungi 04-3995259.

PEGAWAI & PENGAWAL Keselamatan Diperlukan Segera di Sri Hartamas, Puchong, PJ, Cheras, Ampang, Kajang & Glenmarie (wanita/ lelaki). Sila hubungi 019-357 4260

PEGAWAI KESELAMATAN & Admin dekat Subang Airport. Tel: 010-4415595/ 010-3575595/ 011-16073560

PEKERJA AM LELAKI diperlukan di Taman Mount Austin, JB. Gaji RM1900. Sila hubungi: 013-7207426.

PEKERJA MEKANIKAL/ JURUTEKNIK. Ada/ tiada pengalaman. Ada latihan. Di: 44, Jln Kempas 4, Kawasan Perind. Tampoi Indah, JB. Sila hubungi : 07-2369668.

PEMANDU LORI (SUBCON) 1 Tan to 10 Tan. Gaji RM2500 - RM3000++. Lokasi KL Tel: (017-3667039)

PEMANDU LORI /PEKERJA Am diperlukan segera. Lokasi di Jalan Cheras, Kajang. Hubungi: Ms Yeoh 03-8739 2778/ 012-690 7781.

PEMANDU LORI 3 tan & 5 tan. Pengalaman jalan JB-S'pura. Mempunyai Lesen GDL & E. Tel : 016-7150667 Mr Lim.

PEMANDU LORI DIPERLUKAN. Lokasi di Kepong Baru, KL. Calon berminat, Tel: 03-6274 3785 / 012-2955 921

PEMANDU LORI GDL 3Tan. Umur 25-30. Hantar kargo sekitar KL, Sel. 9pg-6ptg. Gaji RM1800-2000++ KWSP. Socso, elaun, OT, labor. No. 28, Jalan Bayu Tinggi 8, Batu Unjur Klang. 012-2590361

PEMANDU LORI LESEN E penuh diperlukan di Defong Ent Sdn Bhd, No.5, Jalan Bistari 2, Taman Industri Jaya, JB. Tel: 07-5112399

230 Jawatan Kosong

PEMANDU LORI TONG Gas & Attendan (1-3 tan - 10 tan). Ada Asrama/ KWSP/ SOCSO. Lot 191, Jln Satu Ehsan Jaya, Kepong KL. Tel: 03-62760234 / 019-330 1331.

PEMANDU LORI/VAN DENGAN pengalaman dan GDL diperlukan segera di Jalan 227, PJ. Umur bawah 45 tahun. Mahir kawasan Selangor dan KL. 5 hari bekerja. Yang berminat sila hubungi tel: 03-79586688 / 016-2100700 (Kath)

PEMANDU PERIBADI (KL)- min 3 thn pengalaman memandu & mengendalikan kereta mewah, umur di bwh 50 thn, mahir jalan2 di KL/PJ . Gaji+OT+Elaun. Tel: Jessie 011-1331 7612

PEMANDU PERIBADI (PENANG) diperlukan di pejabat Bellisa Row, Pulau Tikus. Umur 30-45. Mesti boleh OT. Gaji minima RM1,800 keatas. Tel : 019-4186406 sebelum 11am

PEMANDU PERIBADI PENGARAH Mesti tinggal berhampiran Kajang (Boss tinggal Kajang). Mesti berpengalaman + Vaksin lengkap. Gaji RM2K + OT + Elaun. Umur 30-50 thn. Whatsapp Ms Lim 012-3005638

PEMANDU, KREW, PENJAGA STOR & PEKERJA AM. (Pengutip sampah) di Ipoh, Perak. Sila hubungi Ms. Khai- 05-2547129 (Office hours) Faedah yang ditawarkan:- Cuti tahunan, potongan EPF, SOCSO. Bayaran cuti am, Pembayaran Kerja lebih masa & lain-lain faedah

PEMBANTU KEDAI (WANITA) Basic + Elaun ++++, Waktu Kerja : 8:30pg - 6ptg Lokasi : Taman Ungku Tun Aminah Kemasukan Segera Rajin Dan Bertanggungjawab. Sila Hubungi / Whatsapp : 012-7175282

PEMBANTU RUMAH WANITA di Kajang, Selangor. Menjaga 2 orang anak lelaki OKU autisme dan buta. Gaji bersih RM1,600. Tel: 013-3852848.

PEMBANTU STOR 2) Pemandu Lori 3) Kelindan Lori diperlukan di Kg. Baru Sungai Buloh. Ada EPF, SOCSO, EIS, elaun dan OT. Tel: 019- 252 6411 (Ms. Tan)

PENGAWAL KESELAMATAN DIKEHENDAKI segera di Pasir Gudang & Gelang Patah. Tel: 019-7503410 / 019-7518184.

230 Jawatan Kosong

PENGAWAL KESELAMATAN & Pegawai Operasi (segera) di Seri Austin & Impian Emas JB. Gaji RM2,200++. KWSP Hostel. Hubungi En Din: 019-7534040.

PENGAWAL KESELAMATAN LELAKI/ Wanita, Pegawai Operasi. RM1800-2500. JB, Gelang Patah, Bukit Indah, Setia Indah. Asrama, pinjaman harian. Tel 07-2366651 011-16186860 / 012-7891422.

PENGAWAL KESELAMATAN SEGERA di Lembah Klang. Asrama disediakan, duit harian. Tel: 0126317186 / 0127037186

PENGAWAL KESELAMATAN. BERTUGAS Kawasan bandar kuala lumpur Umur 25-55 & Boleh bertutur bahasa inggeris , RM2200 + EPF SOCOS tel 014-6409313

PENGAWAL, BERPENGALAMAN DAN Bertanggungjawab, Umur : 25 - 50 tahun, Lelaki. Boleh bekerja shift. EPF, Socso, OT. Lokasi : Melaka Raya. Sila Hubungi : 017-535 3376

PEREKA GRAFIK - Diploma. Lokasi : P. Pinang. Hubungi : : En. Gandi 012-5237678/ 012-4644022

SEBUAH SYARIKAT PEMBINAAN G7, memerlukan Operator Excavator untuk kerja-kerja Cerucuk Kepingan. Tel : 03-5122 2006 samb 1 @ 012-6569096

SINGAPURA HQ. JURUTEKNIK Kawalan Makhluk Perosak / Pest Control Technician. Lesen kelas D. SPM. Sila hubungi +65 8635 1602 / +65 8359 2514

TUKANG URUT WANITA diperlukan di Puchong. Full / Part Time. Berpengalaman 5 tahun ke atas. Tel: 011-16274366

VACANCY JOBS 1) Lorry Driver. (License E Full). At : No.34, Jalan Idaman 1/6, Senai Industrial Park, 81400 Senai, Johor. Tel: 07-5982653

Auto

200 Kereta Untuk Dijual

MITSUBISHI TRITON 2.5 (M) diesel double cap 2010 1 pemilik f/specs, Putih warna, keadaan baik. 38.5k. Tel: 012 3120855/ 019 3435293

PERSONA 2007. 1 pemilik. Mileage 63500km. Tiada kemalangan. Keadaan tip top. Leather seat. Plat No cantik. Dr Wong 012-2050848

213 Kenderaan Dikehendaki

!! 5-35 THN Kereta lama dikehendaki. Semua model & motorsikal. 03-4131 6899 (Pej) 012-3301689/03-41426001(Rmh

Pencarian anda berakhir di sini ! sewa atau beli dengan lebih pilihan hanya dengan 1klassifieds

Hartanah

095 Rumah Untuk Dijual

PERSIARAN ALAM DAMAI Cheras, 2tkt, 22x75, Bukan lot Bumi. Dekat semua kemudahan RM720K rdg. Tel: 012-3897488

Hartanah

095 Rumah Untuk Dijual

PEKAN SEPANG, RUMAH sesebuah satu tingkat. 0.4 Hektar. PT 3781. Bumiputera sahaja. Harga jualan : RM900,000.00. Sila Hubungi Atiqah 03-92855811.

TAMAN SG. SERING Gombak Rumah berkembar satu tingkat/ 222.967 mp/ Bumiputera Shj Hubungi Tn. Kechik 019-3738225

097 Rumah Dikehendaki

KAMI MENCARI RUMAH & Tanah utk dijual di Kawasan Johor. Tujuh hari dapat duit. Hubungi: 012-7832709.

117 Tanah Dikehendaki

1 - 10 ekar tanah lot & dusun dikehendaki di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Perak & Pahang. Tuan tanah sahaja. Hubungi Mohd 012-2237269.

MENCARI PENYEWA ? Pastikan iklan anda lebih MENYERLAH 1klassifieds DIBACA LEBIH 4.4 JUTA* PEMBACA www.1k.com.my 1300 808 123

Hartanah

098 Apartment Untuk Dijual

098 Apartment Untuk Dijual

RESIDENSI LAUREL
RESIDENSI LAUREL BANGSAR SELATAN
1+1 hingga 3 Bilik | 495 - 903 K.P
Harga Dari RM 350,000
03-2282 9993
UOA GROUP BUILDING EXCELLENCE

Klasifikasi Am

008 Personal

MENCARI ADIK RUSFADILAH BINTI MUSA, No KP: 751104 - 08 - 6070 atas urusan harta pusaka. Sila hubungi 011-39553361

043 Penjagaan Kesihatan/ Kecantikan

URUT TRADITIONAL DI KL. Lelaki dan wanita. (K/P 800527125658). Hubungi Ros 016-6228948

1klassifieds

051 Servis Ubahsuai Rumah



PASANG & BAIKI Autogate. Tukar Roller & Bearing. 29thn P'glaman. Alat Ganti 100% Asli. Cover Klang Valley. EE Automation 8062 5891

088 Wakil/Pengedar Dikehendaki

SYARIKAT ANTARABANGSA MEMBEKAL Nutrisi Nutrigenomics sedang mencari ejen Malaysia, Sabah, Sarawak, Singapura, Brunei dan Indonesia. WhatsApp 018-874 4570 untuk maklumat lanjut.

089 Pajakan/Pinjaman

PINJAMAN MOTOR, KERETA, Van. Shun Ho Motor, 17 Jln 2A/27A Wangsa Maju. Depan AEON. 03-4142 4344 / 55. Lulus Segera

1klassifieds

PENCARIAN ANDA BERAKHIR DI SINI!
Sewa atau Beli dengan LEBIH PILIHAN daripada biasa
1klassifieds AUTO
www.1k.com.my 1300 808 123

228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan

KWSP EPF

KENYATAAN TENDER

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Tender adalah dipelawa secara terbuka bagi perolehan seperti berikut:-

NO. TENDER	KETERANGAN TENDER	KOD BIDANG	WANG KESUNGGUHAN (RM)	TAKLIMAT TENDER (WAJIB)	TARIKH PELAWAAN	TARIKH TUTUP
2021 - 000465	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF TANDAS DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN KWSP JOHOR BAHRU, JOHOR.	**CIDB** Gred G4 Kategori B (Bangunan), Pengkhususan B07 (Hiasan Dalaman) atau B08 (Pemasangan Bahan Kalis Air) atau B13 (Pemasangan Jubin) atau B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai) **Dan** SPKK	**5,000.00**	**Tarikh:** 19.09.2022 (Isnin) **Masa:** 11.30 pagi **Lokasi:** Bilik Mesyuarat, Tingkat 14, Bangunan KWSP, Jalan Dato' Dalam, 80000 Johor Bharu, Johor Darul Takzim.	12/09/2022 (Isnin)	12/10/2022 (Rabu)

1. Tawaran tender bersama maklumat lengkap pelawaan boleh diperolehi atas talian mulai **21 September 2022 sehingga 10 Oktober 2022**. Hanya pembekal yang berdaftar dengan sistem e-Procurement KWSP (SAP Ariba – Ariba Network) sahaja yang layak menyertai tender ini.
2. Bagi pembekal yang belum berdaftar dengan sistem *e-Procurement* KWSP, pendaftaran boleh dibuat melalui pautan pendaftaran seperti berikut: http://epf.supplier/ariba.com/ad/selfregistration **tidak lewat tujuh (7) hari selepas tarikh lawatan tapak/taklimat tender.** Tuan/puan boleh menghubungi KWSP melalui email procurement@epf.gov.my atau hubungi talian 03-61226222 untuk sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran.
3. Pembekal hendaklah mempunyai sijil pendaftaran **CIDB dan SPKK** yang masih sah tempohnya semasa membuat pendaftaran secara dalam talian untuk tender ini. Pelawaan tender tidak akan ditawarkan sekiranya pembekal gagal mengemukakan dokumen lengkap dan terkini sewaktu membuat pendaftaran.
4. Taklimat Tender adalah **diwajibkan** dan akan diadakan pada **tarikh yang dinyatakan di atas**. Kegagalan pembekal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan menyebabkan penyertaan perolehan **TERBATAL** dengan sendirinya. Sebarang pertanyaan berkaitan boleh hubungi En. Azrul Mohd Aris (018-2816114) atau En. Noorazlan Mohd Nordin (019-3591184).
5. Bagi menghadiri Taklimat Tender secara fizikal, pembekal dikehendaki untuk melakukan ujian kendiri Saliva dalam tempoh tidak melebihi 24 jam sebelum tarikh dan masa Taklimat Tender secara fizikal diadakan. Hanya pembekal yang keputusannya negatif sahaja dibenarkan hadir sesi Taklimat Tender secara fizikal tersebut. Pembuktian ujian kendiri Saliva perlu dikemukakan kepada petugas sebelum menyertai sesi Taklimat Tender secara fizikal tersebut.
6. Pembekal dikehendaki mengemukakan salinan **Wang Kesungguhan** sebanyak **amaun yang dinyatakan di atas** dalam bentuk **Bank Draf/Jaminan Bank** di atas nama **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja** semasa menghantar dokumen secara atas talian. **Bank Draf/Jaminan Bank** yang asal hendaklah dihantar terus kepada **Unit Pengurusan Tender Vendor, Jabatan Pengurusan Harta, Tingkat 3, Menara KWSP, Persiaran Kwasa Utama, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor** selepas proses penghantaran melalui sistem e-Procurement KWSP selesai dilakukan. Wang Kesungguhan ini akan dikembalikan selepas keputusan tender dibuat.
7. **Tawaran dan Dokumen Perolehan yang telah lengkap dikunci masuk dan dilampirkan hendaklah dihantar melalui sistem e-Procurement KWSP tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari pada Tarikh Tutup yang dinyatakan di atas.**
8. KWSP tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah dan tidak akan bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan tender dan juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini.

memenuhi segala keperluan pengiklanan anda

1klassifieds

NEW STRAITS TIMES | BH | Metro

www.1k.com.my | 1300 808 123

Iga Swiatek bersama trofi kejuaraan selepas memenangi acara perseorangan wanita tenis Terbuka AS, semalam. (Foto REUTERS)

Jabeur gigit jari

Swiatek gah rangkul gelaran Grand Slam kedua

New York: Pemain nombor satu dunia, Iga Swiatek menewaskan pemain Tunisia, Ons Jabeur untuk memenangi gelaran Grand Slam keduanya tahun ini menerusi kejayaan pada final Terbuka Amerika Syarikat (AS) di sini, semalam.

Bintang Poland ini mengatasi kebangkitan pada set kedua lawannya itu untuk menang 6-2, 7-6 (7/5) dalam tempoh 1 jam 52 minit di Stadium Arthur Ashe.

Kemenangan itu diraih selepas kejayaan Swiatek di Terbuka Perancis pada Jun, sekali gus menjadikan pemain berusia 21 tahun itu wanita pertama sejak 2016 menang dua Grand Slam dalam semusim.

Gelaran ke-10 dalam karier Swiatek itu juga melebarkan rekodnya pada final kejohanan. Dia kini menang 10 final terakhirnya tanpa mencicirkan sebarang set.

Raih RM11.7 juta

Swiatek rebah di gelanggang sebagai tanda kelegaan menang kejohanan itu yang menyaksikannya meraih A$2.6 (RM11.7 juta) hadiah kemenangan.

"Saya amat gembira ia bukan wang tunai," katanya selepas diberikan 'cek kemenangan'.

"Bagi kejohanan ini ia amat mencabar kerana ia adalah New York - sangat bising, sangat gila.

"Terlalu banyak godaan di bandar ini, terlalu ramai orang yang saya jumpa sangat memberi inspirasi - saya bangga dapat mengatasinya secara mental," kata Swiatek yang juga menang Terbuka Perancis pada 2020.

Namun kekalahan itu satu lagi kekecewaan buat Jabeur, yang mahu bergelar wanita Afrika pertama muncul juara Grand Slam.

Pemain berusia 28 tahun itu juga tewas pada final di Wimbledon pada Julai.

"Saya sangat penat tetapi Iga tidak menjadikan ia mudah buat saya. Dia berhak menang hari ini. Saya tidak begitu menyukainya tetapi ia okey.

"Saya akan terus berusaha keras dan akan mendapat gelaran itu tidak lama lagi," kata Jabeur. AFP

Bayern seri kali ketiga

Berlin: Gol daripada pemain remaja Perancis, Mathys Tel tidak mencukupi apabila Bayern Munich diikat 2-2 di laman sendiri oleh Stuttgart, keputusan seri ketiga berturut-turut kelab itu dalam Bundesliga.

Pada permulaan keduanya buat Bayern, Tel bergelar pemain termuda menjaringkan gol buat kelab yang memberikan gol pembukaan buat juara Jerman itu pada babak pertama.

Tel yang berusia 17 tahun 136 hari, 69 hari lebih muda berbanding pemegang rekod itu, Jamal Musiala ketika dia meledak berdepan Schalke dua tahun lalu.

Tel memecahkan benteng kebal Stuttgart pada minit ke-36 apabila mengatasi penjaga gol pelawat, Florian Mueller selepas menerima hantaran baik Alphonso Davis.

Pelawat tidak perlu menunggu lama apabila Chris Fuehrich melepaskan sepakan kencang pada minit ke-57 yang tidak memberikan peluang buat Manuel Neuer di gawang.

Menyedari tenaga tambahan daripada pelawat, Bayern kembali di depan menerusi Musiala yang sekali lagi menampilkan ketenangan bagi menghasilkan gol ketiganya musim ini.

Dengan perhatian diberikan bagi menanti kunjungan pasukan diketuai Robert Lewandowski, Barcelona pada aksi Liga Juara-Juara, Bayern menguangkan cengkaman dan membuat perubahan sebelum Matthijs de Ligt mengasari Guirassy yang diberikan sepakan penalti. AFP

Serangan jantung ketika aksi Barcelona, Cadiz

Madrid: Skuad kendalian Xavi, Barcelona mendaki ke tangga teratas La Liga menerusi kemenangan 4-0 mengatasi pasukan terbawah, Cadiz semalam dalam perlawanan yang terjejas akibat kecemasan di tempat duduk penonton.

Barca kini mengumpul 13 mata daripada lima perlawanan.

Juara bertahan, Real Madrid, yang memiliki rekod sempurna setakat ini, boleh kembali ke kedudukan teratas apabila mereka menentang Real Mallorca.

Frenkie de Jong meledak jaringan pertama pada minit ke-55 dengan penyerang Poland, Robert Lewandowski menggandakan kelebihan pasukannya 10 minit kemudian.

Lewandowski kini mengumpul enam gol daripada lima perlawanan liga.

Perlawanan itu tergendala pada minit ke-82 kerana insiden serangan jantung di tempat duduk penonton.

Penjaga gol Cadiz, Jeremias Ledesma mengambil 'defibrillator' dari bangku simpanan dan segera ke tepi padang bagi memberikannya kepada pasukan perubatan di tempat duduk penonton.

Penyokong berkenaan kemudiannya dibawa ke hospital dengan ambulans. AFP

LA LIGA

Atletico	4 - 1		Celta Vig
Cadiz	0 - 4		Barcelona
Espanyol	2 - 3		Sevilla
R Vallecano	2 - 1		Valencia
Girona	2 - 1		R Valladolid

Neymar, Donnarumma selamatkan PSG

Paris: Neymar meledak jaringan ke-10 musim ini tetapi Paris Saint-Germain (PSG) yang lesu memerlukan Gianluigi Donnarumma menyelamatkan sepakan penalti babak kedua untuk memastikan kemenangan 1-0 mengatasi Brest dalam Ligue 1 semalam.

Donnarumma

Keputusan itu membawa PSG kembali ke persada liga dan mengekalkan permulaan tanpa kalah dalam kempen di bawah jurulatih baharu, Christophe Galtier.

PSG di kedudukan teratas menerusi perbezaan gol dengan Marseille, yang juga tidak kalah dalam liga selepas menewaskan Lille 2-1 dalam perlawanan lain.

Lens sebelum ini berkedudukan teratas selepas menewaskan Troyes 1-0 kelmarin, namun mereka kini dua mata di belakang pendahulu dan berkedudukan ketiga.

Walaupun menang, PSG menampilkan persembahan kurang memberangsangkan setakat ini berdepan Brest yang dua minggu lalu kalah 7-0 di laman sendiri kepada Montpellier.

Galtier mungkin sedar dia perlu membuat lebih perubahan dalam kesebelasan utama kerana aksi minggu ini berlangsung antara kemenangan 2-1 mereka dalam Liga Juara-Juara mengatasi Juventus dan akan ke Israel bagi menentang Maccabi Haifa awal pagi Khamis ini.

"Ia sentiasa sukar untuk bermain selepas aksi Liga Juara-Juara. Terlalu banyak tenaga digunakan dalam perlawanan seperti ini, secara mental dan fizikal.

"Saya tidak katakan saya cuba membuat perubahan tetapi ia mungkin tiada keinginan yang sama seperti yang kita lihat musim ini," kata Galtier kepada *Amazon Prime*. AFP

LIGUE 1

PSG	1 - 0		Brest
Marseille	2 - 1		Lille
Lens	1 - 0		Troyes

Neymar melepasi penjaga gol Brest, Marco Bizot untuk gol PSG ketika aksi Ligue 1 di Stadium Parc des Princes di Paris. (Foto AFP)

Raih gelaran 'The Invincibles'

Dari muka 46

Seandainya berjaya merangkul trofi Liga Super dan Piala Malaysia, Harimau Selatan bukan sahaja bakal merangkul kejuaraan 'treble' mereka buat kali pertama, malah turut menjadi pasukan pertama yang menyapu bersih empat piala dalam satu musim termasuk Piala Sultan Ahmad Shah.

Skuad 2022 adalah skuad terbaik yang pernah dimiliki JDT dengan berjaya mengekalkan rekod tanpa kalah sepanjang musim ini dan kemenangan 3-1 ke atas Terengganu (TFC) di pentas final Piala FA, kelmarin menjadi bukti bahawa prestasi Harimau Selatan sukar digugat.

Kualiti tinggi pemain di semua posisi dilihat menjadi perbezaan antara JDT dan TFC pada aksi final itu dengan skuad Harimau Selatan lebih efektif sama ada ketika menyerang mahu pun semasa bertahan.

Paling ketara adalah 'enjin' bahagian tengah skuad Bidoglio berfungsi lebih baik berbanding TFC dan elemen itu yang membolehkan JDT muncul juara kerana adanya hantaran 'membunuh' yang berjaya memecahkan benteng skuad Penyu.

Bidoglio boleh dianggap sebagai individu paling bertuah kerana dia hadir ke JDT pada pertengahan musim dengan skuad serba lengkap sudah tersedia, malah pengendali dari Argentina itu juga berpotensi muncul jurulatih Harimau Selatan yang pertama merangkul kejuaraan treble.

Dia juga boleh meraih pencapaian lebih manis sekiranya JDT berjaya mengekalkan rekod tanpa kalah dalam semua pertandingan di liga tempatan dan meraih gelaran 'The Invincibles' bagi musim ini.

JDT makin 'bernafsu'

Bidoglio tuntut anak buah buru lagi dua gelaran

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Piala FA sudah berada dalam tangan, Liga Super semakin hampir dalam genggaman, jadi adakah Johor Darul Ta'zim (JDT) sudah boleh puas dengan pencapaian yang ada?

Jawapannya, tidak sama sekali kerana skuad Harimau Selatan terus 'bernafsu' apabila mereka menyasarkan untuk melakar kejuaraan treble pada musim ini dengan Piala Malaysia yang akan dipertandingkan selepas ini menjadi buruan mereka.

Terus maju ke depan

Justeru, pengendalinya, Hector Bidoglio menuntut anak buahnya supaya tidak 'mengendurkan gear' dan terus maju ke depan bagi memastikan musim 2022 berakhir dengan lebih gemilang berbanding musim terdahulu.

"Sebelum saya datang ke JDT, saya sedar pasukan ini adalah pemenang. Mereka sering melangkah ke final di Malaysia dan saya rasa bangga untuk membantu JDT memenangi Piala FA malam ini (kelmarin).

"Selepas ini kami menyasarkan untuk memenangi treble. Sekarang kami berada di persada Liga yang mana akan melabuhkan tirainya tidak lama lagi dan selepas itu Piala Malaysia akan berlangsung.

"Jadi saya berharap semua pemain dapat memberikan aksi yang terbaik bagi merealisasikan misi terbabit. Harapnya kita juga dapat melakar rekod tanpa kalah dalam liga," katanya pada sidang media selepas perlawanan.

Terdahulu, JDT menepati ramalan apabila berjaya memenangi Piala FA buat kali kedua apabila menundukkan Terengganu FC (TFC) 3-1 pada aksi final Piala FA di Stadium Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

Arif Aiman Hanapi yang dinobatkan selaku pemain terbaik perlawanan akhir meledak gol pembukaan dan dua lagi gol disumbangkan Bergson da Silva manakala gol tunggak skuad Penyu dijaringkan oleh Tchetche Kipre.

Sebagai rekod, JDT sudahpun memenangi Piala Sumbangsih pada pembuka tirai Liga Super sebelum ini dengan menewaskan juara Piala Malaysia, KL City FC 3-0 di Stadium Sultan Ibrahim.

Tunku Mahkota Johor yang juga pemilik JDT, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dijulang pemain selepas menjuarai Piala FA 2022 kelmarin. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Arif Aiman tabik Tunku Ismail

Kuala Lumpur: 'Nikmati perlawanan dan pergi agresif.'

Itu kata-kata azimat daripada pemilik pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT), Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang menjadi pegangan bintang sedang meningkat, Arif Aiman Hanapi yang jelas menjadi 'aset termahal' negara ketika ini.

Pemain berusia 20 tahun itu meledak gol pembukaan untuk membantu skuad Harimau Selatan menewaskan Terengganu FC (TFC) 3-1 pada aksi final Piala FA di Stadium Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

"Terima kasih pada Tunku Ismail sebab kerana dia, saya ada di sini. Tunku Ismail selalu memberi motivasi kepada saya apabila menyertai pasukan utama.

"Pada mulanya, saya tidak sangka boleh beraksi dalam kesebelasan utama kerana pasukan ini dibarisi pemain berkualiti. Memang saya fikir bahawa saya tidak mampu bersaing dan tidak percaya boleh beraksi dalam kesebelasan utama.

"Saya selalu berpegang pada kata kata Tunku Ismail iaitu hanya pergi main agresif untuk setiap perlawanan yang dihadapi," katanya pada sidang media selepas perlawanan.

Selain membantu JDT merankul Piala FA buat kali kedua, Arif Aiman turut dinobatkan selaku pemain terbaik perlawanan akhir.

Arif Aiman diasak dua pemain TFC pada perlawanan akhir Piala FA kelmarin. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Belum berpuas hati

Namun, kemuncak prestasi yang sedang dinikmati pemain kebangsaan ini sama sekali tidak membuatkan dia 'besar kepala' apabila mengakui dia belum lagi berpuas hati dengan apa yang ditunjukkan olehnya.

"Saya sentiasa letakkan dalam diri saya untuk tidak pernah puas dalam setiap perlawanan kerana ada banyak lagi perlawanan untuk saya buktikan dan buat lebih baik.

"Saya hanya akan puas apabila saya rasakan diri saya boleh bermain lebih baik di peringkat antarabangsa, menang gelaran antarabangsa serta membawa JDT ke peringkat seterusnya dan lebih jauh dari sekarang," katanya.

PIALA FA FINAL

KEPUTUSAN

TFC	1 - 3	JDT

Senarai penjaring terbanyak Piala FA

6: Fernando Forestieri *(JDT)*
4: Arif Aiman Hanapi, Bergson da Silva *(JDT)*; Caion *(Selangor)*; Hilal el Helwe *(Penang FC)*
3: Faisal Abdul Halim, Tchetche Kipre *(TFC)*; Haikal Sahar *(Skuad Projek FAM-MSN)*

Sanusi ucap tahniah tetapi sindir JDT

Forestieri dedikasikan kejayaan kepada Presiden KFA

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Presiden Persatuan Bolasepak Kedah (KFA), Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor turut mengucapkan tahniah atas kejayaan Johor Darul Ta'zim (JDT) menjulang Piala FA selepas menewaskan Terengganu FC (TFC) 3-1 di Stadium Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

Namun ucapan tahniah yang diberikan Sanusi yang juga Menteri Besar Kedah itu dianggap 'tajam' kerana dilihat seakan menyindir skuad Harimau Selatan yang diperkasa dengan ramai pemain naturalisasi dalam kesebelasan utamanya.

"Tahniah JDT menang Piala FA semalam (kelmarin)... sayangnya pemain JDT tak pandai cakap Johor," kata Sanusi menerusi akaun Facebooknya, semalam.

Ambil kesempatan

Hantaran itu bagaimanapun menyebabkan Sanusi 'diserang' pelayar internet, namun ada juga yang mengambil kesempatan 'menangguk di air yang keruh' dengan turut sama menyindir juara Liga Super lapan kali itu.

Terdahulu, Sanusi mendapat 'hadiah' istimewa apabila penyerang Johor Darul Ta'zim (JDT), Fernando Forestieri mendedikasikan kejayaan menjulang Piala FA kepada dirinya.

Menerusi hantaran di laman Instagramnya, bekas penyerang Udinese itu turut mengucapkan terima kasih kepada Sanusi atas 'sokongan' yang diberikan, sekali gus menyaksikan skuad Harimau Selatan berjaya menjulang Piala FA buat kali kedua.

Fernando Forestieri

"Ini untuk sahabat, Muhammad Sanusi Md Nor. Terima kasih atas sokongan anda. Nikmati piala ini," katanya.

Sebelum ini, tular di media sosial klip video berdurasi 21 saat memaparkan Muhammad Sanusi menggayakan jersi TFC dalam satu majlis menjelang aksi final Piala FA.

Klip video itu kemudiannya mengundang pelbagai reaksi daripada netizen, namun Sanusi menyatakan sokongan diberikan itu adalah kerana isterinya berasal dari negeri Pantai Timur itu.

'Kami perlu segera lupakan kekalahan ini'

Kuala Lumpur: Kapten pasukan Terengganu FC (TFC), Tchetche Kipre menjelaskan pasukannya perlu menyalahkan diri sendiri selepas tewas 3-1 di tangan Johor Darul Ta'zim (JDT) pada aksi final Piala FA, kelmarin.

Penyerang berusia 34 tahun itu menganggap JDT beraksi lebih baik pada perlawanan di Stadium Nasional, Bukit Jalil hingga merangkul kejuaraan Piala FA buat kali kedua selepas 2016.

"Kami sangat kecewa kerana apabila anda bermain di final adalah untuk menang. Kami kalah, jadi tiada apa yang boleh dikatakan, hanya kami boleh salahkan diri sendiri. Saya fikir JDT bermain lebih baik dari kami dan sebab itu mereka menang," katanya.

Kekalahan itu menyaksikan impian skuad Penyu untuk menjulang Piala FA buat kali ketiga dan menamatkan penantian untuk membawa pulang semula trofi itu ke bumi Terengganu selepas 11 tahun musnah.

Selain itu, Kipre menegaskan bahawa pasukannya perlu melupakan kekalahan di pentas akhir Piala FA dan memberi fokus memperbaiki kedudukan dalam Liga Super.

"Kami ada perlawanan pada 14 September (berdepan Penang dalam Liga Super) dan kami perlu fokus. Lupakan perlawanan ini, ia sudah berlalu dan kita tak boleh mengubah keputusan.

"Kami perlu fokus kepada Liga Super dan selepas itu memikirkan perancangan untuk piala yang lain. Paling penting adalah Liga Super kerana ia langkah seterusnya selepas Piala FA," katanya.

Nafuzi tak menyesal turunkan Rahadiazli

Kuala Lumpur: Ketua jurulatih Terengganu FC (TFC), Nafuzi Zain menegaskan bahawa dia tidak menyesal menurunkan penjaga gol muda, Rahadiazli Rahalim pada aksi final Piala FA di Stadium Nasional, Bukit Jalil kelmarin.

Ia susulan pemain berusia 21 tahun itu dilihat melakukan kesilapan apabila keluar dari posisinya hingga membolehkan Bergson Da Silva meledak gol ketiga Johor Darul Ta'zim (JDT).

Mengakui Rahadiazli melakukan kesilapan, Nafuzi bagaimanapun menjelaskan tidak akan menghukum penjaga gol itu dan memahami kekurangan pengalaman serta tekanan yang dihadapi pemain muda.

Malah, beliau menganggap ia sebagai proses pembelajaran buat Rahadiazli dan barisan pemain muda yang lain untuk terus meningkatkan prestasi terutama apabila beraksi dalam perlawanan besar.

"Saya tak pernah menyesal letak pemain saya. Sebelum ini pun lawan Negeri Sembilan dia tangkap terlepas dan kita kalah 2-1, tapi perlawanan seterusnya dia masih bermain.

"Saya bukan jenis jurulatih yang menutup ruang untuk pemain terutama pemain muda. Ini semua proses belajar, pada mata saya, banyak lagi pemain-pemain ini perlu belajar.

"Tapi dengan kesilapan dalam perlawanan besar seperti ini, ia perlu dibayar dengan harga yang mahal. Apa pun dia sudah bagi yang terbaik, tanpa aksi cemerlang dia di separuh akhir tak mungkin kami sampai ke final," katanya.

Kekalahan 3-1 di tangan JDT menyaksikan TFC tidak berjaya merealisasikan impian mereka untuk membawa pulang Piala FA selepas kali terakhir skuad Penyu memenangi trofi itu pada 2011.

Selain itu, Nafuzi turut mengakui bahawa jurang kualiti dan pengalaman yang dimiliki barisan pemain JDT menjadi perbezaan utama dengan pasukannya.

"Saya faham ini perlawanan akhir, situasinya berbeza dengan liga biasa dan kita tengok dari segi pemain terutama TFC, majoriti pemain muda.

"Pemain JDT sudah banyak pengalaman beraksi di final dan kita nampak tahap berbeza TFC dengan JDT. Tapi saya berasa kami sudah berikan persembahan yang baik.

"JDT jauh lebih baik berbanding kami untuk perlawanan akhir ini. Kualiti di bahagian tengah mereka lebih baik berbanding TFC dan sebab itu pemain sayap kami seperti Faisal Halim tak dapat terima bola," katanya.

Rahadiazli gagal menyekat sepakan penalti Bergson da Silva pada aksi final Piala FA kelmarin. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Pemain JDT meraikan kejayaan merangkul Piala FA 2022 selepas menewaskan TFC 3-1 di Stadium Nasional Bukit Jalil, kelmarin. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

JDT mampu sapu bersih

Oleh Zulfaizan Mansor
zulfaizan@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Kejayaan Johor Darul Ta'zim (JDT) menjuarai Piala FA boleh dianggap sebagai petanda bahawa Harimau Selatan bakal menyapu bersih semua trofi dalam kancah Liga Malaysia musim ini.

Kekalahan Sabah di tangan Selangor dalam aksi Liga Super, kelmarin turut menyaksikan trofi liga utama itu hampir pasti akan terus kekal bersama Harimau Selatan buat kali kesembilan berturut-turut sejak 2014.

JDT kini mendahului Sabah enam mata di kedudukan teratas liga dan masih berbaki enam perlawanan berbanding skuad kendalian Datuk Ong Kim Swee yang hanya memiliki empat perlawanan sahaja lagi.

Hanya perlu 4 kemenangan

Secara matematiknya, JDT hanya perlukan empat lagi kemenangan untuk mengesahkan kejuaraan Liga Super dan berdasarkan prestasi semasa dipamerkan Harimau Selatan, tidak nampak tanda-tanda pasukan lain boleh merampas takhta itu dari mereka musim ini.

Malah, anak buah Hector Bidoglio mungkin boleh mengesahkan kejuaraan lebih awal sekiranya Sabah terus tercicir mata penting dalam baki empat perlawanan mereka.

Pada pandangan mata kasar, tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa JDT kini sebenarnya sudah boleh merencanakan persiapan terbaik untuk mengintai gelaran Piala Malaysia dan melengkapkan kejuaraan 'treble'.

Sukan 44

Swiatek buat Jabeur gigit jari lagi

Sukan 43

Cara Sanusi ucap tahniah kepada Harimau Selatan

Sukan 45

Dicetak oleh Print Towers Sdn Bhd, (Dahulunya dikenali sebagai Berita Harian Sdn Bhd), 198501008724 (141172-W), Loji Daerah - No 16, Jalan U8/88, Taman Perindustrian Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor.
Lot 322 & 323, Kawasan Perindustrian Perai, 13600 Perai, Pulau Pinang. 1 2 3 4
Diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M'sia) Bhd. 196101000449 (4485-H), 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

PTPTN bantu ibu bapa tingkat literasi kewangan

Langkah perkenal Simpan SSPN elak berhutang untuk sambung pengajian

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Literasi kewangan atau pengetahuan serta pemahaman berkenaan sistem kewangan penting dalam kehidupan ketika ini, malah ia perlu dipupuk sejak dari usia muda lagi.

Bagaimanapun, ketika ini Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sudah mengorak langkah, membantu ibu bapa menabung untuk masa depan pendidikan anak mereka dengan menyediakan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).

Mengulas lanjut usaha PTPTN, Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata fungsi sebenar agensi itu ketika ini semakin meluas berbanding sebelum ini yang hanya memberi pinjaman pendidikan.

Katanya, Simpan SSPN adalah satu langkah baik kerana ia dapat mengelakkan daripada kebergantungan untuk membudayakan pinjaman pendidikan.

"Apabila mempunyai simpanan pendidikan ia dapat mengelakkan berhutang untuk menyambung pengajian, sekali gus memberi isyarat pendidikan tinggi ini adalah tanggungjawab rakyat.

"Masyarakat perlu mempunyai tanggungjawab menyimpan duit, terutama untuk pendidikan dan bukan meletakkan sepenuhnya tanggungjawab itu kepada kerajaan atau PTPTN," katanya kepada *BH*.

Menariknya katanya, usaha PTPTN memperkenalkan Simpan SSPN dapat meningkatkan literasi kewangan ibu bapa untuk masa depan anak mereka.

Katanya, ia penting kerana ibu bapa perlu ada kesedaran dan usaha itu sudah dipermudahkan dengan bantuan PTPTN sendiri.

"Peranan ibu bapa penting dan mereka perlu mempunyai literasi kewangan yang baik kerana mereka yang perlu menguruskan tabungan anak sejak anak kecil, terutama untuk pembelajaran," katanya.

Justeru, beliau berharap PTPTN dapat meneruskan setiap usaha yang dilakukan ketika ini, termasuk pemberian pinjaman pendidikan supaya generasi akan datang masih berpeluang menyambung pengajian.

Pemberian pinjaman pendidikan perlu diteruskan

Katanya, pemberian pinjaman pendidikan perlu diteruskan kerana tidak semua orang mampu membuat tabungan pendidikan sejak kecil atas banyak faktor.

"Ia juga dapat mengelak daripada pelajar yang ingin menyambung pengajian sukar menyambung pengajian kerana masalah kewangan yang dihadapi.

"Sumbangan PTPTN sangat besar di negara ini dalam membantu ramai pelajar menyambung pengajian mereka," katanya.

> Sumbangan PTPTN sangat besar di negara ini dalam membantu ramai pelajar menyambung pengajian mereka

Mohd Izani Mohd Zain, *Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)*

Katanya, jika PTPTN tidak wujud, sudah pasti ramai pelajar yang tidak dapat menyambung pengajian kerana berdepan pelbagai kekangan, terutama membabitkan kewangan.

"Saya berharap di Malaysia, kalau boleh tidak berlaku masalah pelajar yang tidak dapat menyambung pengajian kerana tidak mampu. Kita mesti memastikan soal akses dan ekuiti dalam pendidikan tinggi dipertahankan.

"Seperti dapat kita lihat, PTPTN selain memberi pinjaman pendidikan, mereka juga turut memberi pendidikan percuma kepada pelajar cemerlang.

"Apabila ada pelajar yang berjaya mendapat ijazah kelas pertama, mereka dapat menukar pinjaman kepada biasiswa iaitu satu usaha baik untuk menggalakkan pelajar cemerlang dalam pelajaran," katanya.

Pada masa sama, beliau turut berharap PTPTN terus memperkenalkan inisiatif baharu kepada peminjam dan bakal peminjam sebagai tarikan.

Sumbangan PTPTN beri manfaat, rentas generasi

Kuala Lumpur: Memberi manfaat jangka panjang merentas generasi sejak 25 tahun lalu, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus diyakini sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara.

Seorang daripada peminjam PTPTN yang kini turut menjadi pendeposit melalui skim tabungannya, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN), Mohd Hakimi Hassim, 38, berkata sumbangan organisasi amat besar apabila lapan adik-beradiknya berpeluang melanjutkan pengajian ke universiti melalui pinjaman yang disediakan.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai Pegawai Belia dan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan, berkata tanpa PTPTN, mungkin mereka tidak mampu menampung kos pengajian yang tinggi dan mencapai kejayaan hari ini.

"Ayah saya dulu bekerja sebagai tentera, malah kami hidup agak susah kerana adik beradik ramai. Tetapi kami bertuah sebab ada PTPTN, jadi dapatlah kami adik-beradik sambung pengajian dan Alhamdulillah semuanya kini graduan universiti serta berjaya membina kerjaya.

"Dari situ timbul kesedaran untuk menabung pula melalui Simpan SSPN untuk empat anak berumur lapan tahun hingga 11 bulan, kerana manfaatnya cukup besar supaya mereka tak berdepan masalah kewangan untuk melanjutkan pengajian pada masa akan datang," katanya yang membuka dua akaun Simpan SSPN Prime dan dua akaun Simpan SSPN Plus untuk anaknya.

Graduan dalam bidang Komunikasi Massa dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) itu turut melihat kebaikan Simpan SSPN yang membantunya lebih berdisiplin dalam menguruskan tabungan pendidikan anak.

Ringankan beban rakyat

Bagi pekerja swasta, Siti Khairunnisa Aziz, 31, yang juga bekas peminjam PTPTN, melihat perkhidmatan pinjaman disediakan badan itu banyak meringankan beban rakyat, terutama yang berdepan pelbagai kesusahan dalam tempoh pasca COVID-19.

"Saya sendiri pernah pinjam PTPTN untuk sambung belajar dan sebagai anak sulung, sekurang-kurangnya tidaklah bergantung kepada ibu bapa, memandangkan dua adik pun ketika itu seorang masih di sekolah dan turut sambung pengajian ke universiti.

"Lagipun ketika ini bukan hanya golongan B40 atau orang susah sahaja yang perlukan pinjaman, kelompok lain seperti keluarga dari M40 juga ramai yang terkesan akibat COVID-19 seperti hilang pekerjaan dan sebagainya," katanya.

Siti Khairunnisa sudah pun melangsaikan sepenuhnya baki pinjaman pengajian dan berharap lebih ramai peminjam mengambil langkah sama supaya dapat memberi peluang kepada generasi baru yang memerlukannya.

Seorang daripada bekas peminjam PTPTN yang menikmati pengecualian bayaran balik pinjaman kerana memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama pada 2008, Noor Khalijah Mazlan, 35, berkata insentif itu sangat bermakna kerana beliau bebas hutang sebaik tamat pengajian.

"Insentif sebegini sangat menyuntik semangat untuk mahasiswa belajar bersungguh-sungguh, malah ia juga memotivasikan saya untuk memperoleh keputusan cemerlang setiap semester.

"Jadi, selepas tamat pengajian, saya hanya perlu bayar pinjaman untuk diploma sebanyak RM15,000 dan ambil keputusan untuk buat bayaran penuh melalui simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), beberapa tahun selepas bekerja," katanya.

> Kami bertuah sebab ada PTPTN, jadi dapatlah kami adik-beradik sambung pengajian

Mohd Hakimi Hassim, *Pegawai Belia dan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan*

> Insentif sebegini menyuntik semangat untuk mahasiswa belajar bersungguh-sungguh

Noor Khalijah Mazlan, *Bekas peminjam PTPTN*

Evolusi Penubuhan PTPTN

1997

Idea Penubuhan PTPTN

Penubuhan PTPTN adalah cetusan idea daripada Menteri Pendidikan pada ketika itu. PTPTN telah ditubuhkan pada 1 Julai 1997.

Lokasi Pentadbiran Pertama

PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997 di bangunan Wisma Chase Perdana, Kuala Lumpur.

1999

Wang Pendahuluan Diri (WPD)

WPD disediakan kepada pelajar IPTA sebanyak RM1,000 sebagai bantuan awal untuk pelajar membuat persediaan ke IPT.

2004

Skim Simpanan Pendidikan Nasional

SSPN merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang diwujudkan khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi yang telah dilancarkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang menjadi Perdana Menteri ketika itu.

Penurunan Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran pinjaman telah diturunkan daripada 4% kepada 3%.

2003

Pengeculian Bayaran Balik Pinjaman

Pengeculian bayaran balik pinjaman diberikan kepada pelajar yang dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.

2000

Perluasan Skop Pinjaman

Skop Pinjaman diperluaskan kepada semua pelajar IPTS untuk kursus peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

2007

Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)

Seiring keperluan, wang pendahuluan diperluaskan kepada pelajar Politeknik dan IPTS dengan jumlah dinaikkan kepada RM1,500 dan dikenali sebagai Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP).

Permohonan Pinjaman Secara Dalam Talian

Transformasi permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian.

2008

Kadar Ujrah 1%

Tawaran pinjaman berlandaskan konsep ujrah dengan kadar 1% setahun atas kadar rata.

2012

SSPN-i Produk Patuh Syariah

SSPN mendapat pengiktirafan produk patuh syariah oleh *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM), dengan menggunakan konsep 'Wakalah Bil Istithmar'.

Penubuhan Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan

PTPTN meluaskan operasi dengan penubuhan Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan. Sehingga kini, terdapat 64 cawangan di seluruh negara.

2018

Pelaksanaan Transaksi Tanpa Tunai

Mulai 1 Julai 2018, PTPTN melaksanakan kaedah bayaran tanpa tunai.

2016

Pembukaan Akaun SSPN-i Plus Secara Dalam Talian

Pembukaan akaun SSPN-i Plus boleh dibuat secara dalam talian.

2015

SSPN-i Plus

Pada 8 Jun 2015, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan pada ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melancarkan SSPN-i Plus.

SSPN-i Plus
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

TABUNG Pendidikan

Penukaran Logo PTPTN Kepada Tabung Pendidikan

PTPTN telah melaksanakan penjenamaan semula logo selaras dengan objektif PTPTN sebagai institusi penabungan dan pengurusan dana bagi tujuan pendidikan tinggi.

2021

Penjenamaan Produk SSPN

Penjenamaan produk SSPN kepada Simpan SSPN dengan tambahan manfaat yang lebih menarik.

Simpan
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

myPTPTN

2022

Aplikasi Mudah Alih myPTPTN

Aplikasi mudah alih myPTPTN dilancarkan dalam menjayakan agenda pendigitalan negara oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

PELUANG KEJAYAAN ANDA

JUBLI PERAK 25 TAHUN 1997-2022

TABUNG Pendidikan

Jubli Perak 25 Tahun PTPTN

Sambutan ini sebagai tanda penghargaan dan terima kasih PTPTN kepada semua pihak yang telah bersama-sama berganding bahu demi melestarikan aspirasi kecemerlangan PTPTN.